



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1665]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.1, B.6, B.7 dan B.8 (Ruangan 1739)

Maksud B.19 (Ruangan 1779)

Maksud B.20 (Ruangan 1783)

Maksud B.26 (Ruangan 1784)

Maksud B.30 (Ruangan 1816)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.7 (Ruangan 1739)

Maksud P.24 (Ruangan 1783)

Maksud P.26 (Ruangan 1784)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., PLS. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., PLS. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menten Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SBRI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.MJ., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD.TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED. D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Srn ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan. TUAN LOKU YUEN Yow, A.M.P (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan. TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatari Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DK ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M.. P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Mcnteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Mentcri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Purlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BTN JAFAR. S.M.I., A.M.N.. P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DAIO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PEIER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.I. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar),
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAP BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yung Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAPIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONC, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM. D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM. S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.STJ. (Limbawang),
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. AU (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)..
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEMANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
 - .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE. P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
 - .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 - .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
 - .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
 - .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
 - .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 20hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 2 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 3 Y.B. Dr V. David tidak hadir).

**BUKU "SATANIC VERSES"—
PENGHARAMAN**

4. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian terhadap buku yang ditulis oleh Salman Rushdie bertajuk "Satanic" Verses" (Surah-surah Syaitan) yang menghina Islam. Adakah pihak Kementerian telah

mengharamkan kemasukan naskah-naskah buku tersebut ke dalam negara ini? Adakah tindakan dan hukuman yang boleh dikenakan terhadap sesiapa yang mengedarkannya?

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah pun mengharamkan buku bertajuk "The Satanic Verses" (Surah-surah Syaitan) yang ditulis oleh Salman Rushdie oleh kerana ianya menghina agama Islam.

Sebaik sahaja pengharaman buku berkenaan diwartakan, mana-mana orang didapati memiliki buku berkenaan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$5,000.00. Selain daripada itu pencetakan, pengimportan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan buku tersebut adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987). Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi \$20,000.00 atau kedua-duanya.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana buku ini telah diharamkan, ini bermakna kita sebagai Ahli Parlimen tidak berpeluang membaca buku tersebut. Jadi, bolehkah Yang

Berhormat Menteri berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini di mana aspek atau dari mana sudut buku ini menghina agama Islam? Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pihak kami sebenarnya telah membuat keputusan bahawa buku ini tidak boieh dibaca oleh sesiapa sekalipun termasuk Yang Berhormat sendiri, dan mengenai 'soal aspek ke mana buku ini menghina, setelah kajian dibuat, kami dapati pada keseluruhannya ianya mengandungi sesuatu yang boleh menghina agama Islam sendiri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati buku ini memang diharamkan tetapi ada juga didapati beberapa petikan yang disiarkan dalam majalah dan akhbar. Jadi, saya ingin tahu adakah petikan-petikan ini juga dianggap salah ataupun bagaimana?

Yang keduanya, kita lihat negara-negara Islam menuntut supaya Salman Rushdie ini dibunuh dan memang dalam Islam mereka yang menghina agamanya ataupun yang murtad boleh dibunuh. Bagaimanakah pandangan pihak Kerajaan Malaysia terhadap perkara ini dan apakah sikapnya? Yang ketiga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu terakhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya menyatakan sekejap tadi bahawa apakah bentuk kenyataan berhubung

dengan buku ini diharamkan. Jadi, ini satu kenyataan yang tegas dan mana-mana siaran yang dibuat selepas itu mengandungi unsur-unsur ataupun mengandungi kata-kata daripada "Satanic Verses" ini sememangnya tidak dibenar dibaca oleh sesiapa sekali pun.

Berhubung dengan soal hukuman bunuh, itu adalah tanggungjawab negara yang berkenaan. Pihak kita hanya setakat ini memperkatakan bahawa ianya diharam untuk dibaca.

KONGLOMERAT KORPORAT MEMPENGARUHI PASARAN SAHAM

5. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar wujudnya sebuah konglomerat korporat yang besar yang dikenali sebagai "The Kuala Lumpur Black Hole" bahawa ia mempunyai pertalian politik yang kuat dan ia berupaya mempengaruhi pasaran saham dengan mengorbankan pelabur-pelabur kecil dan kestabilan pasaran.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Kewangan tidak sedar ada wujudnya sebuah konglomerat korporat yang besar yang dikenali sebagai "The Kuala Lumpur Black Hole". Seterusnya pasaran saham yang sensitif biasanya dipengaruhi oleh berbagai faktor dan di antara faktor-faktor ini adalah di dalam kawalan Kerajaan. Dengan itu, apa-apa pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur kecil adatah tertakluk kepada faktor-faktor ini juga dan mereka terpaksa mengambil risiko yang sama.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada beliau

sedar bahawa berlakunya "insider trading" di Pasaran Saham Kuala Lumpur dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk bertindak terhadap orang yang mengambil bahagian dalam "insider trading" dan juga mencegah "insider trading"?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan Kerajaan tidak ada "insider trading" yang berlaku di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Jika ada bukti dapat dicari orang-orang yang terlibat di dalam aktiviti ini akan dihukum.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat hairan oleh sebab beliau tidak faham atau tidak sedar ada Kuala Lumpur Black Hole di seluruh Kuala Lumpur Stock Exchange, semua broker pun tahu ada Black Hole, di lain-lain pasaran termasuk Hongkong dan Singapura pun tahu hal ini. Saya rasa sangat hairan oleh sebab itu sangat dahsyat kepada negara atau kepada bursa-bursa saham kita sebab Black Hole iaitu konglomerat yang besar boleh manipulate market ini dan saya dengar juga siapa yang sudah jadi ketua konglomerat ini ada kuasa untuk menukar-nukar syer-syer. Adakah Kerajaan atau pihak Kementerian berminat untuk siasat konglomerat Black Hole ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus menyiasat apa yang dituduh oleh Yang Berhormat berkenaan.

HOSPITAL—BAYARAN TUNGGAKAN PESAKIT

6. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah masih banyak pesakit-pesakit tidak menjelaskan bayaran hospital. Apakah syarat-syarat yang dikenakan ketika pesakit-pesakit itu dimasukkan ke

hospital-hospital. Berapakah jumlah yang masih terhutang kepada hospital-hospital seluruh Malaysia sampai akhir tahun 1988.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mendapati masih ramai pesakit yang tidak menjelaskan bayaran hospital disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Dasar Kerajaan ialah untuk mengutamakan pemberian rawatan daripada perkara-perkara bayaran. Tidak ada tindakan untuk menolak rawatan ataupun menolak memberi ubat kepada mereka yang tidak membayar.
- (ii) Adanya kumpulan pesakit yang mampu membayar tetapi enggan membayar kerana hendak mengambil kesempatan daripada dasar pengecualian bayaran yang diberikan kepada pesakit yang tidak mampu membayar.
- (iii) Ada juga pesakit yang tidak mampu membayar tetapi tidak membuat permohonan bagi mendapatkan pengecualian bayaran dan kadangkala hanya memberikan surat sokongan tidak mampu membayar dari pihak-pihak tertentu dan ini tidaklah cukup untuk memberi pengecualian bayaran secara rasmi, jadi tunggakannya masih ada.
- (iv) Kerumitan dalam mengesan alamat pesakit-pesakit yang belum menyelesaikan bil bayaran mereka kerana mereka telah berpindah rumah ataupun tidak memberi alamat yang betul.

Mengenai syarat kemasukan, Perintah Fee (Perubatan) 1982 telah memperuntukkan supaya pesakit-pesakit membayar deposit mengikut

amaun yang telah ditetapkan, atau mengadakan surat jaminan pembayaran yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan sebelum mereka dimasukkan ke dalam sesuatu hospital. Secara pentadbiran pesakit-pesakit dibenarkan masuk ke hospital walaupun tidak mengikuti syarat-syarat ini dengan permintaan kepada mereka membuat demikian pada hari kemudian. Tindakan seperti ini adalah luas, khasnya dalam keadaan pesakit dibawa ke hospital dalam keadaan yang cemas.

Sehingga akhir tahun 1988 anggaran jumlah hutang pesakit-pesakit yang terkumpul atau, dengan izin, cumulative total di hospital-hospital Kerajaan seluruh Malaysia ialah \$35,600,000.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jumlah hutang daripada pesakit-pesakit. Tidak adakah niat Kerajaan hendak menghapuskan atau, write-off, dengan izin, hutang-hutang itu yang walaupun memang diusahakan untuk mengambil balik tetapi nampaknya kelesuan usaha itu ketara sangat. Jadi, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan (write-off) hutang-hutang itu? Itu satu.

Keduanya, adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan semua membayar sama ada, satu menswastakan perkhidmatan kesihatan di negara kita, ataupun keduanya, mungkin juga bercadang hendak memberi perkhidmatan percuma seluruhnya kepada rakyat di negara ini kerana soal hutang, soal tidak mampu membayar ini sentiasa dan terus timbu! sekiranya salah satu daripada usaha atau cadangan yang saya sebutkan tadi tidak dilaksanakan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peraturan-peraturan tertentu mengenai penghapusan hutang-hutang Kerajaan

dan setiap tahun kita memang menghapuskan beberapa jumlah bayaran yang nampaknya tidak dapat dikutip. Yang lainnya diusahakan seboleh-bolehnya untuk dikutip.

Kedua, mengenai alternatif yang lain iaitu mewujudkan satu sistem financing pembayaran rawatan hospital itu, perkara ini memang dalam pertimbangan seperti diumumkan beberapa kali. Kerajaan pada masa ini tidak mempertimbangkan untuk menjadikan seluruh perkhidmatan rawatan itu di hospital-hospital sebagai percuma. Pada masa ini kita memang memberi lebih kurang 80% hingga 85% perkhidmatan kita sebagai rawatan perkhidmatan di hospital dalam Wad-wad Kelas Tiga, iaitu dengan bayaran yang rendah sahaja dan dari itu pun ada ramai yang dapat pengecualian untuk membayar bergantung kepada kemampuan mereka. Kerajaan merasa sistem pengecualian itu adalah satu yang lebih munasabah dalam keadaan kita sekarang.

PELARIAN FILIPINA DI SABAH

7. Tuan Hu Sepang minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah permintaan untuk menubuhkan sebuah konsulat di Kota Kinabalu oleh Kerajaan Filipina mendapat sambutan dingin daripada Wisma Putra kerana tujuannya ialah untuk bantu mendaftar pelarian-pelarian Filipina di Sabah dan dengan demikian boleh membantu dalam program pengusiran balik mereka.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, soal pelarian Filipina di Sabah memerlukan satu penyelesaian yang menyeluruh. Untuk maksud ini, Kerajaan Pusat telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah badan

khas ataupun, dengan izin, Task Force yang akan bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini. Dalam hal ini, soal penubuhan sebuah Konsulat Filipina di Kota Kinabalu semata-mata untuk membantu menyelesaikan masalah orang-orang pelarian Filipina tidak timbul. Malah ini adakah suatu perkara yang berasingan dan memerlukan pertimbangan yang sesuai dalam rangka hubungan di antara kedua negara.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa orang-orang Philippines yang berada di Sabah bukan sahaja terdiri daripada orang pelarian tetapi adajuga orang-orang yang semata-mata datang ke Sabah untuk mencari kerja, dan sehingga ini saya ingat ada iebih kurang beribu-ribu orang yang berkehendakkan balik ke negara Philippines untuk membaharui dan mendapat dokumen-dokumen yang sah. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan amnesty sepertimana yang kita sudah adakan kepada rakyat Indonesia kerana dengan keadaan sedemikian kita dapati bahawa banyak masalah yang timbul terutama sekali orang-orang yang berfikiran jahat iaitu pencuri perahu untuk hendak kembali dan membaharui dokumen-dokumen di negara mereka. Oleh kerana tidak sanggup dan oleh kerana ketiadaan Konsulat ataupun wakil Kerajaan Filipina di Sabah, maka timbul perkara demikian.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar ada di antara orang-orang Filipina bukan sahaja pelarian malah mereka juga yang ingin mendapat kerja di Sabah dan pihak Kerajaan sedang mengaturkan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah yang berkenaan. Itulah sebab mengapa sebuah task-force telah pun diadakan bagi

menyelaras dan cuba mengatasi masalah yang sedemikian. Selain daripada itu, Kerajaan Filipina dan Malaysia telah pun mengadakan suatu perbincangan permulaan dari beberapa segi untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah pelarian Filipina yang begitu banyak hadir di Sabah. Tunggulah masanya apabila perbincangan tersebut akan lebih konkrit lagi maka satu jalan keluar ke atas masalah ini akan didapati.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini apakah perkembangan serta bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk membantu program pendaftaran dan pengusiran pendatang-pendatang haram ataupun pelarian Filipina di Sabah?

Kedua, bagaimanakah pula sambutan negara Filipina terhadap masalah ini? Apakah langkah-langkah serta tindakan telah diambil oleh mereka dan seterusnya apakah persetujuan yang telah dicapai oleh negara Filipina dan negara kita.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab soalan kedua dahulu. Saya telah katakan sebentar tadi perjumpaan di antara negara Filipina dan Malaysia baru pada peringkat yang terawal sekali. Pertama kali kedua-dua buah negara telah berjumpa dan berbincang untuk mencari jalan mengatasi masalah pelarian. Maka ketetapan yang tertentu belum dapat diwujudkan lagi, masih lagi exploratory, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maka tentang bantuan ataupun tentang cara-cara pihak Kerajaan kita membantu daripada segi menghantar balik rakyat Filipina ke Filipina tidak timbul sebab ianya masih lagi dalam keadaan penyelidikan dan dalam keadaan melihat dan kajian.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa Kerajaan kita tidak boleh mengambil langkah yang tegas seperti Kerajaan kita telah ambil terhadap pelarian dari Vietnam sebab masalah pelarian dari Filipina ini telah pun lama wujud dalam Negeri Sabah. Tidakkah boleh kita mengambil satu tindakan yang tegas seperti apa yang telah diambil terhadap pelarian Vietnam, sebab orang-orang yang datang dari Filipina ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat.

Tuan Ngoi Thiam Woh: . . .saya ingat adalah pelarian yang ekonomik bukan pelarian yang sebenar.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, soal pelarian Filipina dengan pelarian Vietnam adalah dua perkara yang berasingan. Negara Filipina dan Malaysia adalah dua buah negara yang berjiran yang mempunyai perhubungan diplomatik yang begitu baik dan aman. Kita tidak boleh mengambil sikap yang sama seperti yang kita buat kepada pelarian daripada Vietnam sebab perkara-perkara tertentu seperti masalah ideologi yang berbeza di antara negara Vietnam dan negara Malaysia dan berbagai-bagai lagi. Lagipun kita tidak boleh mengambil tindakan tegas ketika ini sebab Kerajaan Malaysia dan Filipina masih ada beberapa masalah dua-hala yang perlu diberi keutamaan dahulu untuk diatasi sebelum dapat kita mengatasi masalah pelarian.

Setelah dapat kita mengatasi lain-lain perkara dua-hala yang lebih penting lagi seperti tuntutan ke atas Negeri Sabah dan sebagainya, baharulah pihak Kerajaan Malaysia

akan sanggup berbincang dan mencari jalan keluar di atas pelarian Filipina ke Negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ramai tidak datang hari ini. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Abdullah.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Ada. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 10.

BAHAGIAN INDUSTRI KECIL-PEMINDAHAN

10. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah benar Bahagian Industri Kecil akan dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kalau benar, bilakah pemindahan ini akan dilaksanakan; dan
- (b) apakah sebab-sebabnya yang menjadi perlu pemindahan tersebut dilakukan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Bahagian Industri Kecil di bawan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar telah dipindahkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada 1hb Mac, 1989.

- (b) Kerajaan merasakan bahawa perpindahan ini adalah perlu memandangkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap pembangunan perindustrian negara, termasuk industri kecil. Tanggungjawab ini meliputi merancang, menggubal dasar dan program-dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penggalakan dan pembangunan industri, seperti pelesenan, pemberian galakan cukai dan perlindungan, dan aktiviti pemasaran dalam dan luar negeri. Dengan ini semua dasar dan program untuk industri kecil akan dapat diselaraskan dan disatukan dengan industri besar dan sederhana, dan mempercepatkan pertalian (linkage) di antara sektor-sektor ini. Industri-industri kecil seperti komponen plastik, kejuruteraan kecil, industri fabrikasi memberi sumbangan input kepada industri-industri besar termasuk industri yang telah ditubuhkan oleh pelabur-pelabur asing.

Dengan pemindahan tanggungjawab dan bidangkuasa ini dapatlah perhatian yang tertentu dan teliti dibuat ke atas perkara-perkara yang patut dikendalikan oleh kedua-dua Kementerian berkenaan, dan tidaklah timbul kekeliruan di kalangan sektor swasta berkaitan peranan Agensi Kerajaan dalam hal penggalakan industri kecil. Tambahan pula, galakan-galakan yang telah dipersetujui

oleh Kerajaan untuk industri kecil akan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan MIDA, maka oleh itu adalah wajar tanggungjawab sektor ini dipindahkan ke Kementerian ini.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu di bawah Pelan Induk Perindustrian Negara apakah langkah-langkah yang spesifik yang akan diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memperkembangkan industri-industri kecil tempatan supaya ianya dapat menyumbang kepada negara baik dari segi pertumbuhan ekonomi mahu pun dari segi guna-tenaga rakyat.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa langkah dicadangkan di dalam Pelan Induk Perindustrian. Oleh kerana cadangan-cadangan adalah banyak, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat membacalab. Pelan Induk Perindustrian. (*Ketawa*)

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu masalah yang besar yang sedang dihadapi oleh pihak industri kecil untuk membangunkan industri ini di negara kita ialah kesulitan yang sedang dihadapi oleh mereka untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan yang berada di negara kita. Di dalam tindakan yang telah diambil oleh beberapa pihak, masalah ini sampai masa kini tidak dapat diselesaikan. Saya ingin dapat tahu daripada Timbalan Menteri kita apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian apabila mengambilalih kuasa di atas industri kecil ini untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh pihak industri kecil ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada kesulitan

pinjaman yang dihadapi oleh industri kecil pada masa sekarang. Seperti saya jawab pada 9hb kepada soalan daripada Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat, ada kemudahan pinjaman pihak Asean-Japan Development Fund di mana hampir \$900 juta akan disalurkan melalui 4 institusi kewangan iaitu Bank Pembangunan Malaysia, Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia, Bank Pertanian dan MIDF. Juga, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa menggalakkan bank-bank komersial memberi pinjaman secara mudah yang selalu mereka uruskan.

AL-ARQAM—WABAK PENYAKIT DIFTERIA

11. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah pihak Kerajaan tidak mengawalselia Perkampungan Al-Arqam sehingga berlakunya wabak penyakit "diphtheria". Apakah bentuk-bentuk kemudahan kesihatan yang disediakan; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk menyusun semula perkampungan mereka di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan kesihatan kepada semua penduduk di seluruh negara tanpa memilih, atau mengenalpasti sesuatu kumpulan penduduk. Asas perancangan bagi membina sesuatu klinik desa, pusat kesihatan dan hospital adalah mengikut analisa jumlah bilangan penduduk yang

memerlukan perkhidmatan, dengan mengambilkira kawasan-kawasan pendalaman dan taraf sosio-ekonomi penduduk. Kemudahan yang diberi adakah untuk kegunaan semua penduduk di sekitarnya. Penduduk-penduduk digalakkan untuk menggunakan kemudahan yang disediakan itu. Bagi penduduk-penduduk di Perkampungan Al-Arqam di Sungai Pencala di mana penyakit difteria telah berlaku baru-baru ini, perkhidmatan kesihatan dan perubatan adalah diberi kepada mereka melalui Pusat Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Damansara Utama yang tidak jauh daripada Sungai Pencala. Perkhidmatan ini adalah diberi oleh pihak Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk menyusun semula perkampungan mereka di seluruh negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan apakah sebab-sebabnya yang boleh menyebabkan penyakit diphtheria di kampung-kampung tersebut dan setakat ini kejayaan langkah-langkah yang diambil dan untuk mencegah daripada berlakunya wabak seperti ini?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah dijawab pada 16hb Mac, 1989 kepada Yang Berhormat daripada Kepong juga. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa jenis-jenis kuman yang menyebabkan diphtheria di Sungai Pencala itu ialah jenis kuman diphtheria biotipemitis dan langkah-langkah yang diambil termasuklah memberikan suntikan antigen kepada kanak-kanak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, di perkampungan Al-Arqam terdapat klinik yang terdiri daripada doktor-doktor yang berijazah daripada universiti-universiti dalam dan luar negeri. Soalan saya, apakah mereka ini membuka klinik tanpa didaftarkan ataupun apakah ubat-ubat yang terdapat di klinik-klinik mereka itu tidak dapat menahan penyakit diphtheria ini sehingga penyakit ini boleh berleluasa. Yang kedua, apakah penyakit-penyakit yang lain boleh dikenalpasti. Sebab saya percaya di Arqam tidak ada penyakit lain kecuali penyakit ini seperti yang terdapat di luar seperti siplis dan lain-lain. Apakah penyakit yang lain yang telah dikenalpasti di samping penyakit tersebut?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali penyakit difteria itu tidak berleluasa di perkampungan Al-Arqam, Sungai Pencala. Yang kedua tentang penyakit yang lain itu setakat ini tidak ada penyakit yang merbahaya dikesan di kampung itu.

SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN DISENARAI- HITAM

12. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak syarikat pemaju perumahan dan pengarah-pengarah mereka yang telah disenarai-hitam oleh Kementerian kerana gagal menyiapkan projek mereka bagi tempoh sehingga 28-2-1989 dan berapa syarikat pemaju dan pengarah yang telah dibawa ke mahkamah kerana kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 24 syarikat pemaju

perumahan dan 93 orang pengarah telah disenarai hitam oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hingga akhir bulan Februari, 1989. Terdapat sebanyak 50 kes yang telah dibawa ke mahkamah kerana kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Perlesenan 1966.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli rumah supaya mereka tidak menjadi mangsa-mangsa kepada pemaju yang tidak bertanggungjawab, Dewan yang' mulia ini telah pun meluluskan satu pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan 1966 pada bulan Mac, tahun lalu. Tetapi soalnya ialah saya berasa sangat kesal mengapa hingga hari ini pindaan baru ini belum dilaksanakan. Adakah menangguh pindaan ini dilaksanakan diakibatkan oleh kerana satu bantahan dikemukakan kepada Kementerian oleh Persatuan Pemaju Perumahan. Adakah sebab ini pihak Kerajaan menyerah diri kepada ancaman-ancaman atau ugutan oleh Persatuan Pemaju Perumahan? Kalau bukan, apakah sebabnya pindaan ini tidak dilaksanakan atau dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan orang ramai dan pembeli-pembeli rumah?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Akta yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah Akta yang telah digubal atas cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri untuk mengatasi beberapa masalah yang wujud dalam industri perumahan. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa beberapa peruntukan yang telah diluluskan dalam Akta itu telah pun berkuatkuasa. Adalah salah untuk memperkatakan bahawa Akta itu belum lagi dikuatkuasakan. Tetapi beberapa peruntukan lain yang memerlukan peraturan-peraturan sedang digubal oleh Kementerian kita

dengan-telitinya sebelum syarat-syarat itu dilaksanakan oleh Kementerian.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar, pihak Kementerian lebih berminat untuk mewujudkan undang-undang untuk menjaga aktiviti-aktiviti pemaju-pemaju di negara kita dan tidak mengambil tindakan yang berkesan untuk menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju-pemaju ini? Sebagai contoh saya ingin dapat tahu, apakah tindakan yang akan diambil atau sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan satu masalah besar iaitu cash flow problem yang sedang dihadapi oleh pihak pemaju-pemaju, okeh kerana pihak institusi-institusi kewangan akan membenarkan pinjaman hanya untuk 50% sampai 70% jumlah peruntukan yang dipertukan untuk memajukan sesuatu skim perumahan ini. Saya ingin dapat tahu bagaimana kita akan menyelesaikan masalah untuk mendapat pinjaman daripada 30% ataupun 50% jumlah peruntukan yang perlu dan saya ingin dapat tahu juga apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak KWSP yang telah menutup ataupun 'tidak membenarkan pinjaman kepada pihak pembeli rumah untuk menyelesaikan masalah peruntukan ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, tidaklah benar bahawa Kementerian Perumahan cuma berhasrat untuk mengawal pihak pemaju tetapi sebaliknya Kerajaan dengan dasarnya adalah meng-'galakkan pemaju-pemaju swasta untuk membina lebih banyak rumah dalam semua kategori kosnya dan kita telah pun memberi beberapa galakan tetapi soal cash flow problem itu adalah merupakan , satu , masalah kewangan yang bukan sahaja dihadapi oleh pihak pemaju tetapi juga oleh

mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan akan menghadapi cash flow problem jika urusan kewangan tidak dirancang dan diuruskan dengan baik.

Maka soalan itu adalah terlalu umum dan saya tidak dapat memberikan jawapan yang lebih mendalam mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah sentiasa dikawal oleh Bank Negara. Bank Negara telah mewujudkan satu bahagian untuk menerima dan juga meneliti aduan-aduan yang dikemukakan Oleh pihak pemaju kepada Bank Negara mengenai bank-bank dan juga pinjaman. Ini adalah tanggungjawab Bank Negara dan Kementerian Kewangan.

Tentang soalan yang kedua, masalah KWSP yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini tidak ada masalah yang dibawa ke perhatian Kementerian saya mengenai mana-mana pembeli yang tidak mendapat pinjaman yang dipohonkan kepada KWSP. Kalau ada, Kementerian saya akan meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya selepas berhubung dengan pihak KWSP.

PROTON SAGA—KEMAJUAN PASARAN JUALAN

13. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan pasaran jualan kereta Proton Saga oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) sejak ianya mula dilancarkan kira-kira 40 bulan yang lalu. Adakah jumlah pasaran dijangka bertambah dibandingkan tahun ini dengan tahun-tahun 1987 dan 1988. Adakah pasaran terhad disebabkan permintaan, saingan atau pengeluaran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. hanya bertanggungjawab memasarkan Proton Saga bagi pasaran dalam negeri sahaja. Sehingga 10hb Mac, 1989, EON telah berjaya menjual sebanyak 105,000 unit Proton Saga di pasaran dalam negeri. Dari segi penguasaan pasaran, Proton Saga telah berjaya menguasai sebanyak 73% dalam tahun 1988 berbanding dengan 47% dalam tahun 1986 bagi pasaran kereta tempatan. Bagi tahun 1989 Proton Saga dijangka akan dapat mengekalkan penguasaan pada tahap 73% dalam pasaran tempatan.

Walaupun bagaimanapun, jumlah jualan dijangka meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya. Walaupun terdapat jenama-jenama lain yang sekelas dengannya dalam pasaran, namun Proton Saga masih mampu menandinginya. Walau bagaimanapun, kedudukan pasaran kereta termasuk Proton Saga adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga setuju Proton Saga ada menguasai pasaran tetapi ada banyak pengaduan berkata harga Proton Saga sudah naik melambung tinggi, sebab pada mulanya seunit kereta harga jualan \$20,000 tetapi sekarang ia sudah naik ke tahap \$30,000 atau lebih. Ini nyata ramai rakyat kita tidak mampu membeli kereta ini. Bolehkah Kerajaan menimbang satu cara di mana Proton Saga boleh diturunkan harga jualan ke kecuali luxurious spare-parts misalnya unit air-conditioned dan lain-lain sampai boleh dijual satu kereta dengan basic needs, barangkali boleh diturunkan harga kereta itu sampai \$20,000-\$22,000. Ini lebih berkesan kepada rakyat kila dan boleh beri peluang membeli kereta itu.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, harga Proton Saga

kalau dibandingkan dengan kereta-kereta lain yang sekelas dengannya adalah sangat munasabah dan penguasaan pasaran Proton Saga sehingga lebih kurang 73% daripada jenis sekelasnya adalah mencerminkan bahawa rakyat Malaysia tidak melihat harga yang ditawarkan oleh Proton itu adalah mahal.

Sebagai menjawab soalan yang kedua iaitu sama ada Proton Saga akan mengeluarkan kereta yang hanya mempunyai basic requirements, dengan izin, Proton Saga sebenarnya sekarang ini pun mengeluarkan kereta yang tidak dipasang dengan unit air-conditioned.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini Proton Saga telah pun menggunakan banyak spare-parts ataupun komponen-komponen dalam Proton Saga ini yang dibuat dalam negeri.

MARDEC—CADANGAN DI SENARAI BSKL

14. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan selain daripada sebab MARDEC ialah salah sebuah perbadanan Kerajaan yang menguntungkan, mengapakah ia terlebih dahulu dicadang supaya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Di antara manakah perbadanan awam yang lain yang juga dicadang supaya disenaraikan di pasaran saham tempatan. Sekiranya MARDEC benar-benar disenaraikan, maka ia telah diswastakan. Bagaimanakah tangkah ini akan mempengaruhi MARDEC di segi:

- (a) perhubungan dengan pekebun kecil getah khasnya dalam aspek tingkat harga pembelian susu getah asli berbanding dengan kilang-kilang pemeroses getah swasta yang lain;
- (b) sebarang pemberian atau penerimaan subsidi dan geran;

- (c) kepelbagaian milikan ekuiti di antara Kerajaan dengan pihak usahawan sektor swasta, dan cadangan peratusan milikan ekuiti yang masing-masing harus dipegang oleh pekebun kecil, kakitangan MARDEC dan agen-agensya; dan
- (d) pinjaman tersedia ada yang diberi oleh pihak Kerajaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MARDEC ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil menerusi penyediaan kemudahan ruangan pemasaran dan peningkatan mutu getah keluaran pekebun-pekebun kecil. Di samping melaksanakan tanggungjawab tersebut, MARDEC berusaha memperoleh keuntungan sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah syarikat dan dengan itu dapat mengurangkan kerugian terkumpul yang dialaminya sejak penbuhannya dalam tahun 1971. Oleh itu, adalah menjadi hasrat MARDEC, setelah mendapat keuntungan sejak tahun 1983 untuk mencadangkan penjualan sahamnya kepada pekebun-pekebun kecil getah.

Rancangan untuk menjual sahamnya kepada pekebun-pekebun kecil getah dan sama ada MARDEC boleh disenaraikan di BSKL sedang dikaji dengan teliti oleh sebuah firma perunding dan pada peringkat ini belum ada sebarang keputusan tertentu dibuat mengenainya. Namun demikian, isu-isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambil kira dalam kajian yang sedang dijalankan oleh firma perunding.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian adakah beberapa

syarikat lagi di bawah Kementerian tersebut yang akan diswastakan dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau tidak diuruskan dengan betul akan wujud nanti satu cartelization dengan monopsony dan monopoly. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan nama firma perunding itu dan kadar pembayaran perkhidmatan perunding tersebut.

Dato Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkaitan dengan MARDEC dan pada masa ini tidak ada sebarang pemikiran untuk menjual lain-lain syarikat yang ada di bawah Kementerian. Syarikat perunding yang sedang membuat tinjauan mengenai kemungkinan itu adalah syarikat perunding Hanafiah, Raslan and Mohamed dan saya tidak ada angka di sini menunjukkan berapa banyakkah bayarannya kepada syarikat yang berkenaan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyentuh tentang kenaikan floor price pada peringkat ladang di kalangan pekebun-pekebun kecil. Kalau inilah berlaku, saya ingin tahu bagaimanakah MARDEC boleh membuat untung berjuta-juta ringgit seperti mana yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Pengerusi MARDEC tidak berapa lama dahulu.

Yang kedua, memandangkan bahawa MARDEC masih lagi mempunyai hutang terkumpul sebanyak \$30 juta dari Kerajaan, adalah pihak Kementerian akan mencadangkan supaya hutang ini dihapuskan oleh Kerajaan dan ini ditukar menjadi sebagai saham tambahan kepada saham-saham untuk pekebun-pekebun kecil yang ada kaitan dengan pemasaran dengan pihak MARDEC?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, keuntungan yang diperolehi

oleh MARDEC adalah menerusi langkah-langkah pengurusan yang lebih tersusun dan lebih kemas. Keuntungan yang diperolehi oleh MARDEC sekali-kali tidak menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil yang sebenarnya mendapat faedah tambahan dengan adanya MARDEC membeli getah mereka maka pihak swasta juga terpaksa bersaing dengan MARDEC di kawasan yang berkenaan untuk membayar harga yang berpatutan kepada pihak pekebun-pekebun kecil. Oleh hal yang demikian, adanya MARDEC di situ selain daripada memantapkan harga pembelian getah kepada pekebun-pekebun kecil, MARDEC sendiri juga mendapat keuntungan dengan cara mengemaskinikan proses pengurusan yang betul dan hasil daripada beberapa langkah dalaman yang telah dijalankan sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini, MARDEC sekarang sudah mampu berdiri di atas kaki sendiri dan mampu membayar hutang Kerajaan yang satu ketika dahulu amat tinggi tetapi hutang yang masih berbaki sekarang cuma \$40 juta berbanding dengan \$70 juta yang pada waktu mula MARDEC ditubuhkan. Ini menunjukkan keadaan kewangan MARDEC cukup kuat dan oleh itu, biarlah MARDEC terus membayar hutang Kerajaan itu. Sebenarnya MARDEC merasa bangga dapat membayar balik setiap sen pinjaman yang diberikan kepada Kerajaan, dan ini menjawab soalan Yang Berhormat yang nombor dua.

MAS—PESAWAT NYARIS BERLANGGAR

15. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pngangkutan menyatukan memandangkan yang beliau menafikan kejadian pada 12hb Januari tahun Ini di mana dua pesawat kepunyaan Malaysian Airlines nyaris berlanggar di ruang udara lapangan terbang antarabangsa Subang, apakah

tujuan siasatan yang dibuat oleh Jabatan Penerbangan Awam. Dan apakah sebab-sebab utama yang diberikan oleh Kementerian beliau ke atas penggantian tugas pegawai yang mengawasi (Controller) dari tempat ditugaskan pada hari tersebut. Dan sama ada benar bahawa pemandu kedua kapal terbang tersebut mengaku jarak di antara mereka terlalu dekat dan yang tidak dibenarkan. Mengapakah demikian.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail); Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pun menjelaskan perkara sebenar mengenai kejadian ini dalam sidang akhbar pada 26hb Januari, 1989. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, saya sekali lagi ingin memaklumkan bahawa setelah siasatan dijalankan keadaan "Air miss" yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan itu adalah tidak benar.
- (2) Jabatan Penerbangan Awam telah dapat memastikan jarak di antara kedua-dua buah pesawat tersebut adalah mengikut catatan dalam radar 5 batu nautikal. Jarak ini adalah mengikut prosedur yang ditetapkan.
- (3) Berkenaan dengan menggantikan Pengawal Trafik Udara yang terlibat, amalan ini memang dipraktikkan oleh Jabatan Penerbangan Awam apabila berlaku sesuatu insiden yang memerlukan penyiasatan. Amalan ini adalah bagi kepentingan dan keselamatan penerbangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai berkenaan telah pun

dibenarkan kembali bertugas di tempat asatnya setelah siasatan selesai dijalankan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sungguhpun jarak itu ada jauh 5 kilometer atau lebih tetapi soalnya apabila dua kapalterbang hendak mendarat adakah dia dalam collision course, itu yang kita hendak tahu. Sungguhpun jarak jauh 5 kilometer, adakah dia masuk collision course? Soalan itu belum dijawab.

Lagi satu pertanyaan, di Lapangan-terbang Antarabangsa Subang ada satu facility untuk kapalterbang military menggunakannya. Saya rasa ini sangat tidak sihat oleh sebab lapanganterbang antarabangsa mesti untuk sivil sahaja, tidak boleh untuk military sebab kapalterbang military itu sangat dahsyat dan dia tidak ikuti security atau keselamatan. Bolehkah Kerajaan timbang untuk meminta pihak military pindah kapalterbang mereka ke lain tempat dan tidak boleh pakai lapanganterbang sama dengan kapalterbang sivil?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedua-dua kapalterbang berkenaan diminta oleh pihak Air Traffic Control berada di paras 6000 kaki iaitu bukan untuk turun bersama-sama tetapi apa yang diistilahkan sebagai untuk "holding stake", menunggu giliran untuk turun. Tetapi salah seorang juruterbang penerbangan Boeing 737 ini ternampak kapalterbang yang satu lagi, dia takut seolah-olah dia dekat maka dia swerve sedikit, itu insiden yang sebenarnya. Tetapi mereka sebenarnya tidak untuk disuruh turun bersama tetapi menunggu di paras 6000 kaki. Dan setelah disiasat didapati bahawa jarak 5 batu nautikal itu memang tepat mengikut radar di Air Traffic Control. Jadi memang collision itu tidak boleh berlaku kerana mereka

memang disuruh menunggu, bukan disuruh turun bersama-sama.

Soalan yang kedua mengenai Lapanganterbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur digunakan juga oleh military; dalam keadaan hari ini ianya tidak menimbulkan kesulitan, Tuan Yang di-Pertua, kerana mana-mana juga penerbangan diberikan giliran masing-masing untuk mendarat ataupun untuk terbang. Keutamaan diberikan kepada penerbangan civil dan dalam keadaan hari ini penerbangan military bukannya untuk penerbangan berjuang, ianya untuk pengangkutan semata-mata, jadi tidak menimbulkan kesulitan.

FELDA—PINJAMAN RUMAH KEPADA PENEROKA

16. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk memberi pinjaman membina rumah kepada peneroka-peneroka dari sumber tabung pembangunan peneroka FELDA. Sejauh manakah projek ini dijalankan di rancangan-rancangan FELDA di seluruh negara dan banyak manakah wang terkumpul di dalam tabung pembangunan peneroka FELDA ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1977 FELDA telah menyediakan peruntukan untuk peneroka-peneroka membaiki dan mengubahsuai rumah-rumah mereka dan peruntukan ini disyaratkan berdasarkan faktor-faktor keperluan pengubahsuaian seperti pembesaran keluarga atau saiz keluarga, kos dan juga kemampuan peneroka-peneroka berkenaan membayar balik peruntukan yang diminta. Sehingga tahun 1980, FELDA telah menerima 630 permohonan dan jumlah yang

telah diluluskan ialah lebih kurang \$1.8 juta. Wang ini datangnya daripada Tabung Am Peneroka dan bukan daripada Tabung Pembangunan Peneroka.

Tetapi pada tahun 1980 FELDA telah menarik balik peruntukan ini kerana didapati peneroka-peneroka menghadapi kesukaran membayar balik hutang ialah pada pukul rata \$250 sebulan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd, Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

KAD PENGENALAN DAN SIJIL KELAHIRAN BELUM DITUNTUT

18. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah kad pengenalan dan sijil kelahiran lewat yang tidak dituntut oleh pemohon-pemohon di seluruh Negara sampai sekarang;
- (b) berapakah jumlah yang terpaksa dibakar oleh sebab tak dituntut lagi dan berapakah yang masih lagi disimpan oleh Kerajaan; dan
- (c) apakah Kerajaan bercadang untuk mengirim surat pemberitahu kepada setiap pemohon supaya kad dan sijil tersebut dapat dituntut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 1hb, Mac, 1989 sebanyak 160,672 keping kad pengenalan dan 3,601 sijil kelahiran daftar lewat masih belum dituntut oleh pemohon-pemohon di seluruh negara.
- (b) Kad-kad pengenalan yang tidak dituntut hanya dimusnahkan

setepas tamat tempoh menunggu selama 3 tahun manakala sijil-sijil kelahiran tidak pernah dimusnahkan. Semenjak tahun 1987 sehingga 31hb Desember, 1988 sebanyak 5,517 kad pengenalan telah dimusnah kerana tidak dituntut oleh pemohon-pemohon berkenaan, ,

- (c) Kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil tindakan sewajarnya untuk menghubungi dan memaklumkan pemohon-pemohon berkenaan mengenai permohonan-permohonan sijil kelahiran pendaftaran lewat apabila permohonan-permohonan mereka diluluskan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mencari pemohon-pemohon kad pengenalan yang masih belum dituntut?.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara "telah mengeluarkan satu Surat Peketiling Bil 1/86 yang mengarahkan supaya surat-surat panggilan kepada semua pemohon-pemohon: yang terlibat datang mengambil kad-kad pengenalan mereka yang telah siap di wakil masing-masing. Sistem ini telah berkuat-kuasa sekian lama dan Jabatan tidak menghadapi apa-apa masalah. Sepatutnya pemohon-pemohon yang telah menukarkan alamat tempat kediaman perlu datang sendiri ke Pejabat Pendaftaran bagi menuntut kad-kad pengenalan mereka yang telah siap ataupun memaklumkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara alamat terbaharu mereka supaya kad-kad pengenalan yang telah siap itu boleh dihantar ke

wakil terdekat untuk pungutan. Di sini pihak Jabatan Pendaftaran Negara sangat-sangat berharap kepada pemohon-pemohon yang telah pun siap kad-kad pengenalan mereka untuk mengambil berat sedikit kerana kad pengenalan ini merupakan satu dokumen yang cukup mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Hashim bin Safin.

(Soalan JNo, 19 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Nik Abdullah bin Arshad.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Nik Abdullah bin Arshad tidak hadir).

DRAMA PELANGI DALAM PROGRAM TV MANDARIN

21. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab mengapa tidak mengekalkan program "Drama Pelangi" memandangkan hakikat bahawa drama penerbitan RTM sendiri lebih mencerminkan aspirasi negara berbanding dengan drama-drama swasta.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan pengeluaran, RTM telah mengurangkan rancangan-rancangan terbitannya sendiri. Akhir-akhir ini RTM telah pun menswastakan rancangan seperti Drama, Hiburan dan beberapa lagi jenis rancangan lain. RTM hanya menerbitkan rancangan-rancangan mustahak untuk pembangunan negara seperti Berita dan Ehwat Semasa, Dokumentari, Drama Khas dan rancangan-rancangan Pembangunan dan Agama.

Dengan cara ini RTM bukan sahaja dapat mengurangkan perbelanjaan tetapi juga memberi penonton peluang mengubah selera sepertimana melalui rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh berbagai-bagai syarikat penerbitan atau "production house", dengan izin. Dengan cara ini juga industri perfileman dapat diperkembangkan dengan lebih luas lagi. Adalah diharapkan supaya rancangan drama, hiburan dan dokumentari yang diterbitkan oleh pihak swasta akan pada satu masa nanti dapat mencapai tahap yang tinggi dan sesuai untuk diedarkan ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar itulah RTM sekarang ini telah mengurangkan usaha menerbitkan drama secara in-house, tidak kira sama ada ia drama Melayu, Cina atau Tamil.

Drama Mandarin "**PELANGI**" bukan sahaja melibatkan kos penerbitan yang tinggi, tetapi juga mendatangkan hasil (revenue) yang sangat rendah. Pada hal drama-drama yang dibeli daripada syarikat-syarikat penerbitan swasta tempatan atau luar negeri adalah lebih murah jika dibanding dengan kos penerbitan drama RTM dan juga mendatangkan hasil yang lebih memuaskan kepada Kerajaan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri Penerangan ada berjanji kepada Naib Pengerusi MCA bahawa program itu tidak akan dibatalkan. Kalau ada, mengapa sekarang dibatalkan.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti sama ada Menteri Penerangan pernah berjanji atau tidak. Tetapi saya hanya dapat menjawab di sini bahawa selain daripada memuaskan hati rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini, memang RTM telah cuba seberapa

daya yang boleh dan jika sekiranya sebuah program itu terlalu merugikan, terpaksa kita hentikan untuk dibuat dengan cara yang lebih murah tanpa mengubah selera rakyat di negara kita.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya masa sudah habis.

(*Masa untuk pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 1, 2, 3, 8, 9, 17, 19, 20 dan 22 hingga 52 adalah diberi di bawah ini.*)

PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA—CHINA

1. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kesan-kesan positif terhadap perdagangan duahala di antara Malaysia dan China semenjak sistem pelesenan import dari China dihapuskan. Apakah sebab-sebab penghapusan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tujuan Kerajaan menghapuskan sistem pelesenan import dari China ialah untuk menggalak dan meningkatkan perdagangan duahala secara langsung antara kedua buah negara. Semenjak pemansuhan sistem pelesenan ini yang berkuatkuasa mulai 3hb. Mac 1988, perdagangan duahala Malaysia-China telah meningkat. Sebagai contoh perdagangan duahala Malaysia-China untuk jangkamasa Januari-November, 1988 bernilai M\$940.0 juta. Jumlah ini merupakan M\$460.7 juta lebih dari jumlah yang dicatatkan bagi keseluruhan jumlah perdagangan duahala Malaysia-China bagi tempoh bulan Januari-Disember 1987.

UNESCO—MEMUJUK SINGAPURA JADI AHLI

2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada usaha untuk memujuk negara Singapura menganggotai kembali UNESCO telah mendapat perhatian di Republik itu. Berapa banyakkah sumbangan kewangan yang diberikan oleh Malaysia ke arah Tabung UNESCO setakat ini dan apa pula hasil-hasil yang telah diperolehi oleh negara setelah menganggotai pertubuhan tersebut sebelum ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebenarnya Malaysia telah cuba memujuk Singapura menyertai semula UNESCO. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak dapat dipastikan reaksi sama ada Singapura ingin menyertai UNESCO semula. Keahlian sesebuah negara di dalam sesuatu pertubuhan antarabangsa terpulangnya kepada kepentingan dan pertimbangan negara yang berkenaan.

Semenjak menganggotai UNESCO, Malaysia telah menyumbangkan sebanyak US\$2,307,677.00 kepada pertubuhan itu. Dalam tempoh yang sama Malaysia telah mendapat banyak faedah dari Pertubuhan ini. UNESCO adalah merupakan sebuah pertubuhan kerjasama_ intelek dalam bidang-bidang-pendidikan, sains, kebudayaan, komunikasi dan sains kemasyarakatan.

Faedah-faedah yang Malaysia telah perolehi dari UNESCO terbahagi kepada dua iaitu;

- (i) Sumbangan kewangan untuk projek-projek tertentu; dan
- (ii) membiayai penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan, pesuruh-peserta-peserta pengajian tinggi, penyelidik-penyelidik menyertai seminar, bengkel dan kursus latihan anjuran UNESCO.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

3. **Dr V. David** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mcnyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Kerajaan Negeri Pahang baru-baru ini telah mencadang membina rumah-rumah kos rendah dalam kadar \$15,000-\$18,000 seunit; dan
- (b) memandangkan perkembangan baru-baru ini, adakah Kementerian beliau ingin mengurangkan siling harga rumah-rumah kos rendah daripada \$25,000 ke \$15,000 seunit.

Dato' S. S. Subramaniam: Kementerian ini sedar akan hasrat Kerajaan Negeri Pahang untuk melancarkan cadangan program perumahan swasta khas untuk membina rumah-rumah kos rendah yang berharga di antara \$15,000 hingga \$18,000 seunit. Program ini antara lain bertujuan untuk menampung keperluan perumahan golongan yang berpendapatan rendah yang hanya mampu membayar ansuran bulanan rumah yang rendah (\$100.00 ke bawah). Di bawah program ini Kerajaan Negeri Pahang menyediakan tanah-tanah Kerajaan untuk dimajukan oleh pemaju-pemaju swasta. Setiap cadangan pembangunan oleh pemaju swasta akan dikaji oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan tumpuan kepada syarat-syarat tentang harga jualan rumah yang rendah (\$15,000-\$18,000 seunit) serta bayaran balik bulanan yang mampu ditanggung oleh bakal-bakal pembeli yang berpendapatan rendah. Kementerian ini juga difahamkan bahawa setakat ini belum ada projek yang dilaksanakan di bawah rancangan ini.

Kementerian ini sememangnya menggalak Kerajaan-kerajaan Negeri

untuk membina rumah-rumah kos rendah yang berharga kurang daripada \$25,000 seunit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga sebanyak \$25,000 seunit itu hanya merupakan harga maksima yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi rumah-rumah kos rendah.

ESTET PADI

8. **Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan dahulu ada langkah-langkah untuk mengadakan projek estet padi dalam negara kita; sejauh manakah projek-projek yang tersebut berjalan dan adakah Kerajaan telah ada atau akan membuat kajian untuk mengadakan/melancarkan projek seperti Estet Durian/Kopi/Tea.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Kaedah penanaman hasil-hasil pertanian secara estet adalah merupakan antara kaedah-kaedah yang dijalankan untuk mempertingkatkan daya pengeluaran ladang. Kaedah-kaedah penanaman lain ialah secara estet mini atau berkelompok. Bagi kawasan-kawasan pertanian sedia ada atau in-situ, penggunaan kaedah-kaedah estet mini dan berkelompok secara relatifnya lebih senang berbanding dengan kaedah penanaman secara estet yang lebih sesuai dilaksanakan bagi kawasan-kawasan pertanian yang baru dibuka.

Bagi tanaman padi, estet padi yang masih lagi dilaksanakan ialah Estet Padi Felcra di Perak, yang telah dimulakan pada lahun 1984, melibatkan kawasan seluas 4,482 hektar. Bagi program mini estet padi pula sehingga November 1988, sebanyak 5 projek di negeri-negeri Perak dan Selangor melibatkan kawasan seluas 3363.7 hektar telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang. Di samping itu, seluas

21,024 hektar padi telah diusahakan di bawah program penanaman padi secara berkelompok.

Bagi tanaman-tanaman lain seperti buah-buahan, teh, koko dah sebagainya, penanaman secara estet telah dilaksanakan oleh beberapa syarikat swasta. Kementerian Pertanian pula melaksanakan beberapa program mini-estet kelapa sawit, getah dan koko melalui Pertubuhan Peladang. Sehingga November 1988 seluas 6,910 hektar telah dimajukan di bawah projek mini estet kelapa sawit, 810 hektar mini estet getah dan 463 hektar mini estet koko.

Di samping itu, program pembangunan tanaman secara berkelompok juga dilaksanakan. Sehingga akhir tahun 1988, seluas 47,521 hektar telah dimajukan secara berkelompok, iaitu tanaman koko seluas 29,372, buah-buahan 10,885 hektar, sayur-sayuran 1,492 hektar dan tanaman pelbagai 5,774 hektar.

SEKOLAH—GARISAN KUNING DI PINTU SEKOLAH

9. Tuan Haji Mohamad Yusof bin Haji Abdul Latib minta Menteri Kerjaya menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan supaya dibuat garisan kuning di jalan-jalan raya di hadapan pintu pagar sekolah-sekolah untuk lintasan murid-murid bagi mengelakkan kemalangan jalan raya yang kerap berlaku terhadap murid-murid sekolah.

Menteri Kerjaya (Dato' S. Samy Vellu): Kerajaan belum ada cadangan sama ada atau tidak, untuk mewajibkan supaya garisan lintang kuning di jalan-jalan raya di hadapan pintu pagar sekolah dibuat. Pada masa ini, JKR sedang mengkaji keberkesanan penggunaan garis lintang kuning itu bagi menentukan

keupayaannya untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya secara keseluruhannya.

JAWATAN PENOLONG KANAN DI SEKOLAH RENDAH GRED C

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau bercadang untuk mewujudkan penolong kanan di sekolah rendah Gred C atau untuk menjadikan sekolah rendah dua gred sahaja iaitu gred A dan B.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mewujudkan Jawatan Guru Penolong Kanan di sekolah Gred C atau pun menjadikan sekolah rendah dua gred sahaja iaitu Gred A dan B. Jika dilaksanakan akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak lebih \$156.2 juta setiap tahun. Buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak berkemampuan untuk menanggung beban kewangan yang begitu besar..

RELA—SENJATAPI DITARIK BALIK

19. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah senjatapi yang telah ditarik balik dari anggota RELA, seluruh negara sehingga 31hb Disember, 1988. Apakah sebab-sebab penarikan balik senjata tersebut. Adakah cadangan untuk mengambil semula senjata RELA kepada anggota lain yang baru dipilih atau diganti.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31hb Disember, 1988, 1,471 laras senjatapi telah ditarik balik dari anggota RELA di seluruh

negara. Di antara sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (a) mencukupi umur 55 tahun;
- (b) berpindah dari tempat asal pendaftarannya;
- (c) berhenti daripada menjadi ahli;
- (d) mendapat kecacatan;
- (e) mendapat lesen membeli senjatapi persendirian;
- (f) hilang minat untuk menggunakan senjatapi (menyerahkan balik);
- (g) didapati tidak aktif;
- (h) tidak lulus tapisan Polis;
- (i) meninggal dunia;
- (j) melanggar tatatertib Pasukan;
- (k) kes Polis (seperti jenayah, terbakar, hilang dalam sungai dan sebagainya);
- (l) rosak; dan
- (m) memburu dan salahguna senjatapi.

Pada dasarnya senjatapi yang ditarik balik itu boleh dibekatkan semula kepada ahli-ahli RELA yang lain.

TEKNOLOGI PERTANIAN

20. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauh manakah pemindahan teknologi pertanian telah dicapai dan diterima oleh para petani dan huraikan pencapaian itu dibandingkan dengan pemindahan teknologi pertanian yang dicapai di Thailand, Taiwan dan sebagainya;
- (b) sekiranya pemindahan teknologi itu sudah tercapai, sejauh manakah peningkatan hasil pertanian telah dicapai;
- (c) adakah sikap para petani kita sudah terbuka terhadap

pemindahan teknologi pertanian dan adakah perubahan sikap itu sudah benar-benar menjadikan mereka petani yang berjaya;

- (d) adakah kita bercadang untuk berdikari dalam hasil pertanian dan bilakah matlamat ini boleh dicapai berikutan dengan pemindahan teknologi dan perubahan sikap para petani.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Beberapa agensi Kerajaan terlibat di dalam pemindahan teknologi. MARDI telah ditugaskan untuk menjalankan penyelidikan dan menghasilkan teknologi pertanian. Selain dari bidang teknologi makanan yang mana MARDI menjalankan pemindahan terus kepada kumpulan usahawan, teknologi pertanian lain disalurkan kepada petani menerusi jabatan-jabatan dan agensi-agensi pembangunan pertanian.

Beberapa kursus teknikal telah dijalankan tiap-tiap tahun oleh MARDI untuk memindah teknologi kepada pegawai-pegawai di jabatan-jabatan dan agensi-agensi pembangunan. Ini termasuklah kursus untuk tanaman koko, buah-buahan, padi, tembakau, sayur-sayuran, orkid, ternakan dan teknologi makanan.

Selain dari menjalankan kursus-kursus teknikal, MARDI juga telah menjalankan projek perintis di mana teknologi baru yang ditemui diuji kesesuaiannya secara besar-besaran dan komersial. Pada kebiasaannya pengisytiharan teknologi-teknologi dilakukan setelah ianya didapati boleh diterima pakai di dalam projek perintis.

Dari usaha-usaha projek perintis yang dilaksanakan oleh

MARDI, sebahagian besar daripada teknologi ini diterima pakai oleh petani-petani dan didapati sesuai. Keputusan-keputusan menunjukkan bahawa dengan penggunaan teknologi yang betul petani-petani boleh memperoleh pencapaian yang memuaskan seperti yang dijangkakan.

Dalam bidang tanaman tertentu pemindahan teknologi didapati berkesan terutama dalam penggunaan jenis baru padi, koko dan tembakau. Umpamanya adalah dianggarkan hampir 92% kawasan pengairan di negara ini ditanam dengan varieti-varieti baru dan lebih dari 80% daripadanya adalah varieti-varieti yang dihasilkan oleh MARDI.

Sistem pemindahan dan pencapaian teknologi di Malaysia 'jika dibandingkan dengan Thailand, Taiwan dan sebagainya sudah pasti berbeda memandangkan keadaan negara ini yang berlainan.

- (b) Pencapaian peningkatan hasil dan pendapatan petani berbeda di antara satu tanaman dengan lain. Dengan tanaman padi purata hasil telah meningkat dari tahap 2.6-2.9 mt/ha dalam tahun 70an ke tahap 3.6-3.7 mt/ha sekarang ini. Melaluinya juga tahap pengeluaran padi negara meningkat dari 1.4 juta tan metrik pada tahun 1970 kepada 1.6 mt pada tahun 1986, walaupun kawasan tanaman adalah berkurangan. Disamping itu terdapat peningkatan pendapatan dari \$780/ha/tahun pada tahun 1970 kepada \$1,230/ha/tahun.

Dalam tanaman koko pula negara ini telah dapat

meningkatkan pengeluarannya dari 4,000 mt dalam tahun 1970 an ke tahap 220,000 mt pada tahun 1988.

Penanaman buah-buahan untuk dieksport juga telah meningkat. Kini terdapat kira-kira 300 ha belimbing besi, lebih kurang 1,000 ha betik eksotika dan 1,400 ha mempelam ditanam. Teknologi lepas tuai juga telah membolehkan Malaysia memasarkan beberapa jenis buah segar ke Hong Kong, Jepun, Eropah Barat dan Timur Tengah.

- (c) Sikap penerimaan petani terhadap teknologi pertanian bergantung pada kawasan dan jenis teknologi. Tahap penggunaannya juga berbeza-beza. Terdapat beberapa golongan petani yang menerima teknologi sepenuhnya dan berjaya sepenuhnya dan ada pula yang sebaliknya.
- (d) Secara dasarnya kerajaan tidak bercadang untuk berdikari sepenuhnya dalam pengeluaran hasil-hasil pertanian kerana pengeluaran hasil pertanian di negara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dari segi dayamaju, kos pengeluaran dan kesesuaian agro iklim. Tidak semua hasil-hasil pertanian itu dapat dikeluarkan sendiri oleh negara ini. Bagi tanaman seperti padi Kerajaan telah memutuskan pengeluaran saradiri hanya pada tahap 55-60% daripada pengeluaran negara. Sementara bagi hasil-hasil ternakan tertentu seperti daging lembu dan susu, kita akan terus bergantung kepada import. Walau bagaimanapun bagi aktiviti hasil pertanian tertentu dalam mana Malaysia mempunyai keupayaan dan faedah

perbandingan dalam pengeluaran bahan tersebut, hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan bukan sahaja akan memenuhi keperluan penggunaan tempatan tetapi juga untuk eksport. Ini adalah jelas bagi hasil ternakan seperti ayam itik dalam mana tahap berdikarinya melebihi pengeluaran negara.

TAHANAN ISA

22. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab untuk mengenakan syarat-syarat terhadap semua tahanan ISA yang dibebaskan dan sama ada ini telah merupakan suatu penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Kerajaan pada hal lepasan tahanan-tahanan ISA ini tidak terlibat dengan mana-mana kegiatan jenayah, apakah penganan syarat-syarat ini berniat politik dan bertujuan melumpuhkan pihak pembangkang khasnya Ahli-ahli Parlimen.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Syarat-syarat tertentu yang dikenakan ke atas tahanan-tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibebaskan adalah bagi maksud kawalan dan pengawasan atas sebab-sebab keselamatan. Ini adalah selaras dengan kehendak peruntukan Seksyen 8 (5) dan juga Seksyen 10 (1) Akta berkenaan. Dengan demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa ianya merupakan penyalahgunaan kuasa atau berniat politik adalah tidak timbul sama sekali.

PROJEK KECIL NEGERI

23. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak merancang dan menetapkan projek-projek kecil

Negeri yang tidak melebihi 5 juta kepada kontraktor-kontraktor negeri berkenaan. Jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Tuan Loke Yuen Yow: Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan supaya projek-projek negeri yang tidak melebihi \$5 juta dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor di negeri yang berkenaan sahaja. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (1) Untuk menentukan perlaksanaan projek-projek Kerajaan mendapat tawaran harga kerja yang paling competitive berdasarkan tender terbuka;
- (2) Untuk memberi peluang yang seluasnya kepada kontraktor-kontraktor yang berkelayakan walau di mana mereka berada di negara ini, mengambil bahagian di dalam tawaran-tawaran kerja Kerajaan, di atas persaingan yang adil dan saksama;
- (3) Penjenisan kelas kontraktor telah pun dibuat berdasarkan nilai kerja dan bukan berdasarkan kenegerian.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah membantu kontraktor-kontraktor kecil memajukan diri dan berkembang, Kerajaan telah pun bersetuju untuk menawarkan kontrak-kontrak kerja yang bernilai \$50,000 ke bawah kepada kontraktor-kontraktor Kelas F tempatan. Dasar ini dibuat kerana bilangan kontraktor-kontraktor kelas ini di dalam sesuatu kawasan adalah banyak dan kebolehan yang hampir sama.

RTM 2—GANGGUAN DI SEMPADAN MALAYSIA-THAI

24. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tindakan diambil untuk mengatasi masalah gangguan di rangkaian ke 2 RTM oleh siaran

TV Thailand di kawasan-kawasan sempadan.

Tuan Railey bin Jaffrey: Gangguan di RTM 2 di kawasan sempadan Malaysia-Thai sudah dikenalpasti sebagai gangguan siaran stesen Pemancar TV Thai di Yala yang mempunyai Frekuensi siaran yang sama dengan pemancar TV Malaysia. Keadaan ini telah dibawa ke perhatian pihak berkuasa Thai di Mesyuarat Penyelaras Penggunaan Frekuensi di kawasan sempadan yang ke 4 yang diadakan pada 30 dan 31 Januari 1989 di Haadyai, Thailand.

Mesyuarat telah bersetuju untuk membuat penyelidikan bersama dan memberi cadangan untuk mengatasi masalah tersebut dalam tempoh 3 bulan.

ELETRIK DI SABAH— KADAR TARIF

25. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menurunkan kadar tarif letrik di Sabah supaya bayaran bekalan letrik di Sabah sama dengan di Semenanjung. Jika ada, bilakah ia akan dimulakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menurunkan kadar tarif elektrik di Sabah kerana kedudukan kewangan Lembaga Letrik Sabah (LLS) tidak mengizinkan. Sekiranya keadaan kewangan LLS mengizinkan, maka sudah pasti Kerajaan akan berbuat demikian seperti yang telah dilakukannya dalam tahun 1986.

AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

26. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama

ada pindaan-pindaan kepada Akta Pelajaran 1961 telah siap disediakan, dan bilakah pindaan-pindaan tersebut akan dibentangkan dalam Parlimen.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian bagi pindaan-pindaan kepada Akta Pelajaran 1961 masih dijalankan oleh Jawatankuasa yang berkenaan. Oleh itu belum dapat ditetapkan dengan pasti tarikh pembentangan cadangan-cadangan pindaan itu dalam Parlimen.

BANK SIMPANAN NASIONAL- PENERUSI BARU

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa Y.B. dari Kuala Terengganu dilantik sebagai Pengerusi baru Bank Simpanan Nasional sedangkan Timbalan Menteri Kewangan berkata bahawa ahli-ahli politik tidak akan dilantik sebagai ahli-ahli Lembaga dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan pada Mesyuarat Parlimen lalu.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Simpanan Nasional adalah sebuah bank simpanan yang ditubuhkan di bawah aktanya sendiri iaitu Akta Bank Simpanan 1974. Ini adalah berbeza dengan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang lain yang dilesenkan sama ada di bawah Akta Bank 1973 atau Akta Syarikat Kewangan 1969.

Semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor dalam dewan ini pada mesyuarat yang lalu, saya telah menyatakan Kementerian Kewangan tidak merestui ahli-ahli politik khususnya mereka yang aktif dalam kegiatan parti politik, untuk dilantik menjadi pengarah dalam lembaga pengarah

institusi kewangan berlesen. Perlamikan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sebagai pengerusi Bank Simpanan Nasional tidaklah bercanggah dengan apa yang dinyatakan sebelum ini kerana Bank Simpanan Nasional adatah sebuah badan berkanun kerajaan yang bertujuan untuk menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan.

Saya harap Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tahu perbezaannya sekarang.

PENSWASTAAN JABATAN POS/KERETAPI TANAH MELAYU

28. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dibuat oleh pihak Kerajaan bagi melaksanakan hasrat untuk menswastakan Perkhidmatan Pos dan Keretapi Tanah Melayu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Kerajaan telah melantik sebuah bank saudagar untuk menjalankan kajian kemungkinan penswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Pihak bank saudagar tersebut telah pun mengemukakan laporan kajian mereka kepada Kerajaan. Pada masa ini Kerajaan sedang menimbang laporan kajian tersebut dan perbincangan-perbincangan di peringkat pegawai sedang dijalankan bagi merumuskan konsep penswastaan KTM yang sesuai untuk dilaksanakan.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai penswastaan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kerajaan telah menerima laporan kajian cadangan penswastaan dan masih lagi menimbang perkara tersebut.

(Soalan No. 29. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-2989).

SEKOLAH MENENGAH— KEMASUKAN MURID-MURID

30. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah bilangan murid-murid yang tidak masuk ke Sekolah-sekolah Menengah Kementerian Pendidikan tahun ini (1989). Kenapakah kemasukan pelajar ke Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan-kerajaan Negeri dianggap murid tercicir. Tidakkah ada rundingan di kedua-dua belah pihak bagi memperbaiki dan mengatasi masalah ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya murid-murid yang tidak masuk ke sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 1989 di seluruh negara adalah di dalam lingkungan 13.35% daripada jumlah yang sepatutnya menyambung pengajian mereka ke Tingkatan Satu.

Murid-murid yang memasuki Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri sebenarnya tidaklah dianggap sebagai tercicir kerana mereka masih lagi berada di bangku sekolah. Mereka ini cuma digolongkan ke dalam kumpulan murid yang terkeluar dari sistem persekolahan awam anjuran Kementerian Pendidikan sahaja. Beberapa contoh sekolah yang bukan di bawah anjuran Kementerian Pendidikan adalah seperti Maktab Rendah Sains Mara, Maktab Tentera, Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah-sekolah Swasta yang lain.

(Soalan No. 3L Sila lihat jawapart No. 8 pada 14-3-1989).

PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA

32. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada

beliau akan minta pemegang lesen kasino Genting Highlands untuk membayar kos pembinaan lebuh-
raya yang menghubungkan Genting
Highlands, Frasers Hill dan Cameron
Highlands.

Dato' S. Samy Vellu: Projek pembinaan jalan raya yang dicadangkan menghubungkan Genting Highlands, Bukit Frasers dan Cameron Highlands adalah projek Kerajaan Persekutuan, oleh yang demikian projek tersebut akan dibiayai 100% oleh Kerajaan Persekutuan.

(Soalan No. 33. -Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-1989),

TRAGEDI KERACUNAN MAKANAN DI PERAK

34. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan mengatakan setakat manakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil ke atas pengusaha-pengusaha ini dan bee hoon di Perak yang mana baru-baru ini telah mengorbankan beberapa nyawa dan mengancam nyawa-nyawa yang lain.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam mencegah merebaknya tragedi keracunan makanan yang berlaku di Perak, langkah-langkah segera telah diambil untuk menutup semua kilang-kilang mi di daerah Kampar supaya pengeluarannya dapat dihentikan.

Di samping itu, bahan-bahan mentah yang digunakan di dalam pembuatan mi telah diambil untuk dianalisa bagi memastikan ianya tidak tercemar. Satu garis panduan untuk kilang-kilang ini di Kampar telah disediakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah

Kinta Selatan (Kampar). Semua pengilang-pengilang yang terlibat perlu memenuhi syarat-syarat garis panduan itu sebetum dibenarkan membuat pengeluaran. Kementerian Kesihatan telah juga mengesan konsainmen bahan-bahan mentah yang digunakan oleh pengilang yang berkaitan yang telah diedarkan ke tempat-tempat lain untuk mengawasi keselamatannya,

Di samping langkah-langkah ini, Kementerian terus bergiat menguatkuasakan Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Kod Amali Kebersihan Makanan (1980).

CARUMAN KWSP

35. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan setakat pada 31-12-1988:

- (a) sebab-sebab dan jumlah amaun caruman-caruman KWSP dari (i) Semenanjung Malaysia; (ii) Sabah dan (iii) Sarawak yang tidak dikreditkan ke dalam akaun-akaun pencarum dan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil untuk memastikan pencarum-pencarum tidak akan menanggung sebarang kerugian;
- (b) berapakah aduan yang dibuat terhadap majikan-majikan yang tidak membayar caruman KWSP di (i) Semenanjung Malaysia, (ii) Sabah dan (iii) Sarawak dan berapakah kes-kes ini yang dibawa ke Mahkamah dan apakah terjadinya kepada kes-kes yang baki itu;
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa semua majikan menepati kehendak-kehendak Ordinan KWSP.

Tuan Loke Yuen Yow: Oleh kerana pertanyaan atas perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tasek Gelugur yang dijadual dijawab pada 23 Mac 1989, saya memohon menjawab kedua-dua soalan secara serentak:

- (a) Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun-akaun pencarum setakat 31-12-1988 adalah sebanyak \$65 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak \$37 juta adalah dari pencarum-pencarum di Semenanjung Malaysia, manakala sebanyak \$21 juta dan \$7 juta adalah masing-masing dari pencarum-pencarum di Sabah dan Sarawak.

Caruman KWSP tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun-akaun pencarum kerana sebab-sebab berikut;

- (i) Majikan tidak mengemukakan butir-butir lengkap mengenai pencarum-pencarumnya kepada KWSP. Butir-butir yang dimaksudkan ialah seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor keahlian KWSP pencarum;
- (ii) Majikan mengemukakan butir-butir mengenai pencarum-pencarumnya yang salah semasa membuat bayaran caruman KWSP.

Untuk memastikan supaya caruman yang diterima dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli tanpa kelewatan, pihak KWSP mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Pada tiap-tiap bulan pihak KWSP akan

menghantar kepada majikan jadual caruman tercetak dengan izin, "preprinted schedule of contributions" yang mengandungi butir-butir ahli untuk menyenangkan pihak majikan membuat pengiriman caruman KWSP;

- (ii) Dari masa ke semasa pihak KWSP mengadakan dialog dengan majikan-majikan untuk menjelaskan tentang tanggungjawab-tanggungjawab mereka untuk mengendalikan rekod KWSP bagi pekerja-pekerja mereka dengan betul dan teratur serta membincangkan cara-cara untuk memperbaiki sistem yang sedia ada;

- (iii) Mulai dari bulan Januari 1987, KWSP telah memperkenalkan format baru Penyata Kira-kira Akaun Ahli yang mengandungi pecahan caruman bulanan bahagian pekerja dan majikan. Para ahli boleh memeriksa akaun masing-masing dan melaporkan kepada pihak KWSP sekiranya terdapat apa-apa kesilapan, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Juga mulai tahun 1987, Penyata Kira-kira Akaun Ahli diedarkan terus kepada ahli-ahli KWSP tiap-tiap 6 bulan sekali;

- (iv) Bagi tiap-tiap kes aduan yang diterima, pihak KWSP akan membuat

penyiasatan. Jika majikan wajib mencarum, caruman tunggakan akan ditaksirkan dan majikan diminta menjelaskannya. Jika majikan gagal menjelaskan tunggakan tersebut, tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 16 (A) (1) (c) Akta KWSP 1951 (Pindaan 1986) akan diambil bagi mendapatkan caruman tunggakan yang tidak dijelaskan itu.

(b) Bagi tempoh Januari hingga Disember 1988, jumlah bilangan aduan yang diterima oleh KWSP terhadap majikan yang gagal mencarum kepada KWSP adalah sebanyak 5,918 aduan. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,343 aduan adalah berkenaan dengan majikan-majikan di Semenanjung Malaysia, manakala 318 kes melibatkan majikan di Sabah dan 257 aduan adalah ke atas majikan di Sarawak. Daripada jumlah 5,918 kes aduan yang diterima, 4,664 kes telah diselesaikan dan baki untuk siasatan selanjutnya ialah 1,254 kes;

(c) KWSP telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan majikan-majikan menepati peruntukkan Akta KWSP:

- (i) Mengadakan pemeriksaan biasa, di mana lawatan dilakukan oleh pemeriksa-pemeriksa KWSP ke atas majikan-majikan;
- (ii) Menjalankan pemeriksaan tiada pematuhan (non-compliance) mengikut pengaduan yang diterima ke atas

majikan-majikan yang ingkar membuat caruman;

- (iii) Menjalankan pendakwaan ke atas majikan-majikan yang gagal menjelaskan caruman para pekerja mereka dalam tempoh masa yang diberikan;
- (iv) Mengkompaun majikan yang membayar lewat caruman KWSP pekerjanya;
- (v) Mengadakan sistem pengawasan ke atas semua majikan yang lewat membayar caruman atau tidak membayar caruman supaya mereka dikawal dengan rapi; dan
- (vi) Mengadakan Program Pendidikan Majikan untuk menyedarkan majikan tentang tanggungjawab mereka terhadap para pekerja.

HAK ASASI MANUSIA

36. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan menimbangkan soal hak asasi manusia telah dicabuli kerana Kerajaan mengenakan berbagai-bagai syarat ke atas bekas tahanan-tahanan ISA yang ditahan di bawah Operasi Lalang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jawapan kepada soalan ini telah pun saya berikan semasa menjawab pertanyaan mulut dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Y.B. Tuan Fung Ket Wing yang menyentuh mengenai perkara yang sama.

Tidak timbul soal pencabulan hak asasi manusia seperti yang didakwa.

KECURIAN KENDERAAN

37. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh ini bagaimanakah kadar kecurian kenderaan dan penyeludupan kenderaan dari/ke negara ini dan apakah usaha berkesan yang telah dapat dilaksanakan bagi membanteras jenayah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kadar kecurian kenderaan yang berlaku di seluruh negara menunjukkan penurunan bilangannya iaitu 20,427 dalam tahun 1986, 17,785 dalam tahun 1987 dan 16,147 dalam tahun 1988. Dalam tempoh tiga tahun yang dinyatakan itu, sebanyak 784 buah kenderaan curi dari Malaysia diketahui telah diseludupkan ke negeri Thai.

Tindakan-tindakan yang diambil untuk membanteras kecurian kenderaan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan sekatan jalan-raya secara statik, serta-merta atau bergerak untuk mengesan kenderaan-kenderaan curi serta penjenayah-penjenayah yang terlibat;
- (ii) menjalankan operasi khas dan besar-besaran berperingkat daerah atau kontinjen atau kebangsaan untuk mengesan kenderaan curi serta penjenayah yang terlibat;
- (iii) mengekalkan sistem komunikasi yang berkesan di semua peringkat balai, daerah, kontinjen dan kebangsaan. Ini membolehkan maklumat berlakunya kecurian sesebuah kenderaan disampaikan kepada balai-balai

polis yang berhampiran secepat mungkin supaya tindakan lanjut dan serta-merta dapat dirancangkan;

- (iv) mengawasi dan memeriksa bengkel-bengkel membaiki kenderaan;
- (v) mengawasi pergerakan bekas banduan yang diketahui mahir dalam mencuri kenderaan secara individu atau bersindiket;
- (vi) laporan curi kenderaan disampaikan dengan semboyan serta-merta kepada balai-balai polis yang mempunyai "checkpoint" bersempadan Malaysia-Thai;
- (vii) mengekalkan kecekapan kemudahan sistem rekod berkomputer di Ibu pejabat Polis, Bukit Aman supaya segala semakan/pertanyaan tentang rekod kenderaan curi dapat dilayan dengan kadar segera dan berkesan;
- (viii) perhubungan rapat antara polis dan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kastam, Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan tetah membolehkan mereka bertukar-tukar maklumat yang berfaedah di antara satu sama lain. Di samping itu, perhubungan baik antara Polis Malaysia dengan Polis Thailand serta Polis Singapura juga menyenangkan usaha membanteras kegiatan curi kenderaan ini;
- (ix) pemeriksaan ketat dan teliti di "checkpoint-checkpoint" masuk/keluar kawasan sempadan Thailand. Malaysia dan juga Malaysia—Singapura. ,

LORI MENYEBABKAN KEROSAKAN JALAN

38. Tuan Haji Mohamad Yussof bin Haji Abdul Latiff meminta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa kini semakin banyak lori-lori balak yang berat, lori-lori membawa kontena yang panjang melalui jalan-jalan kampung seperti di Jalan Permatang Sungai Dua untuk menuju ke Jambatan Pulau Pinang secara lebih dekat. Kalau sedar, apakah tindakan Kementerian ke atas mereka itu untuk mengelak kerosakan jalan dan berlaku kemalangan;
- (b) adakah Kementerian bercadang supaya lori-lori yang membawa muatan berat itu diwajibkan memasang lampu di siang hari.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Kementerian Pengangkutan sedar adanya lori-lori berat yang melalui Jalan Permatang Tok Jaya dan Jalan Permatang Sungai Dua untuk menuju ke Jambatan Pulau Pinang. Kedua-dua jalan tersebut adalah merupakan jalan awam dan digunakan sebagai jalan pintas oleh kenderaan-kenderaan dari utara untuk ke Jambatan Puiiau Pinang. Penguatkuasaan ke atas lori-lori yang membawa muatan lebih ke kawasan-kawasan ini dibuat dari masa ke semasa oleh Jabatan Pengangkutan jalan. Pada tahun 1987 sebanyak 55 buah lori telah diambil tindakan manakala pada tahun 1988, sebanyak 20 buah-lori lagi telah diambil tindakan kerana membawa muatan lebih melalui kawasan-kawasan tersebut.
- (b) Berhubung peraturan kenderaan lori yang membawa

muatan berat memasang lampu di siang hari, Kementerian Pengangkutan belum lagi bercadang untuk mewajibkan peraturan tersebut.

FERI MALAYSIA— MENGGANTIKAN

39. Tuan Samson Chin Tee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membeli sebuah Feri baru bagi menggantikan atau sebagai tambahan kepada Feri Malaysia yang sedia ada yang mana seterusnya melakukan kerosakan dan kesusahan yang tidak diinginkan kepada orang ramai dengan tidak melupakan publisiti yang merugikan yang telah dilakukan di dalam meningkatkan pelancongan di Malaysia.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membeli sebuah kapal baru sama ada bagi menggantikan kapal yang sedia ada mahupun sebagai kapal tambahan memandangkan kapal yang sedia ada mencukupi untuk memenuhi keperluan penumpang yang berulang-alik di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Walau kapal Feri Malaysia ini adalah kapal yang terpakai ketika dibeli dahulu, namun mengikut usia kapal-kapal yang digunakan dalam industri perkapalan, kapal Feri Malaysia ini masih ada usia ekonominya dan boleh digunakan untuk tempoh yang lama lagi dengan penyenggaraan (maintenance) yang cermat. Dalam pada itu kerosakan adalah satu perkara yang sering berlaku pada mana-mana alat pengangkutan, walau baru sekalipun. Meskipun senggaraan telah dibuat di atas alat-alat tersebut tetapi kerosakan-kerosakan yang terjadi kepada kapal Feri Malaysia, tidak dapat diduga dan merupakan risiko yang terpaksa ditanggung oleh mana-mana sistem pengangkutan.

Sungguhpun kerosakan kepada Cruise Muhibah telah memberikan publisiti yang negatif terhadap perkhidmatannya, namun pengurusan Feri Malaysia terus berusaha dengan lebih giat lagi untuk memasarkan perkhidmatannya dan diharap kadir kapasiti penggunaannya akan terus meningkat.

INDUSTRI PROJEK KERETA PROTON SAGA

40. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan apakah perindustrian-perindustrian yang dilahirkan daripada Projek Kereta Proton Saga. Berapakah peratusan kegunaan alat-alat tempatan didalam pemasangan (assembly) kereta Proton Saga pada Disember 1987, Jun 1988 dan Disember 1988, dan anggaran pada Jun 1988 dan Disember 1989.

Datuk Kasitah bin Gaddam Untuk makluman Yang Berhormat, jenis-jenis industri yang dilahirkan daripada projek kereta Proton Saga meliputi industri berasaskan getah, logam dan plastik. Contoh-contoh keluaran industri tersebut adalah seperti "meter cluster", "board partition", "rack and pinion", "metal plug", "metal tubing" dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan peratus komponen tempatan yang digunakan oleh Proton adalah seperti berikut:

Tahun Peratus

1987 45

1988 60 (berasaskan perkiraan Generalized System of Preference (GSP))

Berhubung dengan penggunaan komponen tempatan bagi tahun 1989, PROTON sedang berusaha mempertingkatkan lagi peratusan kandungan tersebut dari masa ke semasa dalam usaha memperkembangkan industri komponen tempatan.

KES SIBIL DAN JENAYAH

41. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) bilangan kes sibil dan jenayah yang belum dibicarakan dalam Mahkamah-mahkamah Majistret, Sesyen, Tinggi dan Agung di seluruh negara sehingga 31-1-1989;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan bagi mengurangkan tunggakan kes;
- (c) sejauh mana sistem litaran untuk hakim-hakim Mahkamah Tengah mencapai maksudnya sejak dilaksanakan pada 1-1-1989 bagi membantu mengurangkan kes-kes tunggakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

Jawapan untuk pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah:

- (a)
 - (i) Mahkamah Agung — 984
 - (ii) Mahkamah Tinggi — 99,105
 - (iii) Mahkamah Sesyen — 61,542
 - (iv) Mahkamah Majistret — 337,845

(b) Langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) Melaksanakan sistem litaran;
- (ii) Memulakan pembicaraan mulai jam 9.00 pagi pada semua Mahkamah;
- (iii) Membuka Mahkamah Tertutup dan berfungsi seperti pejabat biasa;
- (iv) Membicarakan kes-kes tuntutan sibil \$3,000/= ke bawah oleh Mahkamah Majistret Kelas II;

- (v) Membicarakan kes-kes tuntutan sibil \$25,000/= ke bawah oleh Majistret Kelas I;
 - (vi) Membicarakan kes-kes tuntutan sibil \$100,000/= ke bawah oleh Mahkamah Sesyen yang dahulunya dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi;
 - (vii) Mengisi kekosongan jawatan Hakim-hakim Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.
- (c) Maksud sebenarnya belum dapat diketahui kerana ianya baru dilaksanakan sejak 1-1-1989. Walau bagaimanapun sehingga kini pencapaiannya memuaskan.

KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN—SIASATAN KORONER

42. P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, yang didapati bertanggungjawab penuh atas kematian dua orang dalam satu nahas kapalterbang beberapa tahun dahulu di Janda Baik, Pahang, di mana bekas Menteri itu sendiri menjadi juruterbang, oleh siasatan koroner (coroner's inquiry) tidak ditangkap" dan didakwa di mahkamah atas tuduhan menyebabkan kematian dua orang itu yang sebenarnya adalah pengawal peribadinya dan juruterbang sebenar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siasatan awal atau "inquest" yang dijalankan di Mahkamah Rendah Bentong pada 24hb. hingga 28hb. Januari, 1983 mendapati bahawa kematian tersebut adalah disebabkan kemalangan.

TAMAN GHAZALI SHAFIE DIJALAN BANGSAR

43. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan tidakkah ada cadangan supaya Taman Ghazali Shafie Jalan Bangsar itu dirobohkan dan diganti dengan wajah yang baru bagi memberi peluang peniaga-peniaga kecil Bumiputera meningkatkan lagi perniagaan mereka serta mengindahkan pemandangan oleh pelancong-pelancong luar negeri dan pembesar-pembesar yang melalui jalan kedua utamanya ke ibu negara Kuala Lumpur. Dan begitu juga gerai-gerai yang berselerak di kawasan rumah pangsa Kampong Kerinchi yang memberi pandangan buruk kepada mereka yang hendak balik ke negara masing-masing iaitu pintu keluar dari Kuala Lumpur.

Drs Suleiman bin Mohamed: Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membuat kajian dan mendapati, Taman Ghazali Shafie di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur adalah terletak di atas tanah rizab Keretapi Tanah Melayu. Tanah tersebut adalah sempit dan tidaklah sesuai untuk dibina bangunan yang baru. Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengindahkan pemandangan dengan membuat "screening" di sepanjang jalan di mana letaknya taman ini.

Di samping itu, Kerajaan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), bercadang untuk menempatkan semula para peniaga Taman Ghazali Shafie di ruangniaga projek kompleks perniagaan yang sedang dijalankan oleh UDA di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur.

Menyentuh perniagaan di kawasan rumah pangsa Kampong Kerinchi pula, pada masa ini terdapat sejumlah

38 orang peniaga yang menjalankan perniagaan di kawasan rumah pangsa tersebut. Penjaja-penjaja ini telah pun dilesenkan melalui unit pelesenan pejabat bergerak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjaja-penjaja yang dilesenkan melalui lesen sementara tidak perlu dipindahkan, akan tetapi penjaja-penjaja yang berkenaan akan diminta untuk menyeragamkan gerai-gerai mereka, mempertingkatkan tahap kebersihan dan pengindahan gerai dan kawasan persekitaran selaras dengan "Budaya Penjaja" iaitu "Kebersihan Amalan Kita". Oleh yang demikian, sekitar kawasan penjajaan di kawasan rumah pangsa Kampong Kerinchi ini akan ditanam dengan pokok-pokok dari jenis berbunga untuk melindungi permandangan gerai-gerai dari Lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang yang merupakan jalan keluar utama dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Tapak penjajaan adalah di bawah jadual program pembangunan semula tapak-tapak penjaja di jalan-jalan protokol menjelang CHOGM (Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel pada buian Oktober 1989) dan Tahun Melawat Malaysia 1990.

WARGANEGARA MALAYSIA MELAWAT CHINA— LONGGARKAN SEKATAN

44. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerianya bersedia melonggarkan sekatan lawatan warganegara Malaysia ke Republik Rakyat China, memandangkan penerbangan diadakan dari Malaysia ke China sekarang.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan sentiasa mengkaji cara-cara bagi memperkukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan Republik

Rakyat Cina (RRC). Kerajaan juga sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan-kemudahan yang dikuatkuasakan bagi rakyat Malaysia melawat RRC. Kelulusan Kerajaan ke atas MAS bagi memulakan perkhidmatan udara ke RRC tidak lama lagi adalah satu langkah ke arah ini.

WARGANEGARA ASING BERKHIDMAT DI SEKOLAH SABAH

45. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) polisi Kementerian dalam pengambilan kakitangan Kementerian hanya terbuka kepada warganegara sahaja, jika benar kenapa masih ada terdapat kakitangan Kementerian yang bukan warganegara masih bertugas di sekolah-sekolah Sabah contohnya Kinabalu, Tawau; dan
- (b) adakah pihak Kementerian menyedari bahawa ada pegawai-pegawai Kementerian di Sabah yang tidak bertanggungjawab dan menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka dan apakah langkah-langkah yang diambil mengenai perkara ini untuk memperbaiki keadaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa mengutamakan warganegara untuk berkhidmat sama ada sebagai guru ataupun kakitangan bukan guru. Namun begitu, disebabkan wujudnya kekurangan tenaga pengajar dalam bidang tertentu, Kementerian terpaksa melantik warganegara asing yang berkelayakan untuk berkhidmat

secara kontrak bagi tempoh yang tertentu. Di Sabah umpamanya, memang terdapat warganegara asing yang telah dilantik untuk berperingkat-peringkat dan kumpulan terakhir telah pun tamat kontrak mereka mulai 31-12-1988.

- (b) Pihak Kementerian memang menyedari akan wujudnya kes-kes seperti ini di Sabah dan setakat ini tindakan yang tegas telah pun diambil ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab. Di antara tahun 1982—1988, sebanyak 8 kes telah diambil tindakan tatatertib dan sebanyak 7 kes lagi sedang di dalam tindakan proses untuk diambil tindakan.

KERAHAN TENAGA DALAM ANGGKATAN TENTERA

46. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kerajaan tidak bersedia mengadakan perkhidmatan paksaan (compulsory service) walaupun ia adalah satu keperluan.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini telah banyak kali dijawab di Dewan yang mulia ini sama ada dalam masa soal jawab mulut dan daian jawapan menggulung perbahasan.

Sebagaimana yang ditegaskan pada jawapan-jawapan yang lepas, kerahan tenaga adalah dianggap tidak sesuai diadakan di negara ini lebih-lebih lagi dalam keadaan tiada keperluan yang mendesak dari segi pertahanan negara. Kerahan tenaga yang dilaksanakan pada masa yang tidak sesuai akan menimbulkan banyak implikasi yang kurang baik dan keadaan seumpama ini hendaklah dielakkan.

Saya mempunyai keyakinan penuh terhadap kemampuan Angkatan Tentera -kita dalam menghadapi sebarang kemungkinan tanpa memerlukan kerahan tenaga seluruh rakyat.

PENSWASTAAN KTM

47. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah hasil kajisiasatan projek penswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Adakah rancangan Kerajaan mengswastakan sebahagian sahaja operasi-operasi KTM dengan tawaran-tawaran terbuka pada tahun 1989.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Di dalam kajian kemungkinan penswastaan KTM, juruperunding telah meneliti beberapa bentuk-cara bagaimana penswastaan boleh dijalankan. Satu "Jawatankuasa Kerja Teknikal Mengenai Penswastaan KTM" sedang menilai cadangan-cadangan juruperunding bagi menentukan sama ada ia sesuai dilaksanakan. Pada masa ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenai bentuk-cara penswastaan seperti yang dicadangkan oleh juruperunding.

Oleh yang demikian persoalan sama ada sebahagian atau keseluruhan operasi keretapi akan diswastakan belum dapat diputuskan lagi. Kerajaan juga belum memutuskan bila tawaran-tawaran akan dibuka.

MENTERI DAN PEGAWAI KERAJAAN DISIASAT OLEH BPR

48. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakah berapa ramaikah Menteri-menteri dan Menteri Besar, bekas Menteri dan bekas Menteri-menteri Besar, Ahli Politik yang berkedudukan tinggi (political higher-ups) dan pegawai kerajaan yang senior atau "ikan jerung" disiasat oleh Badan Pencegah

Rasuah dan apakah hasil dari siasatan itu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Untuk tempoh lima tahun ke belakang iaitu dari tahun 1984 hingga Februari 1989, seramai 184 orang Menteri-menteri dan bekas Menteri, Menteri Besar dan bekas Menteri-menteri Besar serta Ahli-ahli Politik yang berkedudukan tinggi telah dan sedang disiasat oleh BPR. Daripada jumlah ini seramai 4 orang ahli politik telah dituduh di Mahkamah. Selain daripada itu terdapat beberapa kes lagi yang masih di dalam siasatan BPR dan kedapatan juga beberapa kes yang telah ditutup kerana hasil siasatan menunjukkan bahawa tidak ada kesalahan rasuah telah berlaku di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang ada.

Sementara itu dalam tempoh yang sama juga seramai 1,570 orang pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terdiri daripada Kumpulan A telah disiasat oleh BPR.

Dari jumlah ini seramai 52 orang telah dituduh di Mahkamah dan 58 orang pegawai diambil tindakan tatatertib. Kini terdapat kira-kira 540 kes yang masih di dalam perhatian dan tindakan BPR.

PERATURAN MENGHANTAR BUNGKUSAN

49. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah ada cadangan mengadakan peraturan yang ketat kepada pihak yang menghantar barang-barang dalam bentuk bungkusan untuk mengelakkan barang-barang salah dihantar melalui bungkusan. Kenapa pihak perkhidmatan pos tidak dapat mengesan mereka yang telah mengepos peluru, najis dadah dan

orang lain yang salah melalui bungkusan pos.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Peruntukan melarang orang ramai mengepos barang-barang tertentu seperti senjata api, peluru, bahan-bahan letupan dan najis dadah memang sudah wujud. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 28 (e) Akta Pejabat Pos 1947 serta Kaedah-kaedah Pejabat Pos 1947. Seseorang yang disabit kesalahan ini pula boleh dihukum penjara sehingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 71 (1) Akta tersebut.

Usaha-usaha mengesan penghantaran barang-barang yang dilarang melalui pos sentiasa dilaksanakan oleh pegawai-pegawai tertentu yang diberi kuasa memeriksa benda-benda pos (postal articles) yang disyaki mengandungi barang-barang berkenaan. Secara purata, Jabatan Perkhidmatan Pos telah dapat mengesan dua atau tiga kes setahun.

Biasanya di dalam kes yang dikesan, butir-butir pengirim yang berkenaan didapati palsu atau ia tidak dicatatkan sama sekali. Oleh itu, Jabatan tidak dapat mengambil tindakan ke atas orang yang terlibat. Benda-benda itu adalah dimusnahkan atau diuruskan mengikut Akta Pejabat Pos 1947.

KES PEMBUNUHAN

50. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir berkaitan laporan polis mengenai kes-kes pembunuhan yang tidak dapat diselesaikan dalam negeri semenjak tahun 1980.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sejak tahun 1980 hingga Februari 1989, terdapat sebanyak 2,822 kes pembunuhan berlaku. Dari jumlah tersebut sebanyak 1,488 kes telah dapat diselesaikan manakala sebanyak 1,334 kes atau 47.2% belum dapat diselesaikan.

KADAR INFLASI

51. Tuan Sim Kwang Yong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) angka inflasi terakhir tentang barangan pengguna;
- (b) adakah amalan "profitering" oleh pihak-pihak tertentu menyumbang kepada harga barangan pengguna pada masa sekarang; dan
- (c) apakah langkah telah diambil untuk memastikan harga barangan pengguna untuk memelihara harga mereka supaya sentiasa rendah dari kesan-kesan buruk inflasi keseluruhannya.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) kadar inflasi bagi tahun 1989 diramalkan 3 peratus berbanding dengan 2.5 peratus pada tahun 1988.
- (b) amalan profitering, dengan izin, atau pengambilan untung yang berlebihan oleh pihak-pihak tertentu sememangnya boleh menyebabkan kenaikan harga barang-barang pengguna. Walau bagaimanapun pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kenaikan harga barang-barang pengguna pada keseluruhannya bukanlah disebabkan oleh amalan mengambil untung yang berlebihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang turun-naik disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah dari semasa ke semasa. Selain daripada itu kenaikan kos-kos bahan mentah, pengangkutan, bahan-bahan pembungkusan dan perubahan nilai mata wang

negara-negara pembekal juga menjadi faktor-faktor terhadap kenaikan harga barang-barang ini.

- (c) Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang bagi memastikan harganya sentiasa berada di paras yang munasabah dan berpatutan. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Siasatan menunjukkan bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Sungguhpun harga barang-barang ini tidak ditetapkan oleh Kerajaan, harga barang-barang wajib diletakkan tandaharga di bawah Perintah Kawalan Harga (penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977. Buat masa sekarang sebanyak 111 jenis barang-barang wajib diletakkan tandaharga. Di samping itu sebanyak 20 jenis barang-barang perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati di pasaran dan juga untuk mencegah sebarang aktiviti penyorokan dan penyelewengan bagi maksud spekulasi dan "protitering", dengan izin. Dengan adanya bekalan barang-barang yang mencukupi di

pasaran secara tidak langsung harga barang-barang ini dapat distabilkan.

Kerajaan akan terus menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu ini mencukupi dengan harganya diletakkan mengikut Perintah Kawalan harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 dan sebarang penyelewengan akan diambil tindakan yang tegas. Kerajaan juga telah mempertingkatkan pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga. Bagi tahun ini pemeriksaan besar-besaran telah dilancarkan mulai 2-1-1989. Semenjak pemeriksaan besar-besaran ini dilancarkan sehingga 28-2-1989 sebanyak 20,142 premis-premis perniagaan, pasar-pasar raya, pasar-pasar malam dan sebagainya telah diperiksa dan dari jumlah ini sebanyak 190 kes peniaga-peniaga tidak meletakkan tandaharga dan 32 kes peniaga-peniaga yang melakukan berbagai penyelewengan barang-barang kawalan telah diambil. Nilai barang-barang yang dirampas dianggarkan kira-kira \$113,663.08. Para peniaga yang terlibat akan dihadapkan ke Mahkamah tidak berapa lama lagi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang. Pengguna-pengguna juga mempunyai peranan yang sama penting untuk mencegah kenaikan harga barang-barang. Saya menyeru semua pihak terutamanya Persatuan-persatuan Pengguna dengan izin

"Consumer Groups" untuk meningkatkan aktiviti kesedaran pengguna-pengguna supaya kuasa pengguna digunakan dengan sepenuhnya untuk mempengaruhi tahap harga. Cara ini adalah sebaik-baik cara untuk menyokong tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan inflasi dan kenaikan harga barang-barang.

KEWANGAN USAHASAMA MAKMUR BHD— TANGGUNGAN

52. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nama 12 buah Koperasi Pengambil Deposit yang telah dipindahkan harta-harta dan tanggungan-tanggungan kepada kewangan Usahasama Makmur Bhd., (KUMB);
- (b) sama ada pihak Kerajaan bercadang menukarkan pinjaman perdagangan kepada KUMB sebanyak \$160 juta dengan faedah 4% kepada pinjaman mudah dengan faedah sebanyak 1% dan memberikan lebih banyak pinjaman mudah, dan kalau tidak mengapa; dan
- (c) butir-butir prestasi kewangan KUMB pada 31-12-88.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama-nama 12 buah Koperasi Pengambil Deposit (KPD), yang mana harta-harta dan tanggungan-tanggungan depositnya telah dipindahkan kepada Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB) adalah seperti berikut:

- (1). Koperasi Mewah Bhd. (KOMEWAH)

- (2). Koperasi ENE Bhd. (ENE) mengenai kedudukan sebenar kewangan KUMB dibuat.
- (3). Koperasi Pembangunan Ekonomi Pemuda Malaysia Bhd. (KOMUDA)
- (4). Koperasi Sepadu Bhd. (SEPADU)
- (5). Koperasi Serbaguna Kosmopolitan Bhd. (KOSMOPOLITAN)
- (6). Koperasi Serbaguna Leasing & Kredit Malaysia Bhd. (KLK)
- (7). Koperasi Serbaguna Gunung Emas Bhd. (KGE)
- (8). Syarikat Kerjasama Penjaja-penjaja Peniaga-peniaga Kecil Selangor Bhd. (SAKAPP)
- (9). Koperasi PengusahaTeksi Wilayah Bhd. (KOTEKSI)
- (10). Koperasi Kewangan dan Perindustrian Malaysia Bhd. (MIFC)
- (11). Koperasi Belia Bersatu Bhd. (KOSATU)
- (12). Koperasi Serbaguna Fortiss Bhd. (FORTISS)
- (b) Kerajaan telah memberi pinjaman ringan (soft loan) sebanyak \$333 juta pada kadar faedah 1% setahun dan pinjaman perdagangan (commercial loan) sebanyak \$160 juta pada kadar faedah 4% setahun kepada KUMB untuk skim penyelamat bagi 12 buah KPD. Setakat ini tidak ada rancangan untuk menukarkan pinjaman perdagangan yang berjumlah \$160 juta pada kadar faedah 4% setahun kepada 1% setahun. Persoalan mengenai tambahan pinjaman ringan (soft loan) akan hanya dipertimbangkan apabila kajian mengenai kedudukan sebenar kewangan KUMB dibuat.
- (c) Akaun-akaun KUMB untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Desember 1988 sedang disiapkan dan perlu diauditkan. Prestasi kewangan KUMB bagi tahun 1988 akan diumumkan oleh KUMB sebaik sahaja pengauditan akaun-akaunnya diselesaikan dan diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEBEKALAN TAMBAHAN (1988)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988)" dan "Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Pertama)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat Timbangan Menteri Kewangan.

3.37ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$259,331,700 yang

diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1988 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.6 hingga B.8, B.19, B.20, B.26, B.30, B.34, B.36, B.42, B.49 dan B.51 untuk Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$284,855,780 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 3) Tahun 1988 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.24, P.26, P.33, P.49 hingga P.51, P.54 dan P.56 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyataan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1989 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1988 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1988. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1989 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1988 dan Kertas Perintah 2A Tahun 1989 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.1, B.6, B.7 dan B.8 (Jadual)—

Maksud P.7 Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Ber-

hormat, Bekalan B.1, B.6, B.7 dan B.8 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

3.39 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, tambahan Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$1,108,500 diberi tambahan ialah bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan \$355,800 dan eset \$752,700 bagi Perkhidmatan dan Bekalan Tambahan ialah lebih dari dua kali ganda daripada anggaran asal 1988. Manakala tambahan eset ialah lebih 107 kali ganda. Penjelasan diberi ialah perbelanjaan akibat Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dipindah dari Jalan Chenderawasih ke Pusat Dagangan Dunia Putra pada bulan Jun, 1988.

Tuan Pengerusi, kami ingin bertanya mengapakah Pejabat Suruhanjaya perlu pindah dan kenapa pula Pusat Dagangan Dunia Putra dipilih?

Berapa tahun kebelakangan ini Kerajaan asyik berpindah pejabat ke bangunan-bangunan baru yang sewanya mahal-mahal belaka. Misalannya pejabat Kementerian Pendidikan dipindah dari Bangunan Bank Rakyat ke Pusat Bandar Damansara. Sebahagian daripada Jabatan Pendidikan tetap berada di Bank Rakyat dan sebahagian pula di Pusat Bandar Damansara, mengapa pula perlu berpindah-randah walhal bangunan yang lama masih boleh digunakan. Sekiranya pejabat lama tidak mencukupi ruang, maka mengapakah pejabat tersebut tidak diperbaharui sahaja? Adakah perbelanjaan memperbaharui pejabat lama akan memakan belanja yang lebih besar daripada mengubahsuai dan melengkap pejabat baru termasuk memungkah perkakas serta perabot lama? Mungkinkah pilihan Pusat Dagangan Dunia Putra dibuka kerana

sebab-sebab politik iaitu menolong menambah hasil kepada Parti UMNO baru. Jika dugaan kita ini adalah salah maka bolehkah Kerajaan memberitahu kita bilangan pilihan tapak pejabat baru yang dipertimbangkan, jumlah sewa yang dibayar kepada pihak Pusat Dagangan Dunia Putra, jumlah sewa yang dikenakan oleh lain-lain alternatif yang perlu dipertimbangkan serta kelebihan-kelebihan tawaran Pusat Dagangan Dunia Putra berbanding dengan alternatif yang lain yang menolong memutuskan pilihan Pusat Dagangan Dunia Putra berjaya terpilih. Perkara ini adalah penting memandangkan di dalam Belanjawan yang dibentangkan tahun lepas di mana Dasar Jimat Cermat pun ditekankan dengan beberapa kali.

Tuan Pengerusi, B.7 Tambahan Perbelanjaan Mengurus yang diberi ialah \$57.756 juta ianya dibahagikan di antara 6 Butiran—Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Peruntukan sebanyak \$50 juta diberi sebagai pemberian dan kenaikan bayaran tetap bagi pelaksanaan projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Adakah projek-projek ini sebahagian daripada aktiviti membasmi kemiskinan.

Di sini saya ingin menyeru Kerajaan supaya memberi lebih perhatian kepada kesan sosio budaya ekonomi dalam projek-projek ini, malahan bagi kesemua projek pembangunan Kerajaan. Projek-projek penggerak ekonomi seperti infrastruktur tidak semestinya membawa bentuk kemajuan ke kawasan-kawasan luar bandar seperti yang disasarkan oleh Kerajaan. Begitu juga ianya tidak bermakna bahawa dengan adanya pelbagai projek infrastruktur pembangunan ekonomi akan menyusul persiapan projek tersebut. Kita harus

meninjau sama ada sesetengah projek itu benar-benar diperlukan atau tidak, iaitu membezakan di antara motif melaksanakan projek dengan takakulan ataupun "rationale", dengan izin, membina kemudahan tersebut. Misal kajian dua tenaga akademik Universiti Kebangsaan Malaysia yang dibentangkan dalam bulan Oktober 1982 di satu bengkel kerja bertemakan Perubahan Sosio Budaya di komuniti-komuniti akibat pembangunan ekonomi dan kemajuan teknologi mendapati bahawa sebatang jalan yang dibina menyambung komuniti Orang Asli Jahid di Lembah Kerau, Pahang dengan kawasan luar mempunyai kesan negatif ke atas pembangunan struktur sosio ekonomi budaya komuniti tersebut. Jalan yang dibina lebih memanfaatkan usahawan kapitalis yang menindas komuniti Orang Asli. Aliran keluar kekayaan ialah sehalu, iaitu keluar daripada komuniti Jahid dan keadaan diperburukkan apabila mereka yang berdaya mencari rezeki di luar perkampungan meninggalkan kampung halaman mereka dan secara langsung melemahkan daya kawasan itu berkembang sebagai penempatan yang lebih maju, terutama sekali apabila mereka yang berhijrah keluar itu terdiri daripada anak-anak muda. Oleh itu, kami berharap Kerajaan akan mengadakan rancangan pembangunan mahupun projek-projek kecil yang benar-benar memanfaatkan kumpulan sasaran projek itu.

Selain daripada itu, kita juga ingin tahu berapa banyak projek-projek yang dibiayai dengan tambahan \$50 juta ini serta bilangan projek yang dikendalikan di luar bandar dan projek kecil kawasan bandar, berapa banyakkah yang diterima oleh setiap projek? Difahamkan juga yang diperuntukkan \$50 juta ini berupa peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bagi tujuan-tujuan pilihanraya. Ianya amat tidak adil untuk menggunakan wang rakyat

Malaysia bagi memelihara imej Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja, memberi gambaran seakan-akan merekalah yang menyumbang kepada pelaksanaan projek-projek itu. Wang rakyat seharusnya digunakan bagi kebaikan semua bahagian masyarakat Malaysia. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan. Yang disebut dia kait dengan peruntukan Ahli Parlimen \$300,000 itu atas asas apa, mana dia tahu? Pakai tuduh sahaja. Minta penjelasanlah. Jangan guna Dewan yang mulia ini untuk mengungkitkan satu-satu perkara yang tidak ada asas. Jangan jadi tongong sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang itu dia tentulah putus asa dan dia tidak ada haluan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya tidak puashati kerana dia tidak bertanggungjawab apa yang dia kata. Tidak ada kaitan dengan putus asa, apa-apa, tetapi bila kita sebut bahawa ianya ada kaitan dengan peruntukan \$300,000 yang diberikan Ahli-ahli Parlimen, buktikanlah. Janganlah DAP ini kerja dia bohong semata-mata. Sudahlah parti itu fanatik, ekstrimis, bohongpula.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebutan-sebutan yang digunakan oleh pihak Yang Berhormat. . . .

Tuan Cban Heng Kai: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Kepong tidak jawab soalan itu tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang tadi itu dia gunakan sebutan dan perkataan yang begitu melulu, yang tidak manis, memanglah tabiat beliau ini begitu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, dia lagi tak manis, dia lagi tidak bertanggungjawab, kerana dia buat tuduhan melulu. Saya minta dia tarik balik tuduhan itu yang mengatakan bahawa Ahli Parlimen menggunakan sewenang-wenangnya untuk. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hendak penjelasan atau apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar; Saya hendak penjelasan. Dia bodoh. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, perkataan tak manis itu tak seharusnya dikeluarkan di dalam Dewan ini. Saya dengar juga apa perkataan itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, dia kata dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, minta jalan dahulu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan. Biar dia jelaskan dahulu, kalau tidak, jaga dia. (*Ketawa*)

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dari siapa?

Tuan Chian Heng Kai: Dari Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingin

minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Kepong sama ada beliau atau Yang Berhormat dari Marang sedar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menjawab pertanyaan saya bahawa setiap tahun ada \$200,000 peruntukan kepada setiap kawasan Ahli Parlimen.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu benar Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang menyebutkan hakikat yang telah pun dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong, bagaimana?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta jalan. Ini mana satu betul; \$300,000 atau \$200,000? Sama DAP pun kelahi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat, dia jawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tak beri lagi, Tuan Pengerusi, yang peruntukan Ahli Parlimen \$300,000, dia kata ambil \$50 juta daripada mana? Ini satu tuduhan melulu. Ada tanggungjawablah sedikit, Doktor, steady lah—angka jahat.

Dr Tan Seng Giaw: Memang tanggungjawab. Saya hendak jawab satu persatu sekarang ini.

Jadi, sebelum itu, tahun ini semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab soalan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam iaitu \$200,000 dan sekarang ditambah lagi seperti yang disebutkan oleh Yang

Berhormat dari Marang sendiri, ditambahnya, dan daripada itu dia berlagak seperti kena sengat tadi. Kalau berlagak seperti itu, ini menunjukkan apa yang saya sebutkan di sini, benar. Kalau tidak dia tidak akan hangat-hangat sangat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta jalan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Kepong, adakah \$300,000 ini diambil daripada rakyat yang dikatakan peruntukan \$50 juta itu. Kita memang ada peruntukan \$300,000 tetapi bukan daripada peruntukan itu dan memang untuk pembangunan kepada kemudahan-kemudahan rakyat, bukan untuk kepentingan peribadi atau untuk kepentingan sesuatu. Minta penjelasan, kalau tidak tarik balik sangkaan jahat ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah Yang Berhormat dari Marang. Duduk, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya dia tidak ada perkataan lain selain daripada tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa lebih baiklah Yang Berhormat dari Kepong teruskan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, difahamkan peruntukan \$50 juta ini ialah peruntukan untuk Ahli-ahli Barisan Nasional. Jadi, dia tidak faham apa yang disebutkan sebagai difahamkan juga. Baik balik ke sekolah lah kalau begitu. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, wang rakyat seharusnya digunakan bagi kebaikan semua bahagian masyarakat Malaysia, khasnya mereka yang amat memerlukannya, tidak kira sama ada rakyat memilik Barisan Nasional mahupun parti pembangkang sebagai

wakil rakyat mereka. Jadi, kita tidak boleh mengenenepikan aspirasi dan pilihan rakyat. Sekiranya peruntukan pembangunan diberi kepada seorang Ahli Parlimen, maka kesemua Ahli Parlimen tidak kira sama ada dari Bansa Nasional atau parti pembangkang harus menerima faedah kegunaan yang sama bagi mempertingkatkan kebajikan penduduk-penduduk dalam kawasan pilihanraya masing-masing sama ada parti Barisan Nasional atau parti pembangkang yang melaksanakan projek pembangunan. Rakyat tidak kerugian apa-apa melainkan apabila wang itu tidak digunakan dengan cekap atau orang yang diamanahkan wang itu kurang cekap, bersih atau amanah.

Tuan Shabidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, penjelasan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa segala peruntukan yang dibelanjakan itu bukan sahaja untuk rakyat Barisan Nasional, tetapi untuk semua rakyat. Sebagai contoh untuk orang Barisan dengan orang pembangkang kadang-kadang selang-seli rumahnya. Jadi, kita buat jalan mesti buat jalan terus, sebagai contoh yang paling nyata sekali ialah wakil rakyat Kuala Lumpur iaitu Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Segala jenis pembangunan di Kuala Lumpur dia yang dapat nama. Padahal kami yang di luar bandar ini, orang kata merangkak-rangkak untuk mendapat peruntukan. Pembangkang mendapat keuntungan dan juga manfaat lebih daripada Barisan. Apakah Yang Berhormat sedar atau Yang Berhormat buta? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Orang yang dengan mata yang begitu terang tetapi dia tidak nampak juga. Tuan Pengerusi, saya tekankan di sini bahawa semua wang yang digunakan di Arau ataupun di mana-mana tempat sahaja digunakan dengan cekap, bersih dan amanah, itu tekanan saya. Jadi, Yang Berhormat dari Arau, dia

susahlah hendak kata kerana mata dia terlalu terang, penglihatannya terlalu baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan ganggu dia, teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Jika kita membilang berasaskan pengalaman pentadbiran Kerajaan atau parti pemerintah memang kurang mempunyai pertanggungjawaban kewangan dan pertanggungjawaban prestasi. Parti pembangkang tidak berpeluang menunjukkan kecekapan mereka mahupun memperolehi pengalaman-pengalaman dalam aspek ini. Mungkin yang ditakut-takutkan oleh Kerajaan ialah kecekapan serta keadilan pihak pembangkang mengurus, maka koyak rabaklah imej Barisan Nasional sebagai pembela rakyat.

Tuan Pengerusi, mengenai keselamatan negara—Peruntukan Am, bagi pentadbiran Am, Peruntukan Tambahan sebanyak \$2.15 juta diberi kepada perbelanjaan aset berbanding dengan anggaran asal tahun 1988 Tambahan ini ialah lebih 43 kali ganda besar. Tambahan yang sebegitu besar ini amat mengelirukan memandangkan jumlah wang tersebut ialah bagi pembiayaan Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam, sedangkan di sebelah pihak yang lain keputusan sudahpun diambil untuk menutup Pulau Bidong sebagai kawasan penempatan sementara dan Kerajaan tidak akan menerima lagi pendatang haram Vietnam. Namun sebahagian daripada tambahan ini akan digunakan untuk memperbesarkan kemudahan di Kem Sungai Besi supaya ianya boleh menampung lebih daripada 8,000 orang.

Tuan Pengerusi, kebanyakan peruntukan yang didapati oleh Kerajaan itu, difahamkan bahawa datang daripada Bangsa-bangsa Bersatu. Kami memang sedar dan

usaha Kerajaan menutup Pulau Bidong dan menyelesaikan masalah pendatang haram Vietnam yang masih tertinggal akan memakan masa satu hingga dua tahun. Difahamkan bahawa sejak tahun 1975 Kerajaan Malaysia telah membelanjakan sebanyak \$18 juta dalam bentuk sokongan pentadbiran, tambahan ini ialah bagi pembelian aset pula. Jadi, adakah aset-aset itu akan dapat digunakan bagi lain-lain tujuan selepas kesemua pendatang haram Vietnam berjaya dikeluarkan dari Malaysia. Bagaimanakah aset-aset tersebut akan digunakan selepas kumpulan orang ini meninggalkan negara kita. Jadi, mengikut anggaran Kerajaan berapa banyak wang lagikah yang akan diperlukan oleh Kerajaan ke dalam aktiviti ini sama ada sebagai sokongan pentadbiran atau pembelian pembinaan aset-aset. Setakat ini berapa banyakkah wang perbelanjaan yang sudah dibayar balik oleh pihak UNHCR kepada Kerajaan Malaysia yang berkaitan dengan penyaraan serta kegunaan pengurusan pendatang haram Vietnam.

Tuan Pengerusi, saya tidak pernah mendengar pihak Kerajaan menerangkan keadaan ini sejak bermulanya orang-orang Vietnam lari dari negara sendiri. Selain daripada ini betapa berkesanakah rondaan Pasukan Petugas dalam tugas mengesan bot-bot pendatang haram Vietnam yang baru di perairan kita serta bilangan yang berjaya dihantar balik dari perairan Malaysia.

Tuan Pengerusi, P.7, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM), peruntukan tambahan sebanyak \$438.568 juta diberi kepada HICOM di mana \$12 juta diberi secara langsung dan bakinya \$93.336 juta sebagai pinjaman. Pinjaman diambil oleh PERWAJA untuk membeli alat-alat kelengkapan baru, membiayai bayaran balik pinjaman dan meningkatkan paras modal pusingan, sebaliknya \$12 juta itu digunakan

untuk membeli saham Edaran Otomobil Nasional (EON) sebanyak 2 juta unit atas nama Menteri Kewangan Diperbadankan. Entahlah berapa banyak perdarahan ekonomi yang telah berlaku bagi menghidupkan HICOM dan anak-anak syarikatnya. Setengah-setengah daripada perdarahan ini yang berbentuk subsidi atau perlindungan perdagangan tidak diumumkan kepada rakyat. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang, dia dari Terengganu, PERWAJA ini mengalami kerugian yang besar, tetapi dia tidak pernah bangkitkan hal seperti ini, kalau Yang Berhormat dari Arau dimaafkan sebab dia tidak ada di Terengganu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Barapa banyak rugi ini, dia mana tahu saya tidak pernah bangkit. Dahulu saya sudah bangkit, dia tidak dengarkah. Ini hendak bangkit lagi. Itulah orang kata baca Hansard, baca Hansard, dia tidak baca ataupun telinga dia tidak dengar. Pergi ke sekolah semulalah, tidak pandai baca.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat dari Marang dengar dengan baik-baik sekarang. Saya akan beri satu penjelasan kepada beliau. Kita memang sedar yang HICOM melapor bahawa 7 daripada 11 anak syarikatnya beroleh keuntungan dalam tahun kewangan 1987/88. Tetapi yang dirahsiakan dengan ketat sekali ialah kerugian yang dicatat oleh PERWAJA, Kedah Cement, PROTON serta Heavy Industries (M) Sdn. Bhd. Lebih lamanya sesuatu projek dibangunkan itu berhasil maka lebih rendah lagi kadar pertumbuhan ekonomi yang diwujudkan oleh projek berkenaan. Masa lama yang diambil

sebelum projek berhasil sama dengan kenaikan dalam ICOR iaitu nisbah modal keluaran tambahan.

Tuan Pengerusi, apabila kadar pertumbuhan ekonomi yang didasarkan tidak tercapai disebabkan projek mengambil masa yang lama sebelum ianya berhasil maka begitu juga lenyapnya mimpi-mimpi kosong Kerajaan mengharapkan industri berat akan memperbaiki status kaum Bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru menerusi pertumbuhan ekonomi. Keadaan diperburukkan lagi kerana dalam masa menunggu projek berhasil, sumber-sumber ekonomi negara terikat dan disia-siakan apabila projek gagal mencapai kecekapan pengeluaran yang perlu untuk memperolehi keuntungan. Tetapi yang saya berharap Yang Berhormat dari Marang, dia berhati-hati mengenai perkara seperti ini, jangan hendak tuduh dan menggunakan perkataan dan sebutan yang kurang manis..

Negara juga tergedai disebabkan oleh tanggungan berbillion-billion ringgit pinjaman dan paling teruk sekali rakyat yang menanggung beban. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nantilah dahulu! Minta jalan, Tuan Pengerusi.

Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tadi saya tanya dia, berapa banyakkah PERWAJA yang duduk di Terengganu rug? Dia cerita hal

Kedah dan yang lain-lain. Jadi, saya hendak tanya yang di Terengganu, bukannya PERWAJA Terengganu sekarang ini telah meningkat di segi prestasi dan telah mendapat keuntungan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dia menganggap saya sebagai Pengurus Besar PERWAJA dan juga saya sebagai Menteri Kewangan. Jadi susahlah sedikit sekarang ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta jalan. Yang Berhormat dari Kepong masih lagi belum menjawab. Saya mengatakan PERWAJA sekarang ini menduduki prestasi yang baik dan menguntungkan. Kenapa tidak dinyatakan soal ini, kenapa dibangkitkan soal-soal negatif sahaja? Ini yang saya minta penjelasan. Jangan pakai "hentam keromo" sahaja.

Tuan Pengerusi: Hentam keromo itu apa? (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia berambang atau dia cakap sebarangan, tidak ada asas. Dia loyar buruk.

Tuan Pengerusi: Ya, bahasa bakukah itu?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, bahasa lama tetapi diberi nafas baru. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bagaimana kita hendak menjawab orang yang berceloteh mulut sebegitu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita ada dua hari dalam perkara ini. Janganlah bercakap seolah-olah di dalam dasar kerana ini dalam Jawatankuasa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, maka apakah gunanya memperolehi 3 atau lebih pingat-pingat emas apabila keluaran Malaysia itu sebenarnya pencapaian teknologi asing, wang titik peluh rakyat dan membiayai pemberian subsidi dan perlindungan perdagangan supaya membolehkan sesuatu komoditi buatan Malaysia itu dijual pada tingkat harga yang rendah walhal proses pengeluaran adalah kurang cekap dan mahal.

Tuan Pengerusi, perbelanjaan wang besar-besaran dalam HICOM serta anak-anak syarikatnya ialah sumbangan Kerajaan secara langsung. Secara tidak langsung Kerajaan juga telah menjejaskan pergerakan kuasa-kuasa pasaran yang bebas iaitu pertandingan yang sihat di sektor swasta menerusi kesan crowding out, dengan izin, Pengerusi, sama seperti lain-lain industri berbentuk penggantian import. Industri-industri HICOM yang juga bermatlamat menggantikan sesetengah barangan import juga menerima perlindungan tarif dan subsidi yang banyak daripada Kerajaan. Kerajaan ini bukan sahaja mematikan daya keusahawanan negara swasta tetapi juga mengurangkan daya mewujudkan peluang pekerjaan di dalam negara kerana perlindungan membolehkan industri-industri ini menambah pelaburan modal berbanding dengan pelaburan dalam tenaga buruh. Perlindungan yang diberi oleh Kerajaan adalah menggalakkan pelaburan modal yang besar.

Kini Malaysia mempunyai ICOR atau nisbah modal keluaran tambahan yang tinggi iaitu 7:4 berbanding dengan Indonesia 4:1 dan purata rantau ini 2:1. Produktiviti buruh mungkin meningkat tetapi ini tidak semestinya diiringi oleh sesuatu peningkatan dalam kemahiran. Pada masa yang sama daya penyerapan buruh menjadi lebih lemah maka peluang pekerjaan yang wujud juga

berkurangan. Ini terbukti dalam satu kajian yang dibuat pada awal tahun 1980an di mana didapati disebabkan oleh keadaan-keadaan pasaran modal terseluruh hasil perlindungan tarif serta subsidi Kerajaan yang besar sejumlah 259,378 peluang pekerjaan tidak diwujudkan. Ini ialah daripada 62.7% peluang pekerjaan yang diwujudkan di sektor pembuatan dalam tempoh masa 1970 hingga 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat daripada Kepong, Yang Berhormat berucap pada dasar itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud B.8. Tambahan peruntukan sebanyak \$18.338 juta diberi kepada pentadbiran jabatan ini di mana kira-kira \$18.296 juta ialah bagi perkhidmatan dan bekalan dan selebihnya bagi perbelanjaan aset. Menurut penjelasan yang diberi, wang diperlukan bagi membiayai bayaran elaun-elaun kepada siswazah-siswazah di bawah Skim Khidmat Sambilan, Skim Latihan Khas Kedua dan Skim Latihan Tenaga Nuklear. Ketiga-tiganya program latihan kepada siswazah yang menganggur. Tambahan ini kira-kira lebih 6 kali ganda lebih besar daripada anggaran asal yang diluluskan bagi tahun 1988. Setahu kita terdapat kira-kira 3,000 orang siswazah menganggur di bawah skim Khidmat Sambilan. Berapa orangkah siswazah menganggur yang berada di dalam dua skim yang lain itu? Adakah skim-skim ini akan berupa projek jangka panjang dan jika tidak, bilakah agaknya Kerajaan boleh menghentikan program-program tersebut? Sehingga masa itu, apalah jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus terutama sekali pembiayaan elaun yang akan dibuat dajam satu tahun. Sebanyak manakah Kerajaan dapat menambahkan keupayaannya untuk melatih siswazah-siswazah menganggur bagi tahun-tahun akan datang? Sesudah berapa tahun lamanya Kerajaan

mengadakan skim-skim ini maka apakah masalah-masalah yang menjadi rintangan terhadap pengurangan bilangan siswazah yang menganggur di dalam negara? Apakah kejayaan yang dicapai oleh setiap satu daripada tiga skim ini dalam menghasilkan siswazah terlatih yang boleh dipasarkan di pasaran buruh Negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.08 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B7, Jabatan Perdana Menteri yang telah membelanjakan peruntukan tambahan sebanyak \$57.756 juta dan sebahagian daripadanya iaitu \$50 juta adalah untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Saya ingin menyentuh dua perkara mengenai dengan perbelanjaan ini iaitu dari segi pengagihan wang ini dan juga dari segi design ataupun reka bentuk yang digunakan \$50 juta ini untuk pembinaan intras-ruktur kecil.

Pertama sekali, Tuan Pengerusi, saya kurang puas hati dengan penagihan \$50 juta ini khususnya pada tahun lalu di dalam pembinaan infrastruktur-infrastruktur kecil. Di dalam perbahasan yang lalu saya telah memohon supaya pihak Jabatan Perdana Menteri agar menumpukan pengagihan wang ini kepada kawasan-kawasan yang kurang maju ataupun kawasan-kawasan miskin khususnya kawasan-kawasan di perbatasan yang mana kemiskinan disebabkan oleh kekurangan infrastruktur yang menghubungkan penduduk-penduduk miskin ini dengan pasaran-pasaran ekonomi. Jadi misalnya di kawasan saya, Tuan Pengerusi, iaitu di Padang

Terap banyak lagi penduduk-penduduk yang tidak dapat hubungan yang optimum dengan kawasan-kawasan pemasaran dan oleh itu kebanyakan daripada hasil pengeluaran mereka tidak dapat dikeluarkan dengan secara efficient, dengan izin, ataupun dengan secara cekap.

Misalannya jalan-jalan yang buruk atau jalan-jalan yang tidak sempurna telah mengakibatkan penumpahan susu-susu getah di kawasan-kawasan FELDA, RISDA dan FELCRA yang pada kajian yang dibuat oleh pihak kami didapati 20% daripada hasil susu getah ini mengalami penumpahan dan ini adalah satu pembaziran yang besar yang mengakibatkan kemiskinan rakyat-rakyat di kampung. Saya menyerulah supaya jikalau adanya penambahan pada tahun ini supaya Jabatan Perdana Menteri memberi penumpuan yang khusus kepada kawasan-kawasan miskin. Kemiskinan di kawasan-kawasan ini adalah disebabkan oleh kekurangan infrastruktur sebagai satu sebab yang significant. Oleh itu saya kurang bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Kepong tadi yang mengatakan bahawa infrastruktur tidak semestinya membawa manfaat kepada kampung-kampung ataupun kawasan kemiskinan. Di kawasan yang mundur, Tuan Pengerusi, yang sedang membangun, pembinaan jalan ataupun jalan-jalan kecil yang penting, jalan-jalan kampung adalah tetap memberi manfaat kepada pembangunan ekoromi. Soal adakah pihak kaum kapitalis akan mengeksploitasi kawasan itu dengan adanya jalan-jalan itu bukanlah soal yang utama. Ianya adalah bergantung kepada pentadbiran ataupun pengurusan pembangunan kawasan itu sendiri. Tidak ada kawasan-kawasan di dunia pembangunan ini yang menunjukkan bahawa pembinaan jalan membawa kepada kemunduran atau pembaziran baik kepada pihak

Kerajaan mahupun kepada pihak rakyat. Soal jalan-jalan ini dieksploitasikan oleh. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Biar saya habiskan ayat saya ini. Soal jalan-jalan ini dieksploitasikan oleh kumpulan-kumpulan Kapitalis dari kawasan bandar hanyalah merupakan "rhetoric", golongan-golongan yang tidak suka pembangunan diadakan di luar bandar. Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, apakah beliau sedar bahawa kalau pilihan jalan dan sebagainya termasuk yang hendak dibangunkan, kawasan-kawasan seperti Cameron Highlands dan sebagainya, kalau kita tidak pilih dengan betul, tidak ada kajian jangka panjang yang baik, cuma menggunakan wang rakyat yang berbillion ringgit untuk membina jalan, parit dan sebagainya tidak semestinya membawa keuntungan. Itu maksud saya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Inilah yang saya fikir Yang Berhormat dari Kepong tidak mendengar apa yang saya katakan tadi. Saya kata di kawasan yang mundur, bukan Cameron Highlands. Cameron Highlands ada incremental capital output ratio yang tinggi yang dia sebut tadi ICOR. Tetapi di kawasan-kawasan miskin ICORnya adalah rendah. Kalau kita tambah banyak wang dalam kawasan itu ia hanya hilang. Ini jadi "sunken cost". Jadi perlu ditambah lagi untuk menambahkan ICOR di kawasan-kawasan yang pembangunan. Oleh itu, saranan saya yang mengatakan bahawa pembangunan infrastruktur di kawasan miskin tetap membawa kepada pembangunan kawasan itu. Tetapi bukan di kawasan seperti Cameron Highlands ataupun Genting.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat dari Marang bangun di belakang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya sependapat dengan Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu peruntukan luar bandar ini perlu ditambahkan, perlu ditinggikan dari segi pertambahannya. Tetapi saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat dari Padang Terap kenapakah ada pihak-pihak yang bersuara sumbang supaya peruntukan luar bandar ini tidak diberikan dan juga tidak dipertingkatkan terutama pandangan daripada Yang Berhormat dari Kepong.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Soalan ini susah dijawab. Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan tadi saya tidak setuju sepenuhnya dengan pendapat Yang Berhormat dari Kepong. Terletak kepada kawasan, tidak ada di dunia pembangunan di seluruh negara-negara yang sedang membangun yang menunjukkan bahawa pembinaan jalan raya atau jalan kecil itu yang tidak memberi manfaat kepada sesiapa pun. Kalau Yang Berhormat dari Kepong mengatakan itu, maka beliau telah membuat satu kesilapan yang besar dari segi kenyataan akademik.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan. Maksud saya jelas. Jika kita pilih kawasan ICOR yang rendah itu memperbaiki. Cara-cara memperbaiki, cara-cara mengurus wang ini dengan jimat cermat, itu penting supaya tidak ada pembaziran, pemborosan yang besar. Yang Berhormat dari Marang tidak begitu perasan hal ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang tidak boleh bangun lagi.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan tadi ialah pentingnya diteruskan pembangunan luar bandar khususnya di dalam soal pembinaan infrastruktur-infrastruktur baik dari yang kecil sehingga yang tinggi. Jadi, ini adalah satu hakikat. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya melihat suatu yang amat penting dari segi soal penyusunan masyarakat dan juga dari segi pembangunan fizikal ini iaitu dengan cara mempertingkatkan usaha-usaha infrastruktur di luar bandar. Dan ini memanglah dikatakan merata, bukan saja kepada golongan tertentu tetapi kepada semua orang dan semua pihak termasuk pihak Pembangkang dan sebagainya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Padang Terap adakah suara lantang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu memperlihatkan sikap serta semangatnya yang anti kepada luar bandar disebabkan mereka tidak mendapat undi.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Nampaknya begitulah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, akhir sekali perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai design ataupun rekabentuk infrastruktur yang digunakan. Pada tahun lepas \$50 juta digunakan untuk pembangunan ini.

Tuan Pengerusi, di kawasan-kawasan yang sedang membangun pada masa ini satu daripada usaha Kerajaan untuk membasmi

kemiskinan ialah mewujudkan projek yang besar-besar misalnya di kawasan saya di Padang Terap dan juga di kawasan-kawasan lain di Kelantan, Terengganu banyak pembangunan seperti pembangunan melalui FELDA, FELCRA dan lain-lain lagi dan di kawasan saya melalui Gula Padang Terap yang mana pembangunan ini melibatkan penggunaan loji-loji yang besar. Jadi, apabila Kerajaan melabur \$50 juta untuk membina infrastruktur-infrastruktur kecil pada tahun 1988, pada tahun 1989 loji-loji besar ini masuk dalam masa sebulan habis hancur infrastruktur-infrastruktur kecil ini. Jadi apa yang dibuat oleh satu peruntukan dimusnahkan oleh satu peruntukan yang lain.

Di sini saya ingin menyeru kepada pihak JKR dan juga kepada pihak Kementerian Kewangan dan juga ICU di Jabatan Perdana Menteri yang mana wang ini diberi supaya mengambil kira ataupun mempertimbangkan kehendak-kehendak yang berlainan mengikut kelainan kawasan. Misalannya di kawasan-kawasan yang mana pembangunan melibatkan kegunaan loji-loji besar diberi rekabentuk jalan-jalan yang lebih kuat dengan asas-asas ataupun dengan foundation yang lebih kuat supaya apa yang diberi pada tahun ini tidak dimusnahkan pada tahun hadapan.

Misalannya di Padang Terap, semua jalan-jalan yang diberi melalui wakil rakyat, melalui DO dan melalui lain-lain cara telahpun rosak oleh loji-loji ataupun transport tebu yang beratnya 10 tan dan ini mendatangkan kesengsaraan kepada orang-orang kampung yang sedia miskin. Oleh itu saya harap jikalau adanya pertambahan walaupun wang ini telah dibelanjakan pada tahun sudah, saya harap pengalaman-pengalaman ini akan memberi ingatan kepada pihak-pihak berkenaan supaya janganlah kita memperuntukkan pada satu

tempat dan kita memusnahkan di masa yang lain.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, sekianlah komen saya kepada Maksud B.7. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau.

4.20ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara ini di bawah perbelanjaan sebanyak \$50 juta ini iaitu saya ingin menyoal kepada ICU dan juga Jabatan Perdana Menteri bahawa walaupun peruntukan ini kita tambah dari masa ke semasa tetapi dalam hal-hal tertentu cuma pendekatan saya mungkin berlainan sedikit yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi iaitu cara-cara perbelanjaan.

Pada masa dahulu di zaman Tun Abdul Razak di mana institusi, selepas itu kita lihat institusi Pegawai Kemajuan Negeri yang ada telah lemah sedikit keadaannya dan dengan wujudnya Pesaka Bumi dan sebagainya kita lihat projek-projek kecil sekarang ini harus dibelanja melalui kontraktor-kontraktor Kelas F walaupun harga \$1,000 walaupun harga \$5,000 dan sebagainya. Kita dapati cara begini menyebabkan penduduk-penduduk yang mendapat jalan ataupun lain-lain bentuk infrastruktur mereka tidak lagi ada semangat bertanggungjawab di atas projek-projek yang telah dibinakan, semangat "we feeling", dengan izin, semangat kekitaan yang sepatutnya ditanamkan bersama dengan projek-projek ini setelah bertambah renggang. Kerenggangan inilah yang menyebabkan masalah-masalah yang timbul dari bawah sehingga ke atas.

Jadi apakah satu bentuk kajian dibuat, MAMPU atau siapakah yang membolehkan kita melihat apakah apa yang kita "campak" itu tidak langsung mendatangkan kesan yang baik balik kepada Kerajaan sehinggakan, saya minta maaf, kalau titi sebatang pun dia terpaksa cari Kerajaan dalam hal ini, terpaksa cari Wakil Rakyat walaupun satu puntung kayu yang patah di atas satu jambatan kecil mereka terpaksa cari Wakil Rakyat, kalau dua tiga bulan kayu itu lagi banyak yang patah.

Perkara ini timbul oleh kerana semuanya kita laksanakan melalui ejen yang telah dilantik melalui Pusaka Bumi tetapi konsep gotong-royong yang dibuat melalui JKK dahulu telah pun lenyap, saya kurang pasti mengapa perkara ini terjadi.

Saya sebutkan tadi di zaman dahulu di mana perkara ini diperkuatkan sehingga ke peringkat bawah walaupun pendekatan kita sekarang cara baru tetapi perkara-perkara ini harus kita ambil ingatan supaya institusi yang bernama SDO dan DO, dengan izin, dapat diwujudkan balik, digembelngkan dengan tenaga yang ada dengan orang-orang yang terlibat ataupun penduduk-penduduk luar bandar tadi untuk membolehkan mereka melaksanakan secara gotong-royong. Saya percaya dengan semangat kekitaan dan juga semangat "we feeling", dengan izin, ini kita dapat menggembelngkan tenaga rakyat agar terus menyokong Kerajaan dan tidak lagi menyokong Pembangkang.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, saya juga ingin menyentuh tentang cara-cara pelaksanaan projek. Walaupun di peringkat kampung ataupun luar bandar tidak ada perancangan yang khusus seperti yang terdapat dalam bandar. Tetapi kita harus ambil ingatan terutama di sini janganlah permintaan itu kita hanya melayan

sekaligus, apa sahaja yang JKK minta ataupun penduduk-penduduk kampung minta, kita kata okay, kita terima, kita pun pergi buat jalan sehinggalah terjadi kepada sebuah negeri di utara tanahair terlampau banyak jalan yang bersimpang siur sehinggakan, maaf cakap, di negeri Yang Berhormat Padang Terap pun ada, sehinggakan terdapat jalan-jalan yang masuk ke kawasan belakang rumah pun ada tar di hadapan rumah pun ada tar walaupun jalan tar yang kecil kerana tidak ada perancangan yang khas cuma didasarkan kepada permintaan dan kalau kita ambil gambar daripada udara, kita lihatlah ular-ular yang sedang berbelit-belit di dalam negeri yang berkenaan. Ini semua kerana kita biarkan apa sahaja minta kita beri, tetapi sepatutnya biarlah kita ada satu perancangan yang khusus sedikit supaya kita memberi keutamaan kepada jalan-jalan yang sebenarnya boleh menguntungkan penduduk-penduduk yang berkenaan dan bukan menguntungkan pihak-pihak tertentu untuk membolehkan membina rumah dan sebagainya sehingga kita terima, masuk jalan ini satu jalan, yang itu satu jalan, terjadilah jalan yang berbelit-belit.

Kita juga minta supaya keutamaan diberi kepada rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak untuk pembinaan infrastruktur ini, saya juga ingin supaya pihak ICU melihat, supaya perancangan yang sama dibuat di kawasan sebelah sini iaitu perancangan yang khusus. Kita tidak mahu satu permintaan untuk sebuah kampung yang jaraknya sampai 50 batu untuk sampai ke kampung yang berkenaan. Saya pernah timbulkan perkara ini, Tuan Pengerusi, bahawa kita patut mengkaji balik perancangan *in-situ* yang kita buat itu untuk membolehkan penduduk-penduduk ini disatukan di satu tempat supaya perbelanjaan infrastruktur tidak semahal yang dijangkakan. Dengan itu rakan-rakan saya di Sabah dan

Sarawak tidak akan menghadapi masalah oleh kerana kita juga bersimpati, tiap-tiap kali Persidangan Parlimen ini, itu sahaja yang ditanya iaitu berhubung dengan jalan, jambatan, klinik dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, saya ingin sentuh berkenaan Pasukan Petugas Anti Dadah. Dilihat di sini diberi \$30,000 untuk perbelanjaan IPNGO iaitu persidangan mengenai IPNGO.

Tuan Pengerusi, kalau dilihat walaupun cuma dipohon \$30,000 di atas simpati saya tentang masalah dadah yang berleluasa di dalam negara ini, saya fikir Kerajaan patut memikirkan satu peruntukan khas. Kita lihat walaupun kita ada Pasukan Petugas Anti Dadah ini iaitu di pihak Kerajaan dan pasukan ini pula membantu badan-badan sukarela terutamanya PEMADAM, biarlah Kerajaan memberi satu peruntukan khas yang lebih banyak sedikit untuk kita memerangi dadah dalam bentuk yang berlainan daripada yang ada sekarang. Sebab kadang-kadang dadah ini terjadi bukan sahaja disebabkan oleh kita memerangi dadah, tetapi cara kita berkempen anti dadah itu sendiri kadang-kadang boleh menambahkan penagih dadah. Contohnya macam menghidu gam, semua orang tidak tahu menghidu gam dan sebagainya. Oleh kerana kita memberi publisiti bahawa menghidu gam ini adalah bahaya dan sebagainya, jadi, kadang-kadang orang hendak cuba, hendak cium bau gam basikal dan sebagainya akhirnya dia naik ketagih mungkin ada di antara Yang Berhormat kerana hendak cuba-cuba dua, tiga kali naik ketagih nanti jadi penagih dadah. Ini adalah di antara perkara-perkara yang kita buat yang kadang-kadang kita hendak memerangi dadah tetapi boleh merosakkan kita dengan menambahkan penagih dadah.

Jadi, dengan peruntukan yang sepatutnya ditambah bukan \$30,000

ini buat persidangan tetapi mengatur program-program yang diwujudkan dalam bentuk yang mencegah, mewujudkan sikap kasih sayang, mewujudkan semangat bahawa hidup ini amat berguna kepada kita dan sebagainya, dengan itu lebih baik daripada kita membuat publisiti memerangi dadah dan sebagainya. Kurangkanlah publisiti, banyakkah kerja, banyakkahlah peruntukan,

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak sentuh Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung dengan peruntukan tambahan sebanyak \$18,338,100. Saya lihat walau pun kita telah menambah peruntukan sebanyak \$18 juta dalam tiga bulan yang pertama ini tetapi saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan kalau boleh memaklumkan bahawa apakah kajian dibuat untuk kita melihat berapa banyakkah, tanya Menteri Pendidikan, berapa banyakkah penganggur-penganggur yang ada sekarang dari segi pertambahan dan juga dari segi pertambahan peruntukan yang diberi kerana orang-orang yang menganggur ini semuanya masih menunggu walau pun Timbalan Menteri Pertanian kata, ada program siswazah menganggur, suruh tanam bawang dan sebagainya, yang ini suruh bela ikan, suruh pergi laut dalam tetapi banyak yang masih di senarai menunggu. Dan mereka inilah orang-orang yang bakal menjadi kalau tidak silap penagih dadah ataupun smugglers dan juga lain-lain yang mereka terpaksa mencari sesuatu untuk menjamin masa depan mereka.

Mereka juga apabila telah lewat umur ingin juga berkahwin, ingin juga mendapat anak cucu dan sebagainya yang akan menimbulkan masalah sosial kepada negara. Apakah \$18 juta ini satu yang kita boleh banggakan, lepas itu besok kita pergi umum, kita sudah ada \$18 juta siswazah menganggur, tetapi sedarkah kita dari segi pertambahan siswazah yang ada

sekarang dan juga kegagalan mereka untuk memasuki bidang yang telah ditawarkan oleh jabatan-jabatan Kerajaan. Macam-macam tawaran, tawaran laut dalamlah, tanam bawanglah, berniaga lah tetapi mereka ini hendak mula sesuatu perniagaan macam-macam, datang berjumpa Wakil Rakyat hendak suruh jadi penjaminlah, kalau hendak beri, beri, kalau tidak mahu tidak payah beri—senang. Mereka ini bukan tahu berniaga, keluar-keluar universiti kira hendak kerja sahaja, hendak cari duit, anak-anak siapa pun banyak di sini, mungkin anak Tan Sri, mungkin anak saya, anak saya kecil lagi, mungkin juga anak-anak Yang Berhormat di sini yang sekarang ini menjadi satu masalah negara, bukan masalah keluarga lagi. Dengan itu kalau hendak tambah peruntukan, potong yang lain pun tidak mengapa, yang ini diberi keutamaan, mungkin \$100 untuk menampung mereka yang kita tengok dalam senarai menunggu.

Saya beri contoh baru-baru ini pihak MARA pernah mengambil lima orang jurutera yang sudah menganggur selama lima tahun. Ini satu perkara yang saya rasa tidak patut berlaku. Pergi belajar teruk-teruk, goncang kepala sampai naik botak, balik tidak ada pekerjaan, lima tahun. Kita tahu kadang-kadang yang diambil di bawah skim \$500 ataupun \$600 pemilihan juga terpaksa dibuat, dalam bentuk apa pun saya tidak tahu, tetapi orang ini terus bekerja dalam bentuk \$500 yang lain terus menganggur dan pertambahan ini diberi kepada orang-orang bekerja, apa hal yang tidak bekerja. Jadi, kalau diberi, beri semua. Kalau tidak pun, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan beri 80%, kalau tidak jangan beri langsung. Biar semua menganggur, puas hati kita tengok senang, kita katok satu-satu. Tetapi kalau beri sekerat, di sini menganggur, sini tidak menganggur, kita menghadapi masalah. Banyakkah

masalah-masalah fitnah dalam negara dan sebagainya, Dengan itu saya nanti dapat banyak laporan, saya cerita di Parlimen.

Demikian sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

4.32 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B. 1, Parlimen. Tuan Pengerusi, saya mahu menyentuh satu dua perkara berkenaan dengan Parlimen. Saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita susah mendapat peluang untuk menyampaikan pendapat-pendapat, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan kita dalam Dewan yang mulia ini, khususnya dalam perbahasan Belanjawan setiap tahun dan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Kalau ada peluang pun, masanya terhad dalam 15 minit atau 20 minit sahaja.

Tuan Pengerusi, setiap Wakil Rakyat patut diberi peluang untuk berucap di Dewan ini supaya perasaan, pandangan dan cadangan pengundi-pengundi di kawasan mereka dapat diutarakan di tempat yang paling sesuai ini. Ini juga akan memberi makna demokrasi di negara kita. Oleh yang demikian,

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, Yang Berhormat bercakap dasar.

Tuan Chian Heng Kai: Saya ingin sentuh itu amalan Parlimen sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap sekarang ini dasar. Yang Berhonnat boleh bercakap atas wang

yang diperuntukkan sahaja iaitu di bawah Peraturan Mesyuarat 67 (9) "Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir yang terkandung di dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan apabila tambahan". Yang Berhormat bercakap bersangkutan dengan masa dan sebagainya, itu tidak bersangkutan Yang Berhormat.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, saya akan akhiri dengan satu ayat sahaja. Oleh yang demikian, saya bercadang bahawa amalan Parlimen sekarang dikaji semula dan membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan ucapan mereka secara bertulis sekiranya mereka tidak berpeluang berucap dalam Dewan ini dan Menteri-menteri harus memberi jawapan dalam masa menggulung.

Tuan Pengerusi, saya juga tidak berpuas hati terhadap Jawapan Bertulis yang kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan apa yang dibincangkan sekarang. Yang dibincangkan sekarang ialah peruntukan \$759,700 di bawah B.1, Parlimen.

Tuan Chian Heng Kai: Ini saya akan memberi satu contoh tertentu, perkara tertentu yang

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap itu terkeluar langsung.

Tuan Chian Heng Kai: Ini berkenaan dengan perkhidmatan dan bekalan

Tuan Pengerusi: Tidak

Tuan Chian Heng Kai: berkenaan dengan pertanyaan saya dalam Dewan ini. Satu amaran

Tuan Pengerusi: Tidak bersangkut, Yang Berhormat. Kita boleh berucap-di atas permohonan atau peruntukan yang diminta Belanja Tambahan iaitu sebanyak \$579,700—bukan bersangkut dengan yang lain daripada itu. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak supaya soalan ataupun ucapan-ucapan boleh dibuat dengan bertulis dijawab dengan bertulis itu adalah dasar.

Tuan Chian Heng Kai: Satu praktis Parlimen, Tuan Pengerusi, boleh saya sambung.

Tuan Pengerusi: Jika bercakap macam itu, saya tidak benarkan kerana bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 67 (9).

Tuan Chian Heng Kai: Kalau demikian, saya akan ucap dalam masa yang akan datang." "

Tuan Pengerusi: Ya, dalam dasar.

Tuan Chian Heng Kai: Okay!

Tuan Pengerusi: Selepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab dengan kerana kita ada dua hari. Sekarang baru satu sahaja Kementerian. Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.36 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil perbincangan berhubung Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri yang mana peruntukan tambahan, diminta sebanyak \$57,756,500 untuk perbelanjaan yang dikehendaki sebagaimana yang dinyatakan itu.

Berhubung dengan projek-projek kecil yang disediakan dikehendaki ini, saya begitu mengharapkan kerana tiap-tiap tahun peruntukan-peruntukan ini diberi dan sehingga hari ini saya masih lagi ragu-ragu berhubung dengan projek-projek kecil yang disalurkan di kawasan-kawasan kampung, khususnya di kampung

pendalaman yang mana sekarang ini masih lagi kekurangan. Oleh itu, dalam masalah ini, saya mengharapkan setiap tahun kita adakan peruntukan seumpama ini supaya dapat digunakan benar-benar agar tiap-tiap rakyat sama ada di dalam ataupun di luar kawasan khususnya di luar bandar-mendapat nikmat peruntukan ini.

Umpamanya, di kawasan-kawasan setinggan, masih lagi banyak peruntukan-peruntukan ini tidak dapat disalurkan sedangkan saya rasa peruntukan-peruntukan ini kadangkala digunakan kepada peruntukan-peruntukan telah siap sedia ada tetapi kawasan yang belum tidak diusik langsung, hanya menambah benda-benda yang ada. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan menitikberatkan kepada peruntukan-peruntukan yang tertentu.

Beralih soal peruntukan \$2,232,500 dikehendaki bagi menampung kekurangan peruntukan di bawah program Keselamatan Negara berhubung dengan pembiayaan perbelanjaan mengurus Pasukan Petugas sebahagian Pendatang Haram Vietnam. Ini saya pun ingin bertanya kepada pihak Kementerian iaitu selalu dalam Soal Jawab diberitahu peruntukan-peruntukan ini bukan dibiayai oleh Kerajaan negara kita. Apa yang disebut dibiayai oleh pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, hal ehwal pelarian ini. Tetapi sekarang baru saya melihat di sini wang ini untuk pembelian bas, van dan berbagai lagi alat-alatan. Oleh itu, dalam masalah ini, saya harap kerana wang ini begitu besar dan kerana pendatang haram bukan tanggungjawab negara Malaysia sahaja, tetapi tanggungjawab pihak negara yang tertentu supaya peruntukkan ini dapat diambil dan tidak ditumpukan kepada kita untuk membayar. Kerajaan kita sudah beri tempat untuk mereka mendarat dan segala kemudahan yang lain juga kita

beri. Bila kekurangan wang kita bayar sampai \$2.2 juta.

Yang ketiga, soal \$1,700,000 berhubung dengan menjelaskan sebahagian daripada tunggakan bil air paip umum di kawasan setinggan, yang mana tunggakan \$1.7 juta ini iaitu bermula pada tahun 1986 hingga 1987. Apa yang saya hairan di sini Tuan Yang di-Pertua, soal tunggakan ini telahpun dibayar oleh pihak Kerajaan tetapi pihak yang berkenaan umpamanya Jabatan Bekalan Air masih lagi sekarang memotong air di kawasan-kawasan yang telah dibekalkan sebagai paip umum itu di kawasan setinggan.

Saya berasa hairan pihak Kerajaan telah memberi, membayar dan membuatkan wang tambahan dan sebagainya tetapi pihak Jabatan Kerja Air baru-baru ini di kawasan saya sendiri iaitu di Kampung Kerinci selama 5 hari bekalan air dipotong. Apabila saya pergi bertanya sebab apa, sebab air tidak dibayar oleh Kerajaan lagi. Sekarang kita telah bayar. Oleh itu dalam keadaan ini kita mengharapkan sungguhpun pihak Kerajaan tidak dapat membayar tiap-tiap bulan ataupun dua bulan sekali tetapi bayaran itu akan dibayar—dalam tempoh satu-dua tahun kebelakangan akan dibayar oleh pihak Kerajaan. Oleh itu kita mengharapkan kepada pihak yang berkenaan khasnya Jabatan Kerja Air supaya bertimbang-rasa kerana air itu amat perlu dan amat penting kepada manusia dan juga tumbuh-tumbuhan, haiwan dan seterusnya, tanpa air kemungkinan kita akan mati.

Di samping itu juga kita mestilah bertanggungjawab dan berperikemanusiaan kerana mereka yang duduk di kawasan setinggan itu bukanlah orang-orang yang senang. Sekarang ini bukan ada lagi perigi yang boleh digali, tidak ada lagi air sungai yang

boleh diminum kerana kawasan-kawasan ini semuanya telah dicemari oleh projek-projek pembangunan yang ada pada hari ini, sedangkan air ini amat perlu. Sudahpun ada batang-batang paip yang telah disalurkan tetapi pihak yang berkenaan ini masih memotong-motong bekalan, kononnya tidak bayar, ada yang berhutang \$4,000-\$5,000 dalam kawasan-kawasan itu. Ini harapan saya supaya pihak yang berkenaan memahami, wang itu tidak lari, akan didapatkan balik. Oleh itu kita mengharapkan supaya pihak yang berkenaan mengambilalih supaya jangan lagi perkara-perkara seumpama ini berlaku.

Soal yang lain, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada peruntukan sebanyak \$30,000 yang dikehendaki sebagai sumbangan Kerajaan kepada Persatuan Pencegah Dadah Malaysia (PEMADAM). Peruntukan ini adalah untuk mengadakan Persidangan International Federation of Non-Government yang telah dibuat di Kuala Lumpur.

Saya bukan tidak menyetujui, tetapi saya menyokong di atas sumbangan ini, lebih-lebih lagi kerana pihak Kerajaan dapat memberikan sumbangan yang lebih banyak lagi bagi mengatasi berhubung dengan dadah ini kerana dadah ini satu musuh yang utama kepada kita, lebih-lebih lagi anak-anak muda di kawasan-kawasan kampung di luar bandar dan di dalam bandar. Kalau kita tidak cegah, kemungkinan ini akan berlarutan. Tetapi apa yang saya hendak bertanya di sini, sungguhpun peruntukan kita dibuat, Persatuan ini juga mengadakan berbagai-bagai aktiviti yang lain umpamanya mendapatkan sumbangan daripada pihak swasta, mengadakan pertandingan walkathon dan sebagainya sehingga beribu-ribu ringgit wang dapat dikutip tetapi saya hairan tidak ada kira-kira kewangan yang dibentangkan, ke mana wang itu dibelanjakan dan dari mana wang itu

diperolehi. Kita dapat melihat dalam suratkhabar ada \$10,000, ada \$20,000, ada \$100,000 yang dihadaikan ataupun didermakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Di samping itu juga ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan ini kadangkala kita dengar mereka ini mengadakan konvensyen, seminar dan sebagainya di luar negeri. Balik-balik saya lihat orang-orang itu juga, empat-lima orang, tiap-tiap tahun orang itu juga yang pergi, tetapi bukan yang bekerja yang begitu ramai di seluruh negara. Saya rasa dalam soalan ini pihak Kerajaan mestilah memberikan peluang kepada mereka yang sama-sama bekerja dengan badan sukarela ini diberi peluang untuk turut menghadiri bersama-sama seminar ataupun mesyuarat di luar negeri yang diadakan, tidak lagi hanya mereka yang tersebut itu, balik-balik orang-orang itu juga bertahun-tahun, orang itu juga yang pergi dan balik.

Soalan yang lain, kalau dibenarkan iaitu Maksud B.42—Jabatan Percetakan Negara berhubung dengan tambahan peruntukan \$4,113,600. Percetakan Negara ini

Tuan Pengerusi: 'B' berapa itu, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: B.42. Kalau boleh saya teruskan, kalau tidak

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, kerana sekarang ini kita hanya membincangkan di bawah B.1, B.6 dan B.7.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Baiklah, Tuan Pengerusi. Kalau begitu, setakat itu sahaja pandangan saya dalam peruntukan \$57 juta ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.47 *ptg.*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Sulaiman bin Mohamed): Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong, Padang Terap, Arau dan Lembah Pantai yang telah mengambil bahagian dan memberi pandangan serta teguran berkaitan dengan peruntukan tambahan untuk Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah megemukakan pandangan dan sekaligus telah menuduh bahawa pemindahan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia ke Bangunan PWTC adalah satu usaha untuk membantu UMNO di dalam masalah UMNO mengatasi soal bangunan yang ada sekarang ini. Saya sukalah menyangkal tuduhan ini bahawa adalah tidak betul pemindahan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia ke pejabat yang baru adalah semata-mata kerana pejabat Suruhanjaya yang lama adalah merupakan satu bangunan kayu yang terletak di Jalan Cenderawasih yang sudah usang sebab bangunan kayu itu telah dibina sejak tahun 1974. Tapak tersebut itu juga telah diminta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur agar dijadikan sebuah Taman Bunga. Oleh kerana keadaan yang usang, keadaan yang begitu lama dan di atas permintaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi diberi lebih keselesaan kerana begitu padat Urusetia ini, maka pejabat ini dipindahkan ke bangunan PWTC. Jadi Yang Berhormat adalah tidak betul. Di dalam bangunan PWTC ini, Suruhanjaya itu dapatlah menduduki tiga lantai dan ini lebih selesa bagi kakitangan Urusetia untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Tuan Pengerusi, beberapa dakwaan juga disebutkan mengenai peruntukan \$50 juta di bawah P.7. Saya suka

hendak mengatakan bahawa adalah tidak betul \$300,000 diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, peruntukan \$300,000 ini adalah diberi di semua kawasan Parlimen. Ini saya hendak menegaskan di semua kawasan Parlimen, tidak mengira sama ada kawasan Barisan Nasional ataupun bukan Barisan Nasional. Tujuannya adalah supaya segenap lapisan masyarakat akan mendapat faedah daripada projek-projek kecil yang diberikan oleh Kerajaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya sama ada projek-projek kecil berkenaan termasuk projek-projek ekonomi. Adalah benar bahawa projek-projek yang dilaksanakan itu adalah termasuk projek-projek ekonomi yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar. Mengenai bilangan projek yang dilaksanakan, saya minta maaf bahawa bilangannya adalah terlalu banyak dan tak dapat saya sebutkan satu persatu, tetapi di dalam tahun 1988 sahaja sebanyak 12,000 projek kecil telah dilaksanakan iaitu meliputi projek infrastruktur, projek agama, projek ekonomi dan projek sosial.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh soal HICOM. Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa Kerajaan cuba hendak menyembunyikan kerugian. Saya hendak menegaskan bahawa ini adalah tidak benar. Kerajaan tidak pernah melakukan perkara sedemikian. Anak-anak syarikat itu kalau terdapat kerugian, Ahli Yang Berhormat boleh melihatnya di dalam laporan tahunan syarikat-syarikat berkenaan. Jadi, ini adalah tidak benar dan bukanlah niat Kerajaan untuk menyembunyikan sebarang kerugian daripada anak-anak syarikat HICOM.

Saya suka hendak sebut bahawa masalah yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengatakan bahawa memang selama hari ini UNHCR telah membiayai berkaitan dengan Pulau Bidong dan mengapakah baru pertama kali Kerajaan telah membiayainya. Masalah yang saya hendak sebut untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah Kerajaan bercadang untuk menutupi pulau ini. Memang selama hari ini UNHCR telah membiayai masalah pelarian Vietnam ini tetapi apabila hasrat Kerajaan untuk menutupi Pulau Bidong ini maka keperluan perbelanjaan adalah nyata sebagai penjelasan untuk digunakan bagi membeli kenderaan-kenderaan yang telah disebut di dalam Kertas Perintah yang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya bagaimana aset digunakan. Saya sukalah hendak sebut bahawa tidak ada peruntukan yang dibayar balik kepada Kerajaan. Aset-aset yang ditinggalkan di Pulau Bidong akan dibincangkan dengan pihak UNHCR sama ada ianya akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri ataupun akan diambilalih oleh pihak UNHCR.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mempersoalkan pengagihan daripada peruntukan \$50 juta. Peruntukan memang diberi kepada kawasan-kawasan yang mundur. Kawasan-kawasan yang mempunyai kekurangan kemudahan-kemudahan asas dan ini adalah termasuk kemudahan infrastruktur dan bagi keselesaan hidup dan peningkatan aktiviti ekonomi penduduk di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Arau yang mengatakan bahawa mengapa projek tidak dilaksanakan secara gotong royong dan hanya dilaksanakan oleh kontraktor kelas "F", sukalah saya

tegaskan bahawa tidak semua projek dilaksanakan oleh kontraktor kelas "F". Memang banyak projek-projek yang dilaksanakan secara gotong royong.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah mempersoalkan soal \$30,000 bagi PEMADAM untuk mengadakan persidangan International Federation of Non-Government Organizations. Saya suka hendak memberitahu bahawa ini adalah komitmen Kerajaan di dalam membantu PEMADAM. Kerajaan memang dari sejak dulu telah melaksanakan kegiatan pembasmian penyalahgunaan dadah seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau tetapi bagi IFNGO ini hanya merupakan komitmen Kerajaan untuk membantu PEMADAM. Soal sama ada PEMADAM sering menghantar orang-orang tertentu ke Persidangan luar negeri saya kira ini adalah urusan PEMADAM sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga menyentuh soal Jabatan Perkhidmatan Awam yang berkaitan dengan peruntukan wang sebanyak \$18,337,100 bagi membiayai bayaran elaun-elaun kepada siswazah-siswazah yang mengikuti skim perkhidmatan sambilan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3,000 siswazah yang menganggur yang telah dibantu di dalam skim-skim ini iaitu Latihan Khas Kedua, Skim Khidmat Sambilan dan Skim Latihan Tenaga Nuklear di bawah program latihan tersebut. Dan daripada 3,000 orang itu, 400 siswazah telah dimasukkan di bawah kursus tax consultant yang diberi sebanyak \$300 seorang sebulan.

Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan saya memberi jaminan bahawa Jabatan Perdana Menteri akan mengambil kira pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan insya Allah segala saranan yang

telah dikemukakan akan diambil perhatian dengan serious. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Kita tidak ada masa sekarang. Ada yang bersungut masa sedikit; itu bukanlah soal saya, itu soal Peraturan Mesyuarat. Kalau sekiranya Peraturan Mesyuarat dipinda maka bolehlah saya membenarkan, kalau tidak saya kenalah menurut Peraturan Mesyuarat yang telahpun Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri tetapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$759,700 untuk Maksud B.1; \$1,108,500 untuk Maksud B.6; \$57,756,500 untuk Maksud B.7; \$18,338,100 untuk Maksud B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$759,700 untuk Maksud B.1; \$1,108,500 untuk Maksud B.6; \$57,756,500 untuk Maksud B.7; \$18,338,100 untuk Maksud B.8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$105,336,000 yang disebutkan dalam Maksud B.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$105,336,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud B.19 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

4.58 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, di bawah Pentadbiran Am sejumlah \$3 juta diperuntukkan sebagai tambahan perbelanjaan mengurus kepada pihak Urusetia dan Perkhidmatan Am di bawah Kod 4000—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Peruntukan ini dijelaskan sebagai membiayai Bayaran Skim Rebate kepada penternak-penternak yang layak menerimanya berdasarkan kepada peraturan bahan kacang soya (soya bean) yang digunakan dalam makanan ternakan mereka. Skim ini berupa subsidi harga bagi membolehkan penternak bersaing di pasaran antarabangsa selepas Kerajaan bercadang mengekalkan duti import sebanyak 13% ke atas "soya bean meal", dengan izin, Tuan Pengerusi. Secara tidak langsung kami dapat mengagakkan bahawa penternak yang menerima rebate ini terdiri daripada penternak besar-besaran yang menghasilkan ternakan bagi pasaran luar.

Adakah penternak-penternak bersekala kecil yang menghasilkan ternakan bagi pasaran tempatan dan menggunakan soyabean meal, dengan izin, juga berhak menerima subsidi ini? Jika tidak, mengapa? Jika ya, berapa orang penternak sekala kecil ini yang menerima faedah tersebut serta apakah jumlah besar wang yang diperuntukkan bagi mereka ini? Apakah jumlah hasil cukai yang diperolehi daripada duti import ke atas soyabean meal, dengan izin, berbanding dengan jumlah besar tanggungan Kerajaan memberi rebate kepada penternak-penternak kita?

Pada akhir tahun 1988, dilaporkan bahawa sebuah Syarikat British telah membuat sejenis makanan ternakan bertenaga, dengan izin, the revolutionary high energy animal feed yang menggunakan kelapa sawit Malaysia sebagai asas untuk menggalak daya pengeluaran susu di kalangan lembu tenusu, biri-biri dan kambing. Jenis makanan ternakan ini juga lebih murah daripada makanan ternakan yang lain. Maka mengapakah pihak Kerajaan tidak memperkembangkan lagi kajian ini untuk meliputi makanan ternakan binatang daging atau menggalakkan penggunaan kelapa sawit bagi meningkatkan hasil tenusu negara? Pembaharuan-pembaharuan sebegini bukan sahaja menambahkan kegunaan kelapa sawit, tetapi juga menjimatkan tanggungan Kerajaan terpaksa memberi rebate kepada penternak yang menggunakan soyabean meal. Wang yang digunakan untuk memberi rebate akan lebih cekap penggunaannya apabila dilaburkan ke dalam kajian berbentuk ini.

Yang lebih mustahak ialah penternak-penternak kita dapat bersaing di pasaran antarabangsa atas keupayaan sendiri untuk mengeluarkan hasil ternakan yang bermutu pada kos yang rendah daripada terpaksa selalu bergantung kepada Kerajaan untuk melindungi, dengan izin, marketability keluaran mereka di pasaran itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh.

5.03 ptg.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, ingin juga saya menanyakan satu dua perkara tentang permintaan \$3 juta diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sepertimana rakan saya mengatakan tadi, ia adalah untuk membiayai Bayaran Skim Rebate

kepada penternak-penternak. Apa yang menarik perhatian saya ialah Bayaran Skim Rebate ini adalah untuk penternak-penternak yang layak diberikan rebate berdasarkan kepada peratusan bahan soyabean yang digunakan dalam makanan ternakan mereka. Dalam penjelasan yang diberikan dalam memorandum daripada Treasury, tidak dijelaskan tentang penternak manakah yang layak sebenarnya dan apakah peratusan bahan soyabean yang akan menentukan penternak itu layak menerima bayaran Skim Rebate ini. Tambahan pula saya juga nampak bahawa Skim Rebate ini diwujudkan bagi menentukan harga ternakan dan bahan-bahan ternakan bersaing di pasaran antarabangsa. Kalau inilah yang dimaksudkan dalam memorandum, ingin saya menanyakan, adakah ini bertujuan untuk membiayai Bayaran Skim Rebate bagi penternak-penternak yang mengeluarkan bahan-bahan ternakan atau ternakan yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa bukan bagi penternak-penternak yang mengeluarkan ternakan dan bahan-bahan ternakan yang bukan berasingan di pasaran antarabangsa tetapi cuma untuk kegunaan domestic, dengan izin.

Daripada memorandum ini, saya dapat membuat kesimpulan bahawa ianya bukanlah untuk penternak-penternak tempatan dan sekiranya ia hanya untuk penternak yang export-oriented, dengan izin, maka saya ingin mendapat tahu kenapakah bayaran Skim Rebate ini tidak dipanjangkan kepada mereka yang menternak dan mengeluarkan ternakan dan bahan-bahan ternakan bagi kegunaan dalam atau domestic consumption. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mbd. Kassim bin Ahmed): Tuan

Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Ipoh yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Pertanian dalam Sidang Jawatankuasa Perbincangan Anggaran Tambahan Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pertanian.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal rebate. Biarlah saya menyatakan di sini sebagai keterangan yang lebih lanjut tentang tujuan rebate ini. Rebate ini ialah bertujuan untuk menggalakkan eksport ayam, itik dan khinza. Ini satu penjelasan yang saya harap Yang Berhormat faham—untuk menggalakkan. Apabila saya kata "menggalakkan", ini dengan sendirinya bererti bahawa sesiapa juga yang ingin mengeksport ayam, itik atau khinza maka ianya akan mendapat kemudahan-kemudahan rebate. Dengan wujudnya rebate ini maka dapatlah penternak-penternak kita bersaing dengan penternak-penternak negara lain. Penternak-penternak kita dengan cara ini akan lebih berminat untuk berusaha bagi mempertingkatkan jumlah ternakan mereka. Kalau hari ini mereka memelihara 100 ekor, mereka akan tambah sampai 1,000 atau 2,000 ekor. Ini bermakna bahawa sesiapa yang ingin mendapat kemudahan-kemudahan ini maka ia hendaklah melibatkan diri secara bersungguh-sungguh bukan secara mainan. Dengan kewujudan rebate ini, Kerajaan hanya membelanjakan sekadar \$7 juta, tetapi keuntungan yang kita akan dapat daripada eksport ini melebihi daripada itu. Ertinya kita tidak rugi. Kerajaan akan mendapat keuntungan, rakyat akan mendapat pendapatan yang bertambah.

Saya rasa itulah jawapan yang saya dapat gutungkan, dapat simpulkan kepada kedua-dua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

dari Kepong dan juga Yang Berhormat dari Ipoh. Terima kasih.

Tuan P. Patto: (*Sangun*)

Tuan Pengerusi: Boleh dia beri penjelasan atau tidak?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Sudah habis.

Tuan Pengerusi: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,000,000 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,000,000 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.20 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk perbincangan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$691,700 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$691.700 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil 3) 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibincangkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,119,700 yang disebutkan dalam Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,119,700 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud B.26 (Jadual)—

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 26 dan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibincangkan.

Yang Berhormat dari Kepong.

5.10 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tambahan sejumlah \$119.44 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus dan ini dibahagikan di antara 6 Butiran—Pendidikan Rendah dan Menengah. Peruntukan tambahan ini di bawah Butiran ini dibahagi kepada dua, iaitu Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah. Penggunaan ialah bagi membiayai emolument guru di jawatan sokongan di sekolah dan asrama. Bagi pendidikan rendah \$14.506 juta diperuntukkan, sementara pendidikan menengah menerima \$45.039 juta. Bilangan orang guru atau jawatan sokongan yang dibiayai melalui peruntukan ini tidaklah diketahui.

Pihak Kementerian seharusnya memberitahu kita maklumat-maklumat ini termasuk bilangan sekolah serta asrama yang terlibat. Walau bagaimanapun, yang lebih penting ialah dengan pertambahan dalam tenaga pengajar di sekolah-sekolah ini, apakah pula nisbah guru kepada murid di sekolah-sekolah tersebut. Dan dalam negara secara amnya kita masih kedengaran mengenai sesetengah sekolah rendah mahupun sekolah menengah yang mempunyai bilangan murid yang amat tinggi di dalam sesebuah kelas sekurang-kurangnya 40 orang dan kadangkala 60 orang murid.

Di bawah KBSR saiz yang ideal ialah kurang daripada 20 orang murid dalam satu kelas, bagaimana pula nisbah ideal bagi guru berbanding dengan murid. Adakah guru-guru yang ditugaskan ke sesebuah sekolah itu mengajar disiplin pengajiannya atau mengikut keperluan sekolah. Pada masa yang sama berapa orangkah daripada guru-guru ini adalah guru-guru yang mengajar bahasa ibunda (POL) di sekolah-sekolah menengah. Sungguhpun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah memang menyediakan masa pembelajaran bagi mata-pelajaran bahasa ibunda tanpa guru-guru yang layak untuk mengajar, maka masa yang disediakan itu sia-sia sahaja. Apakah usaha Kerajaan ke arah mengatasi masalah kekurangan guru-guru POL di sekolah menengah.

Berbincang pula mengenai pendidikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) itu ibu bapa merungut yang anak-anak mereka tidak menerima pendidikan matematik dan sains yang mencukupi. Masa yang disediakan bagi subjek-subjek ini bukanlah faktor utama tetapi mutu isi kandungan sukatan pelajaran bila dibanding dengan sukatan lama yang membimbangkan mereka ini.

Tuan Pengerusi, misalan KBSM mengumpulakan matapelajaran-matapelajaran matematik moden, sains panduan, geographi dan sejarah dalam satu subjek, iaitu Amalan Bahasa Malaysia (ABM). ABM hanya mempunyai satu buku teks dan kandungan matematik hanyalah didapati dalam satu bab sahaja bagi kegunaan murid-murid bagi masa setahun. Bab itu mempunyai kurang daripada 10 masalah matematik. Matematik moden yang diajarkan di Tingkatan Satu di bawah KBSM hanya terdapat 11 bab berbanding dengan 20 hingga 21 bab dalam sukatan lama. Di antara topik-topik yang dicicirkan termasuk persamaan ayat matematik: ko-ordinat, set, indeks, ketaksamaan dan statistik. Ianya mungkin benar bahawa Sistem Pendidikan Negara harus diubah daripada terlalu berorientasikan peperiksaan kepada sistem yang memupuk minat memperoleh pengetahuan dan cara mengguna pengetahuan yang diperolehi. Namun ianya juga mustahak yang mutu tidak terabai atau sukatan pelajaran terlalu dipemudahkan sehingga konsep-konsep asas matapelajaran-mata-pelajaran utama tercicir sejak awal-awal lagi.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, selain daripada ini saya juga ingin membawa perhatian Kementerian kepada gelagat sesetengah Menteri, Timbalan Menteri mahupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang suka menghantar anak mereka belajar di luar negeri di peringkat sekolah menengah dan ada juga sejak peringkat sekolah rendah. Jelas sekali mereka ini tidak mempunyai kepercayaan terhadap keberkesanan sistem pendidikan tempatan tetapi yang lebih buruk lagi kumpulan orang ini tidak menghiraukan sama ada anak-anak mereka telah menguasai dengan sebaik-baiknya Bahasa Malaysia

sebelum menghantar mereka ke luar negeri. Di hadapan rakyat mereka pula berih-rendah mengutuk ibu bapa atau sesiapa pihak yang mempersoalkan kewarasan mengguna Bahasa Malaysia dalam semua bidang, khasnya bidang-bidang teknik, perubatan dan perundangan, akan tetapi mereka sendiri tidak mengesyorkan yang anak-anak mereka sendiri sudah cukup fasih dalam Bahasa Malaysia. Perbuatan talam dua muka ini harus dikecam oleh masyarakat Malaysia.

Tuan Pengerusi, dengan permintaan wang begitu banyak untuk guru-guru pendidikan rendah dan menengah, baru-baru ini guru-guru yang ditempatkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina wujudnya satu kekeliruan yang ditambah tokokkan oleh pihak Menteri Buruh dan Timbalan Menteri Pendidikan dan juga oleh Presiden MCA. Mereka ketiga-tiga ini mengeluarkan kenyataan yang tidak begitu jelas sehingga rakyat jelata tidak faham apa sahaja yang berlaku mengenal guru-guru yang dihantar kepada SRJK (C) ini. Saya berharaplah pihak Menteri dapat menyelesaikan masalah yang seperti ini.

Tuan Pengerusi, Pendidikan Teknik dan Vokasional \$2.4 juta diperuntukkan sebagai tambahan perbelanjaan emolumen akibat pertambahan dalam tenaga pengajar atau pengisian jawatan sokongan di asrama. Dengan bermulanya KBSM di sekolah-sekolah menengah bagaimanakah kurikulum sekolah teknik dan vokasional akan diselaraskan supaya sejajar dengan objektif-objektif KBSM. Kebajikan Penuntut-penuntut, pemberian buku teks lebih daripada \$41 juta diberi sebagai pemberian dan kenaikan bayaran tetap dalam Tambahan Pertama ini. Jumlah ini merupakan kira-kira 1.706 lipat kali ganda anggaran yang asal. Dengan bermulanya pelaksanaan

KBSM sesetengah sekolah masih belum menerima quantity buku-buku teks yang mencukupi. Tahun lepas KBSM pun bermula tetapi sudah pun menghadapi masalah kekurangan peruntukan perbelanjaan di bawah skim pemberian buku teks. Pada tahun ini pula berapa banyak lagi yang Kerajaan perlu menyediakan bagi skim ini agar kesemua murid yang layak menerima bantuan buku teks menerima buku-buku mereka sebaik sahaja penggal sekolah bermula. Ada juga sungutan daripada orang ramai mengenai kelewatan menyediakan bekalan buku di pihak penerbit-penerbit yang diluluskan oleh Kerajaan mengedar buku-buku sukatan pelajaran KBSM ke sekoiah-sekolah di Malaysia. Kebanyakan daripada penerbit-penerbit ini kurang berpengalaman bila dibandingkan dengan penerbit-penerbit lama seperti Hikeman atau Preston.

Bagaimanakah Kerajaan menentukan faktor-faktor yang melayakkan sesebuah syarikat penerbit buku sebagai pembekal buku sekolah di bawah skim buku-buku sekolah. Bolehkah Kerajaan mengumumkan senarai syarikat penerbit yang diluluskan oleh Kementerian sebagai layak untuk mencetak dan mengedar buku-buku teks sekolah serta pengalaman mereka dalam bidang ini berbanding dengan syarikat-syarikat penerbit yang gagal untuk mendapat kelulusan Kerajaan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan ke atas pengedar-pengedar yang gagal untuk menyediakan bekalan buku yang mencukupi kepada sekolah-sekolah apabila penggal sekolah bermula. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.21 *ptg.*

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya

merujuk kepada Kertas Perintah 3 Tahun 1989, Maksud B.26, Butiran 010000 dan ingin menyentuh sedikit sebanyak di atas Pendidikan Rendah dan Menengah.

Saya ingin membawa kepada perhatian pihak Kementerian berkaitan dengan masalah yang sedang dihadapi oleh beberapa banyak Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di bawah mana sekolah-sekolah ini menghadapi masalah di mana bangunan-bangunan yang sedang diuruskan oleh sekolah-sekolah ini tidak begitu tepat untuk menjalankan urusan sekolah-sekolah Tamil ini.

Sebagai contohnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bukit Manjong iaitu berkaitan untuk mengadakan satu bangunan baru kepada sekolah ini. Walaupun saya telah menyentuh berkaitan dengan sekolah ini di dalam ucapan saya di bawah Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi nampaknya jawapan daripada Kementerian masih tidak diperolehi dan saya ingin dapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkuasa di atas perkara ini, apakah yang terjadi di atas peruntukan yang telah diberi kepada sekolah itu. Saya dapat tahu satu peruntukan sejumlah \$350,000 telah pun diperolehi daripada Bank Dunia tetapi nampaknya pihak Kementerian telah beralih peruntukan ini kepada lain-lain sekolah dan kita di kawasan Hulu Selangor sedang menghadapi beberapa banyak masalah untuk mendirikan sekolah ini dan juga keadaan di dalam kawasan ini telah sampai kepada satu peringkat iaitu jika sekolah ini tidak dapat dibangunkan dalam tahun ini, saya rasa satu kesulitan akan dihadapi oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya yang akan datang.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada pihak Timbalan Menteri untuk mencari bagaimana sekolah ini boleh didirikan di dalam tahun ini juga. Seterusnya kepada beberapa banyak sekolah-sekolah lain yang kita sedang memperjuangkan di atas nasib sekolah-sekolah ini, tetapi setiap kali pihak Kementerian menjawab, tidak ada peruntukan, tidak ada peruntukan. Inilah yang seringkali kita dapat jawapan daripada pihak Kementerian ini. Saya berharap dalam tahun 1990 dalam anggaran belanjawan yang akan disediakan oleh pihak Kementerian ini, satu peruntukan yang adil boleh ditetapkan kepada semua sekolah-sekolah Tamil yang berada di negara kita.

Kedua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan bantuan buku-buku ke sekolah-sekolah Tamil juga dan saya dapat tahu urusan baru telah pun dikeluarkan dan sekolah-sekolah Tamil di bawah mana bantuan harus diberikan kepada sebahagian murid sahaja yang ada kelebihan ataupun pendapatan yang rendah. Tetapi sebagaimana kita semua maklum murid-murid yang berada di sekolah-sekolah Tamil ini adalah berasal dari golongan yang berpendapatan rendah sahaja dan dengan ini saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk menjaga nasib murid-murid di dalam sekolah-sekolah Tamil supaya mereka semua dapat ini, bukan sebahagian sahaja, tetapi semua murid-murid dalam sekolah Tamil mendapat bantuan penuh buku teks ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seremban.

5.25 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, minggu dahulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada berkata, Kerajaan pada tahun ini akan mengambil kurang guru pelatih. Tahun dulu Kerajaan mengambil 7,000 atau 8,000 guru pelatih tetapi tahun ini Kerajaan akan mengambil 4,000 guru pelatih sahaja. Saya tidak setuju dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan, oleh sebab saya rasa pada masa sekarang sistem pelajaran kita ini hendak lebih guru-guru. Oleh sebab untuk membaiki atau menaikkan taraf pelajaran di kalangan murid-murid kita mesti diadakan lebih guru, nisbah satu kelas hendaklah 30 murid—1 guru. Tetapi sekarang kita nampak seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ada darjah yang diadakan sampai 50 atau 60 orang murid. Ini sangat tidak sihat.

Kalau keadaan ini berpanjang lagi saya ingat standard atau taraf pelajaran akan diturunkan lagi. Saya juga dapati banyak aduan daripada guru-guru yang menyatakan di bawah sistem KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah), sistem ini hendak lebih guru. Jika mahu melaksanakan sistem ini dengan baik dan memberi khidmat atau pengajaran yang baik satu darjah tidak harus menganggotai lebih dari 20 atau 25 orang murid sahaja. Tetapi tadi saya sebut ada kelas sampai 50 murid. Jadi, dengan itu sangat susah untuk seorang guru memberi satu pengajaran yang sihat. Sebab itu saya harap Menteri berkenaan mengambil lebih guru pelatih.

Ketiga, kita pun ada dapat aduan daripada pihak pakar pelajaran di kalangan pakar bahasa ibunda yang mengatakan bahawa di dalam banyak sekolah rendah banyak subjek-subjek sekarang diajar bukan oleh guru yang fasih bahasa Mandarin tetapi oleh guru-guru yang fasih dalam Bahasa Malaysia sahaja. Ini adalah bercanggah dengan Akta Pelajaran

1961, di mana ada menyebut subjek-subjek hendaklah diajar dalam bahasa Mandarin dan hanya subjek Bahasa Malaysia yang diajar dalam Bahasa Malaysia. Saya harap pihak berkenaan, khasnya Menteri Pendidikan mengambil perhatian kali ini dan mengambil lebih guru terlatih dalam bahasa Mandarin.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh.

5.28ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Pengerusi, ingin juga saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Maksud B.26 dan juga P.26.

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, P.26 tidak boleh dibahas. Itu token sum. Yang \$10.00 itu token sum, B.26 boleh dibahaskan.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh rujuk kepada Kertas Perintah 2A Tahun 1989, Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga Tahun 1988 bagi Kerajaan Malaysia, muka surat 5. Item 3, Maksud P.26, "Peruntukan tanda sebanyak \$10 perlu disediakan untuk mewujudkan butiran projek ini. . . ." Projek itu adalah pembelian kapal layar baru. " oleh kerana tiada peruntukan yang disediakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1988. "

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan P. Patto: " bagi membolehkan pindahan peruntukan

dibuat. Peruntukan tambahan sebanyak \$8 juta untuk pembelian kapal layar boleh ditampung melalui pindah peruntukan dari lain-lain butiran projek". Itu sebabnya saya sentuh tentang itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya sungguh tertarik kepada Maksud B. 26 di mana Kementerian Pendidikan mahu peruntukan tanda sebanyak \$10 untuk membeli kapal layar. Saya kurang faham apakah sangkutannya di antara Kementerian Pendidikan dengan kapal layar ini. Saya takut hari ini Dewan diminta untuk meluluskan peruntukan tanda \$10 untuk membeli kapal layar, mungkin hari esok. mahu beli kapal lain, kapal-terbang atau keretapi atau lori atau apa, saya tidak tahu, saya tidak taham.

Seorang Ahli: Kereta lembu!

Tuan P. Patto: Ah, mungkin juga. Dan peruntukan tambahan sebanyak \$8 juta untuk pembelian kapal layar boleh ditampung melalui pindah peruntukan dari lain-lain Butiran projek. Apakah lain-lain butiran projek? Dari mana peruntukan ini boleh dipinda? Saya kira Dewan ini harus diberi tahu apakah sebab-sebab pembelian ini dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dan sekiranya ada peruntukan di bawah Kepala lain, di bawah lain-lain Butiran projek, kenapa pindaan ini dibuat?

Kepada Butiran projek 03300. Kalau Kepala yang mana, Butiran projek mana di mana pindaan ini dibuat dan apa sebab pindaan ini dibuat dan apakah kegunaan kapal layar ini untuk Kementerian Pendidikan ini? Kalau Kementerian Pertahanan, mungkin saya rasa ada sebab, tetapi Pendidikan, saya kurang faham, itu sebabnya saya minta penjelasan yang lanjut mengenai perkara ini dan adakah Butiran atau peruntukan tanda

sebanyak \$10 ini digunakan supaya pada masa akan datang kita tidak dapat menyoal perkara ini dan ini adalah satu-satu cara baru supaya permintaan peruntukan tanda dibuat dan selepas itu Kementerian Pendidikan tidak menyerahkan permintaan atau peruntukan sebenarnya kemudian di mana apabila digunakan wang itu dan tidak ada sebarang peruntukan tambahan diminta maka tidak dapat kita membahaskan pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya alih kepada B. 26. Seperti mana rakan-rakan saya menyatakan tentang beberapa perkara mengenai penempatan guru-guru dan juga emolumen yang diperlukan untuk pertambahan jawatan guru.

Tuan Pengerusi, saya ingin menanyakan pihak Kementerian Pendidikan, dalam menambahkan jawatan guru-guru, adakah Kementerian Pendidikan membuat secara halus dan dalam, kajian mengenai keperluan guru-guru untuk mata-matapelajaran tertentu khususnya untuk mengajar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, dan khususnya guru-guru untuk mengajar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tionghua dan Tamil.

Beberapa hari dahulu dalam Dewan ini juga, Timbalan Menteri Pendidikan dari MCA sewaktu menjawab satu soalan daripada rakan saya dari Bukit Mertajam mengatakan bahawa beliau mengakui ada guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang dikehendaki mengajar mata-matapelajaran yang lain di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, kerana kata beliau masa pengajaran ataupun, dengan izin, teaching time, untuk guru-guru ini adalah sangat kurang apabila berbanding dengan guru-guru yang mengajar matapelajaran dalam bahasa Tionghua atau Tamil dalam Sekolah

Tionghua dan Tamil dan oleh kerana mungkin ada sungutan daripada guru-guru iain maka kata beliau guru besar-guru besar tertentu ini menambahkan masa pengajaran, masa mengajar bagi guru-guru ini dan guru-guru besar ini menghendaki mereka mengajar mata-mata pelajaran yang lain selain dari mengajar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan beliau ada mengatakan dalam Dewan ini juga bahawa daripada satu dua tempat adalah Taiping salah satunya.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian Pendidikan, tidakkah Kementerian Pendidikan boleh mengarahkan semua Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil supaya mereka jangan mengarahkan guru-guru yang berkelulusan mengajar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk mengajar bahasa-bahasa lain atau mata-mata pelajaran lain yang bukan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris iaitu bahasa Tionghua atau bahasa Tamil. Tidakkah boleh Kementerian Pendidikan memberi satu arahan? Kenapa Timbalan Menteri Pendidikan datang ke Dewan ini dan melonggokkan blame, dengan izin, kepada guru besar mengatakan kerja meminta guru-guru ini mengajar bahasa Mandarin atau mata pelajaran dalam bahasa yang sepatutnya diajar dalam bahasa Mandarin dan Tamil diajar oleh guru yang tidak tahu bahasa Mandarin atau bahasa Tamil. Tidakkah Kementerian Pendidikan mempunyai kuasa untuk mengarahkan guru besar supaya jangan berbuat demikian?

Saya kira jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri dalam Dewan ini pada hari itu, Timbalan Menteri daripada MCA mungkin tidak tepat dan adalah dibuat untuk "mislead" Dewan ini. Sebab, kalau salahnya terletak pada guru besar, kenapakah ia tidak diperbetulkan oleh Kementerian Pendidikan sehingga

hari ini. Itulah sebab saya minta supaya Kementerian Pendidikan buat arahan itu. Kalau guru berkelulusan bahasa untuk mengajar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris tidak tahu bahasa Mandarin atau bahasa Tamil, janganlah mengajar mata pelajaran dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang sepatutnya diajar dalam bahasa Tionghua/Mandarin atau Tamil.

Yang kedua, juga dalam pertambahan jawatan guru dan juga memandangkan ada aktiviti baru iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, ingin saya bertanya Menteri Pendidikan khususnya walaupun beliau tidak berada di sini, wakilnya berada di dalam Dewan ini sekarang. Pada satu ketika Menteri Pendidikan membuat pengumuman bahawa negara ini mempunyai Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama dan bahasa keduanya adalah bahasa Inggeris dan beliau bercadang bahasa Perancis dijadikan bahasa ketiga. Saya tidak tahu apakah sebabnya bahasa Perancis dijadikan bahasa ketiga.

Saya memang sedar bahawa menantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang Perancis, tetapi apakah menantu itu ada bersangkutan-paut dengan Dasar Pendidikan Negara atau asal usul menantunya itu? Saya tidak tahu, saya cuma hendak dapat tahu daripada pihak Kementerian Pendidikan. Dan apakah sebabnya Kementerian Pendidikan itu sungguh tertarik kepada bahasa Perancis walaupun saya faham bukan bahasa Perancis, saya faham bahasa Perancis adalah salah satu daripada bahasa dunia yang dianggap sebagai halus, yang sedap didengar dan dicakap dan ada berjuta-juta umat manusia yang bertutur dalam bahasa Perancis. Saya tidak menghina bahasa Perancis ataupun orang-orang Perancis, baik menantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau sesiapa sahaja, saya

tidak menghinia. Yang saya menanyakan sebabnya ia dijadikan ataupun diumumkan sebagai ia boleh dijadikan bahasa ketiga. Kenapa bahasa Mandarin yang selepas Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris boleh dikatakan digunakan luas di dalam negara ini—boleh dikatakan bahasa ketiga dalam negara Malaysia. Kenapa ia tidak boleh dijadikan bahasa ketiga negara Malaysia? Kalau ada sebab, saya mahu tahulah.

Yang ketiga, mengenai bahasa baku. Saya tidak tahu apakah sebabnya bahasa kita ini harus dibakukan.

Sama ada sehingga hari ini ia belum dapat dibakukan sepenuhnya maka dikeluarkan kenyataan oleh Menteri Pendidikan Bahasa Malaysia kita ini haruslah dibakukan dan digelar sebagai bahasa baku. Saya tidak tahu sama ada latar belakang pengumuman ini adalah kerana ada tiga empat orang Menteri yang boleh dikatakan Menteri-menteri utama dalam Kabinet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang daripada negeri Kedah, di mana sebutan Bahasa Malaysia itu dianggap sebagai bahasa baku. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri datang dari Kedah, Yang Berhormat Menteri Pertanian dari negeri Kedah, Yang berhormat Menteri Kewangan dari Kedah dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan daripada Pulau Pinang. Asal usul Menteri-menteri lain itu saya kurang tahu. Jadi apakah keputusan untuk mengumumkan bahawa sekolah-sekolah akan menggunakan bahasa baku dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia adalah kerana terdapat dalam Kabinet beberapa orang Menteri daripada negeri Kedah atau sebelah utara Semenanjung Malaysia di mana sebutan Bahasa Malaysia adalah dianggap dan diterima sebagai bahasa baku.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat dari Tanah Merah minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Minta jalan.

Tuan P. Patto: Tidak.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. Teruskan. Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Tuan P. Patto: Ya, Tuan Pengerusi. Saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi sebab-sebab kenapa Bahasa Malaysia seharusnya dijadikan bahasa baku oleh kerana setahu saya Bahasa Malaysia mempunyai loghat dan

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta jalan, boleh?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan P. Patto: Tidak. oleh kerana Tuan Pengerusi tidak

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak berani!

Tuan P. Patto: Tidak apa, saya ini kalau dicakap takut

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berilah.

Tuan P. Patto: Kalau berani, cakap saya takut.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pandang sana. Takut!

Tuan P. Patto: Saya takut berasuahlah! Saya memang kata dari dahulu

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta jalan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, dia tidak benarkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak beri jalan. Oh! takut sangat.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan. Duduklah.

Tuan P. Patto: Ya, saya ini takut

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Jangan jawab dia, Yang Berhormat. Jawab saya. Teruskan.

Tuan Hu Sepang: Point of order. Tidak patut kepada Yang Berhormat dari Ipoh, sebab dia diserang dari belakang oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order berapa, Yang Berhormat?

Tuan Hu Sepang: Point of order 36 (6), sangkaan jahat, diserang dari belakang. (*Ketawa*) Apabila beliau pandang hadapan kepada Tuan Pengerusi, dia diserang dari belakang, sangkaan jahat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, apa makna "serang dari belakang". Saya tidak faham makna diserang dari belakang.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Okay, tidak apalah.

Tuan P. Patto; Tuan Pengerusi, saya tidak mahu membuang masa dengan orang yang rakan dari Rasah itu sudahpun di gelar . . . (expunged). Tuan Pengerusi

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta jalan. Saya hendak cakap secara serius sedikit.

Tuan P. Patto: Saya tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia jual minyak, Tuan Pengerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order saya boleh benarkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (6). Dia kata . . . (expunged). Dia Ahli Parlimen dari Marang. Betul?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul, betul!

Tuan Shahidan bin Kassim: Suruh dia tarik balik itu.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, duduk! Yang Berhormat dari Ipoh tolong tarik perkataan itu . . . (expunged).

Tuan P. Patto: Saya kata begini tadi, Tuan Pengerusi. Saya kata saya tidak akan memberi jalan kepada orang yang di gelar . . . (expunged) oleh Ahli dari Rasah. Hari itu tidak ditarik balik. Jadi tidak jadi masalah sekarang. Saya cuma ulangi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu indirect mengatakan dia . . . (expunged). Jangan kata itu.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya teruskan ucapan saya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang tidak ada apa-apa.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, point yang ke

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, dia tidak tarik balik. Point of order 36 (6).

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh lupa hendak tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tarik balik, Mahaguru!

Tuan P. Patto: Saya harap Yang Berhormat dari Arau jangan perli dalam Dewan ini. Jangan buat kebudak-budakkan dalam Dewan ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order 36 (6).

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti! Biar saya seorang sahaja bercakap. Yang Berhormat dari Ipoh, saya minta tarik balik mengenai dengan mengatakan Rasah cakap begini-begini itu. Minta tarik balik ucapan itu!

Tuan P. Patto: Saya tarik balik kalau saya kata dia (expunged). Yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rasah itu, saya tidak boleh tarik balik.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta yang itu.

Tuan P. Patto: Yang itu boleh. Saya teruskan

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order lagi?

Tuan Hu Sepang: Bukan,"saya minta penjelasan dari rakan saya dari Ipoh, oleh kerana nama saya telah disebut. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nama Yang Berhormat Hu Sepang, bukan Rasah.

Tuan Hu Sepang: Rasahlah! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nama Yang Berhormat Rasah?

Tuan Hu Sepang: Bukan! Kawasan saya Rasah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak tahu-nama sendiri!

Tuan Hu Sepang: Tadi kawasan saya telah disebut, bukan nama saya disebut. (*Ketawa*) Jadi saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beri. Jangan panjang sangat. Masa tidak mengizinkan. Teruskan.

Tuan Hu Sepang: Ya, sebab dia kata apa yang saya kata. Mengenai apa yang telah mereka tidak puas hati, sebab apa yang saya kata tadi telah diizinkan pada hari itu. Bila saya buat kenyataan tersebut tiada orang yang menentang. Nampaknya mereka semua puas hati. (*Ketawa*) Jadi bagaimana hari ini "mood" mereka telah tukar. Itu penjelasan saya.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, rakan saya minta penjelasan daripada

saya, tetapi saya tidak dapat memberikan penjelasan mengenai "mood" mereka. Dan kenyataan yang dibuat oleh rakan saya dari Rasah itu masih kekal. Itu sahaja yang saya tahu. Saya teruskan kepada point yang keempat iaitu mengenai aktiviti baru Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan kepada(expunged).

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Siapa.(expunged).

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu! (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik perkataan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tunjuk itu. Yang Berhormat dari Rasah, saya kata(expunged).

Tuan P. Patto: Saya harap perkataan itu boleh ditarik balik, oleh kerana time ini time saya. Kalau hendak tuju kepada Yang Berhormat dari Rasah, cakap Yang Berhormat dari Rasah. Dia sepatutnya tarik balik.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk dahulu. Yang Berhormat dari Arau, tolong tarik balik perkataan(expunged).

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Rasah kata

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik(expunged). Senang sahaja, tidak payah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak tarik buat apa. Saya kata Yang

Berhormat dari Rasah.(expunged). Dia sudah minta saya tarik balik—bukan saya kata kepada Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Hu Sepang: Tuan Pengerusi, point of order. Ini sangkaan jahat, mungkin ini satu lagi "grand design" dari dia. (*Ketawa*) Saya sangat bimbang. (*Ketawa*) Sudah banyak "grand design". Siapa dia hendak aniaya lagi? Mungkin ini satu "grand design" lagi terhadap saya, Dia sudah ada "grand design" terhadap Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ini sangkaan jahat 36 (6).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, ini bukan "grand design".

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya cakap(expunged) Yang Berhormat dari Rasah. Yang Berhormat dari Rasah yang patut suruh saya tarik balik, bukan Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Hu Sepang: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Arau tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jangan-jangan

Tuan Hu Sepang: Mungkn ini hendak tarik balik satu lagi "grand design".

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia mengungkit balik. Tuan Pengerusi, dia mengata kepada Yang Berhormat dari Marang tempoh hari tidak ditarik balik, sebab apa hari ini dia suruh saya tarik balik pula(expunged).

Tuan Hu Sepang: Itu antara saya dengan Marang, bukan di antara saya dengan Arau. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik, sebab dia kata

Tuan Hu Sepang: Hari itu sahaja, bukan hari ini. Hari ini saya tidak sebut apa-apa. (*Ketawa*) Sudah lambat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, tarik balik tidak?

Tuan Hu Sepang: Sudah lambat.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, saya buat ruling. Saya tidak mahu lagi (expunged) disebut pada hari ini. Teruskan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Yang Berhormat, masa tidak banyak lagi.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, boleh perkataan itu ditarik bank? Tadi saya

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, sila teruskan, saya tidak benarkan (expunged) itu disebut-sebut lagi.

Tuan P. Patto: Bolehkah Tuan Pengerusi mengarahkan supaya perkataan itu di'expunged' daripada Parliamentary records?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh "expunged". Teruskan Yang Berhormat, kita tidak mahu membuang masa.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya pergi kepada point yang keempat, mengenai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Sepertimana rakan saya dari Kepong mengatakan ibu-bapa sudah pun mula merungut kerana perubahan masa dalam waktu sekolah dan ini sudah menjadi beban kepada ibu-bapa dari segi perbelanjaan bagi anak-anak mereka khususnya yang ada di Tingkatan 1, 2 dan ke atasnya. Dan tambah pula faedahnya belum diketahui, jadi saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian

Pendidikan sama ada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ini dibuat selepas dikaji sedalam-dalamnya dan didapatkan pandangan-pandangan dari ibu-bapa

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 36 (1), "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu." Ini dia bercakap soal dasar. Erti tidak yang dia bercakap itu. Ini sekarang ini dalam Committee Stage yang dia cakap tentang itu semua dasar. Cakap dasar masa lainlah, ini soal lain. Tidakkan tidak erti.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, sila duduk. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya sudah lama dalam Parlimen, bukan baru saya masuk, bukan sahaja dalam Dewan ini malah saya pernah berkhidmat dalam Parlimen dan saya faham.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta maaf, ini bukan lama tidak lama, janggut panjang pendek, tetapi ini soal dasar, Tuan Pengerusi.

Tuan P. Patto: Dengan izin, I am not prepared to stoop as low as the Member for Marang,

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak usah cakap orang putihlah.

Tuan P. Patto: Saya tidak rela.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini soal dasar ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang duduk. Saya benarkan dia teruskan sedikit.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Mengenai aktiviti baru ini iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian Pendidikan sama ada pandangan-pandangan daripada ibu-bapa diperolehi dan dihalusi dan didalami sebelum dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah oleh kerana sungutan-sungutan itu semakin hari semakin bertambah mengenai pelaksanaan KBSM ini dari segi perbelanjaan bagi ibu-bapa dan juga bagi kanak-kanak yang terpaksa berada di sekolah atau waktu mereka berada di sekolah itu sungguh lama.

Dan saya ingin mendapat tahu di bawah Maksud B. 26 di mana disebut dalam Memorandum Treasury, dan saya petik, cuma ayat itu sahaja. Tuan Pengerusi:

"dan di samping itu untuk melaksanakan beberapa aktiviti baru dan bagi aktiviti yang tidak mempunyai cukup peruntukan."

Bolehkah saya dapat tahu apakah beberapa aktiviti baru itu. Sebab Dewan ini diminta untuk meluluskan perbelanjaan \$119 juta. bukan token atau sebagainya, kalau token pun tidak mengapalah, kita boleh lepaskan

dan soal dari segi dasar sahaja tetapi ini sudah detail, tetapi detailnya tidak mencukupi untuk Dewan meluluskan umpamanya melaksanakan beberapa aktiviti baru, apakah aktiviti-aktiviti baru yang dilaksanakan itu yang memerlukan peruntukan tambahan daripada Dewan.

Yang kedua, aktiviti yang tidak mempunyai cukup peruntukan, yang mana satu yang tidak mempunyai cukup peruntukan itu supaya Dewan dapat memahami dan selepas memahami itu boleh meluluskan sepertimana dikehendaki jika didapati wajar. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Pengerusi, sebelum saya memberi jawapan saya mengucapkan terima kasih atas Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk memberi pandangan dan teguran di atas beberapa perkara yang telah dikemukakan pada petang ini mengenai Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi telah membangkitkan perkara guru-guru dan program KBSM dan juga konsep-konsepnya dan juga masalah-masalah lebih guru dan untuk mendapatkan peruntukan tambahan ini di bawah emolumen. Untuk makluman Dewan ini dan Ahli Yang Berhormat, peruntukan emolumen ini adalah yang diberikan kerana peruntukan dahulu adalah tidak mencukupi oleh keperluan pertambahan atas dasar kerana tidak kurang lebih dari 6,500 jawatan baru telah diwujudkan dan ia juga berpunca dari pembayaran tunggakan gaji

dalam kenaikan pangkat pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan pendidikan.

Mengenai masalah emolumen ini adalah usaha untuk kita meninggikan lagi mutu perkhidmatan pegawai-pegawai pendidikan kita dan kumpulan yang terlibat dalam program ini ialah termasuk Kumpulan "A" di mana lebih dari 1,600 jawatan telah diwujudkan, di Kumpulan "B" 761 jawatan dan Kumpulan "C" lebih dari 3,400 jawatan dan termasuk juga jawatan Kumpulan "D" yang ditambahkan 661 jawatan. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa mengenai usaha kita ini adalah untuk meninggikan lagi mutu pendidikan di mana usaha asrama-asrama desa juga akan dibina dan juga bagi mengatasi lebih dari 5,600 kelas terapung di seluruh negara kita yang masih wujud.

Nisbah di antara guru dan pelajar ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Seremban di mana nisbah-nisbah ini memang ada bilik-bilik darjah di mana kebanyakan murid sampai 40-45, ini bukan purata di negara kita, ada sekolah-sekolah di mana kesesakan tempat yang wujud itu, tindakan-tindakan untuk menambahkan kelas-kelas bilik darjah di bawah program-program pembangunan di bawah Bank Dunia dan juga di bawah peruntukan tempatan diwujudkan untuk mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga tadi telah membangkitkan masalah kelebihan guru di sekolah jenis kebangsaan dan ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi, dan ini adalah seperti yang dinyatakan di Dewan ini ialah perkara yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri Pendidikan sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh tadi dan ini adalah di mana

pengagihan matapelajaran-matapelajaran dan masa-masa yang diadakan ialah di bawah pengurusan sekolah-sekolah. Dan di mana keadaan yang telah dibangkitkan tidak payahlah diperbesar-besarkan di mana keadaan ini telah timbul adalah sedang diusaha dan diperbetulkan di mana-mana lebihnya ada guru yang diberi masa untuk mengajar. Tetapi yang penting sekali ialah di mana keperluan sekolah-sekolah atas guru mengajar matapelajaran-matapelajaran yang tertentu adalah bergantung kepada permintaan dari peringkat sekolah menerusi peringkat negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menimbulkan perkara

Tuan Mohd. Noh bin Rajab:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap, minta penjelasan.

Dr Leo Michael Toyad: Adakah atas soalan tadi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Berilah tengok.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Penerangan yang dibuat tadi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar bahawa guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang dihantar ke sekolah-sekolah yang aliran bahasanya bahasa Tamil atau Cina, adalah dikenakan mengajar senaman ataupun latihan di padang sahaja. Mereka adalah berkelulusan mengajar bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan tidak perlu mengajar pelajaran-pelajaran lain untuk mencukupi period, dengan izin, Tuan Pengerusi, hanya tambahan itu adalah

kepada keperluan mengajar senaman. latihan sukan di masa petang sahaja, bukan untuk mengajar sejarah atau ilmu alam dan sebagainya. Adakah ini sebenarnya berlaku?

Dr Leo Michael Toyad: Yang telah kita jawab bahawa ini adaiah sebab di mana pembahagian matapelajaran-matapelajaran ialah diarahkan dan apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah tidak begitu tepat. Jadi, perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor tadi, soal pembinaan sekolah di SRJK (T) Manchong telah mengemukakan masalah kepada Kementerian dan kalau tidak silap saya Yang Berhormat telah menyatakan belum dapat jawapan. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat meneliti *Hansard* dalam jawapan saya pada 16hb Mac, dan saya tidak perlu menjawab pada hari ini.

Mengenai sokongan atas buku-buku teks kita telah menyediakan di mana perlu untuk menyediakan bekalan buku-buku teks dan tidak rnengira tempat dan kawasan. Ini memerlukan satu pertimbangan di mana keperluan buku-buku teks untuk pelajar-pelajar kita.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengenai guru pelatih. Kenyataan yang telah diumumkan oleh Kementerian ialah mengenai dikurangkan guru-guru pelatih, bermakna bukannya dikurangkan dari segi keperluan negara tetapi kerana dalam tahun 1984 pengambilan telah dinaikkan untuk kita memenuhi keperluan yang telah mendesak. Jadi, langkah yang telah diambil ini adalah kita mengambil guru ke tahap pengambilan balik semula di mana kita dapat mengeluarkan guru untuk menggantikan guru-guru yang bersara

dan perkembangan penduduk, pelajar dan juga perkembangan bilik darjah yang bertambah secara. dengan izin, normal rate of increase. Jadi, ini tidaklah melibatkan sepertimana Ahli Yang Berhormat kata-kata tadi kita telah mengurangkan secara mendesak tetapi ialah balik semula pengambilan yang biasa untuk perkembangan yang diperlukan di negara kita mengikut faktor-faktor seperti pertumbuhan pelajar-pelajar dan juga permintaan-permintaan. sekolah baru dan bilik-bilik darjah.

Dari segi kekurangan guru kebanyakannya dari negeri Sabah dan Sarawak dari segi guru-guru pelatih dan kebanyakan yang kurang ialah lebih dari 60% ialah di kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil di Sabah dan Sarawak.

Perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi yang telah tertarik hati kepada P. 26, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa kapal layar ini adalah satu program kerjasama dengan Tentera Laut Di Raja Malaysia. Dan kapal layar itu adalah dihadiahkan kepada Kerajaan Malaysia dan boleh digunakan untuk kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah. Begitulah terlibatnya Kementerian Pendidikan dalam program ini. Dan ini akan diuruskan dengan kerjasama rapat dengan Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk kegiatan kokurikulum seperti Rover Scout dan Sea Scout.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, dalam Memorandum Perbendaharaan ada disebutkan bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$8 juta untuk pembelian kapal layar. Tetapi tadi Yang Berhormat mengatakan dihadiahkan—yang mana satu betul?

Dr Leo Michael Toyad: Int memberi jawapan bagaimana Kementerian telah terlibat. Jadi, dalam usaha ini, program ini untuk menjadi satu program diperkembangkan dalam kegiatan ko-kurikulum. Kapal layar ini banyak saiznya, yang pentingnya ialah untuk kegiatan ko-kurikulum adalah kegiatan seperti canoeing dan lain-lain dan bukan kapal yang besar-besar 52-60 footer yacht, kapal layar ini asal kapal dia dapat duduk dua orang dengan ada layar, itu kapal layar.

Tuan P. Patto: Sebelum Yang Berhormat menyatakan sama ada dihadiahkan atau dibeli, sebab dalam jawapan tadi dikatakan kapal layar itu dihadiahkan, tetapi peruntukan diminta untuk membeli. Yang mana satu betul?

Dr Leo Michael Toyad: Bukan, Yang Berhormat, kita terlibat dalam program ini pengurusan di mana the token sum of \$10 ini adalah untuk mendapat peruntukan mengurus dan juga program ini kemungkinan akan diperkembangkan untuk kegiatan ko-kurikulum.

Tuan P. Patto: Saya masih belum jelas tentang kenyataan tadi dikatakan hadiah, dan pembelian itu yang saya kata, dan ini bukan Mengurus ini, Pembangunan—untuk Pembangunan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kertas Perintah 2A Yang Berhormat menyatakan peruntukan tambahan \$8 juta untuk pembelian kapal layar. Itu yang dia keliru—Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Dr Leo Michael Toyad: Yang mana.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kertas Perintah 2A Yang Berhormat, muka surat 5.

Dr Leo Michael Toyad: Ya, Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat telah bertanya macam mana kita telah terlibat dan minta token \$10. Ini adalah terlibat untuk mengadakan peruntukan mengikut keterangan di sini untuk pengurusan kalau diperlukan dalam menguruskan kapal layar yang telah diadakan dan perkara ini telah

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, saya rasa Ahli dari Ipoh tak faham lagi, sebab pembelian itu, adakah Kementerian akan menggunakan wang \$8 juta ini untuk membeli kapal layar baru. Betul atau tidak Ahli dari Ipoh, sebab itu dia tak faham, bukan?

Tuan P. Patto: Sebab Timbalan Menteri kata dihadiahkan tetapi sama ada hadiah atau hendak beli, kalau beli maka katakan beli, kalau hadiah itu lain. Kalau tadi kata hadiah, macam mana hendak beli lagi? Adakah beli tambahan pula?

Dr Leo Michael Toyad: Kalau Ahli Yang Berhormat itu keliru, di sini kita mengatakan, boleh dikatakan untuk membeli kapal layar itu.

Tuan P. Patto: Okay.

Dr Leo Michael Toyad: Satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi ialah mengenal Bahasa Malaysia baku dan bahasa Perancis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa bahasa ketiga banyak bukan bahasa Perancis sahaja yang telah dikatakan untuk menjadi satu bahasa ketiga dalam pendidikan bahasa kita dan bahasa baku adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ialah ertinya baku dalam bahasa dari segi struktur, penggunaan dan juga ejaan dan juga sebutan. Kalau tidak silap saya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh adalah baku dalam sebutannya dan ini adalah

satu tanda bahawa bukannya susah untuk kita menyebut dalam bahasa baku tetapi kita lebih menekankan bahawa menggunakan bahasa baku ini adalah satu sistem di mana kita dapat menyelaraskan penggunaan Bahasa Malaysia.

Saya ingin menyatakan di sini kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bahawa bukan orang dari utara sahaja yang menggunakan sebutan baku, kami di sebelah Sabah dan Sarawak juga menggunakan sebutan baku. Jadi, ini janganlah dikaitkan kesilapan sebab-sebab Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga telah menimbulkan perkara perubahan waktu sekolah yang telah menjadi beban kepada ibubapa dari segi perbelanjaan sekolah terutamanya bagi murid-murid dari Tingkatan I dan Tingkatan II, sedangkan faedahnya belum kita ketahui. Soalan ialah sama ada KBSM dikaji sedalam-dalamnya dan mendapat ibubapa didapatkan dan dikaji dan dihalusi sebelum KBSM dilaksanakan di sekolah menengah. Jadi seperti Ahli Yang Berhormat telah nyatakan tadi, sungutan makin hari makin banyak. Kita telah mendapatkan pendapat dari ibubapa dan dikaji sejak di peringkat awal perancangan KBSM ini sehinggalah kini. Jadi untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, isu ibubapa yang dikemukakan oleh beliau tadi, diharapkan Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada jawapan saya pada 16hb Mac dalam menggulung Titah Ucapan DiRaja dan saya tidak ada tambahan yang lain pada hari ini.

Dan saya ingat itu sahaja perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah Kementerian Pendidikan dan perkara-perkara yang lain telah diambil kira dan diberikan perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang sejumlah \$119,440,000 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$119,440,000 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud B.30 (Jadual)-

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 30 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ahli dari Kepong.

6.16ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun di muka surat 16, Kertas Perintah 1, 1989, Butiran 070000 (Baru), Kumpulanwang Amanah, Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah, tambahan peruntukan sebanyak \$1 juta diberi kepada butiran ini. Akibatnya nilai tabung pusingan ialah \$30 juta.

Tuan Pengerusi, terlalu sedikit maklumat mahupun publisiti yang diberi terhadap kewujudan tabung pusingan ini. Apakah definisi Kerajaan bagi pendapatan rendah sebelum seseorang melayakkan diri memohon pinjaman daripada tabung ini? Apakah lain-lain syarat pinjaman yang dikenakan ke atas mereka yang berjaya? Apakah lain-lain ciri yang mesti ditepati oleh pemohon sebelum boleh dipertimbangkan bagi menerima pinjaman? Apakah faktor-faktor yang menentukan jumlah pinjaman yang diberi kepada seseorang pemohon? Siapakah yang mengendalikan kumpulanwang ini?

Tuan Pengerusi, wang \$10 juta yang dipinta dan ditambah kepada yang sedia ada \$20 juta, dengan jumlah \$30 juta ini bukanlah begitu kecil dan walaupun ada di dalam Memorandum Kertas Perintah di sini ada catatan beberapa ayat sahaja untuk meminta wang seperti ini, Kami tidak begitu puas hati kerana butir-butir yang lanjut tidak diberi. Saya bukan hendak minta maklumat begitu terperinci, itu mustahil. Cuma secara kasarnya menjelaskan apakah yang dimaksudkan yang diminta untuk amaun yang begitu besar. Di sini ada tiga ayat sahaja, Tuan Pengerusi. Menubuhkan satu tabung pusingan, mungkin menolong menyelesaikan masalah kewangan golongan berpendapatan rendah yang ingin membeli rumah sendiri yang tidak kurang pentingnya ialah Kerajaan mesti mengesyorkan yang lebih banyak unit rumah kos rendah dibina di seluruh negara. Biasanya pemaju perumahan lebih sederhana membina unit-unit rumah kos rendah dan kos tinggi terutamanya apabila pasaran hartanah melambung naik. Kementerian Perumahan sendiri mengumumkan pada bulan Februari yang lalu bahawa harga rumah akan meningkat 10% menjelang akhir tahun ini.

Tuan Pengerusi, keadaan seperti ini bukan sahaja menambahkan lagi beban kewangan golongan berpendapatan rendah akan tetapi mungkin menjadi lebih menarik bagi pemaju untuk membina unit-unit rumah kos sederhana dan kos tinggi daripada unit kos rendah. Maka kedua-dua tenomena pengurangan bekalan serta peningkatan kos akan berlaku dan orang ramai khasnya golongan yang berpendapatan rendah mendapati ia lebih sukar untuk memiliki rumah sendiri.

Tuan Pengerusi, perkara ini adalah serius kerana dengan cukai yang dikenakan ke atas bahan-bahan binaan dan sebagainya maka pihak pemaju rumah akan menambahkan kosnya bukan kepada diri sendiri bahkan kepada pembeli-pembeli rumah dan dengan itu harga kos rumah itu meningkat. Saya faham bahawa kerana pihak pemaju rumah kalau menguruskan dengan betul, kaiaiu tidak ada berlakunya penyelewengan memang tidak dapat untung kalau membina rumah-rumah kos rendah. Itu satu hakikat. Tetapi ada juga yang melakukan penyelewengan, aktiviti yang tidak diingini sehingga mereka ada menerima wang-wang yang melalui saluran yang tidak sah sehingga dapat menampung kos pembinaan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, semasa permintaan bagi unit-unit rumah kos sederhana dan tinggi lemah, rumah-rumah kos rendahlah yang dilaporkan membolehkan syarikat-syarikat pemaju terus hidup. Sekarang dengan pemulihan pasaran hartanah adakah pertimbangan yang berpatutan akan diberi kepada permintaan rumah kos rendah. Soal ini penting kerana semasa pilihanraya 1986 Kerajaan ada berjanji untuk membina banyak rumah kos rendah tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu Kerajaan tidak dapat membina, tidak dapat

mencapai matlamat sehingga hari ini perkara ini tidak dibangkitkan lagi. Itulah satu perbuatan yang tidak patut. Di sini saya hendak menekankan bahawa apabila merancang projek-projek kos rendah Kerajaan mestilah menunaikan janji-janji tersebut.

Tuan Pengerusi, perkara lain yang ingin saya terbitkan di sini ialah hakikat bahawa sungguhpun ada unit-unit rumah kos rendah yang telah dibina setengah orang masih tidak berupaya membeli rumah sendiri dan juga tidak menerima bantuan kewangan disebabkan oleh faktor-faktor tertentu sama ada daripada Kerajaan atau institusi-institusi kewangan. Maka apakah usaha Kerajaan ke arah membolehkan orang-orang ini memiliki rumah. Ini satu dasar dan satu kaedah yang diaturkan oleh Kerajaan untuk membolehkan orang-orang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Saya berharap dari masa ke semasa perkara ini dapat dikaji semula dan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.24 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan satu isu yang agak berlainan sedikit daripada yang telah pun disebut di dalam Maksud B.30. Maksud B.30 ialah meminta supaya penambahan \$10 juta diberi kepada Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah, bukan untuk membina rumah kos rendah. Berbeza sedikit. Ini adalah skitn pinjaman perumahan berbeza daripada yang saya sebut tadi "low

cost housing scheme". Tambahan sebanyak \$10 juta ini adalah dikehendaki untuk dipindahkan kepada Tabung Pusingan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah. Sebagai tambahan kepada jumlah peruntukan yang telah pun diluluskan sebanyak \$20 juta dan dengan tambahan ini jumlahnya akan menjadi 30 juta.

Sebenarnya pada tahun 1975 Dewan Rakyat telah pun meluluskan sebanyak \$10 juta dan sekali lagi pada tahun 1983 lagi \$10 juta jadi \$20 juta. Pada hari ini kita minta lagi \$10 juta menjadi \$30 juta.

Untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong sebagai ringkasnya peruntukan-peruntukan tersebut adalah digunakan untuk memberi pinjaman di bawah skim pinjaman perumahan di bawah syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Amaun pinjaman maksimumnya ialah \$7,500.00.
- (ii) Tempoh pinjamannya ialah antara 5 hingga 25 tahun.
- (iii) Faedahnya ialah 5¹/₂% setahun.
- (iv) Umur peminjam ialah di antara 18 sampai 48 tahun.
- (v) Jumlah pendapatan suami-isteri digabungkan ialah tidak lebih daripada \$700.00 sebulan.
- (vi) Tujuan pinjaman ialah untuk membina rumah baru yang kosnya tidak melebihi \$20,000.
- (vii) Peminjam mesti mempunyai tanah sendiri untuk digunakan sebagai cagaran.

Berbeza dari skim yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Dan peminjam mestilah

mempunyai tanah seperti yang saya sebutkan tadi untuk digunakan sebagai cagaran dan

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Arau hendak minta penjelasan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi; saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat daripada penjelasan Yang Berhormat tadi saya sedar bahawa skim ini disalurkan melalui Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, kalau saya tidak silap. Apakah Yang Berhormat sedar daripada syarat itu menunjukkan bahawa skim ini bukan untuk orang yang berpendapatan rendah; seolah-olahnya meletakkan skim ini kepada orang-orang yang berpendapatan rendah. Orang-orang yang berpendapatan rendah tidak sanggup untuk beli tanah. \$700 pendapatan, saya ingat tidak mampu hendak beli tanah. Setengah daripada kita belanja lebih \$700 sehari.

Tuan Mohamed bin Ariffin: Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Arau tidak mengikuti syarat-syarat yang telah saya sebutkan tadi. Amaun pinjaman maksimumnya ialah \$7,500 dan faedahnya rendah. Pendapatan suami isteri tidak lebih daripada \$700 sebulan untuk qualify, dengan izin, mendapat pinjaman ini. Dan selalunya pinjaman ini diberi kepada peminjam yang mempunyai tanah untuk digunakan sebagai cagaran dan ada keadaan-keadaan di mana dibenarkan juga pinjaman ini kepada orang-orang

yang boleh menggunakan tanah waris untuk dijadikan cagaran dengan syarat tanah itu dipersetujui oleh waris untuk dijadikan cagaran.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan lagi sekali. Saya rasa Yang Berhormat juga tidak mendengar soalan saya tadi. Soalan saya tadi macam ini. Saya kata kalau orang itu ada tanah atau warisnya ada tanah maka dia bukan berpendapatan rendah. Dia orang sudah kaya. Saya berperidapat kalau syarat-syarat ini dilonggarkan lebih kepada bentuk penjamin, bukan kepada cagaran tanah sebab saya rasa orang yang berpendapatan lebih daripada \$1,000 pun kadang-kadang tidak ada-tanah. Jadi, walaupun pendapatannya \$700 tapi dia dapat beli tanah, jadi seolah-olahnya dia dapat tanah itu mungkin dengan cara yang lain, rasuahkan atau sebagainya. Jadi, eloklah syarat yang menguntukkan tanah dijadikan cagaran itu ditarik balik. Skim ini saya rasa tidak logik sebab \$30 juta untuk beratus ribu rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah sehingga dikenakan syarat tanah pula.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh jawab dan sambung esok.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, hari Selasa, 21hb Mac, 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.